



NEGERI PULAU PINANG

**MESYUARAT PERTAMA  
PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI  
KEEMPAT BELAS**

**PENYATA RASMI**

**6 OGOS 2018 (ISNIN)**

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI  
PULAU PINANG**

**MESYUARAT PERTAMA  
PENGAL PERSIDANGAN PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS**

**06 OGOS 2018 (ISNIN)**

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
Kehadiran Ahli Yang Berhormat	4 - 5
<b>PENGUMUMAN OLEH YANG DI-PERTUA DEWAN UNDANGAN NEGERI</b>	
<b>SOALAN-SOALAN LISAN</b>	
Soalan No. 1 – Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee)	6
Soalan No. 2 – Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy)	7
Soalan No. 3 – Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon)	12
Soalan No. 4 – Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Gooi Zi Sen)	15
Soalan No. 5 – Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Ong Ah Teong)	9
Soalan No. 6 – Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam)	20
Soalan No. 7 – Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye)	21
<b>PERBAHASAN USUL UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA T.Y.T. YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG</b>	
Usul Daripada Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng)	23
Usul sokongan daripada Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail)	31
<b>DEWAN DITANGGUHKAN</b>	
<b>DEWAN DISAMBUNG SEMULA</b>	
<b>PENGUMUMAN MELANJUTKAN MASA PERSIDANGAN OLEH YAB. KETUA MENTERI DI BAWAH PERATURAN 6A(1)</b>	40
<b>SESI PERBAHASAN DISAMBUNG SEMULA</b>	
Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor) <i>mengambil bahagian dalam sesi perbahasan</i>	41
Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng) <i>mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.</i>	55

<b>Kandungan</b>	<b>Muka Surat</b>
Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.	60
Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.	68
Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim) mengambil bahagian dalam sesi perbahasan.	77
<b>PENGUMUMAN OLEH TIMBALAN YANG DI-PERTUA DEWAN</b>	82
<b><i>DEWAN DITANGGUHKAN</i></b>	

# LAPORAN PERSIDANGAN

## MESYUARAT PERTAMA PENGKAL PERSIDANGAN PERTAMA

### DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KEEMPAT BELAS

**Tarikh** : 06 OGOS 2018 (ISNIN)  
**Masa** : 9.30 Pagi  
**Tempat** : Dewan Undangan Negeri  
Lebuh Light, George Town  
Pulau Pinang.

#### HADIR

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Ahli Kawasan</b>
1.	YB. Dato' Law Choo Kiang	Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri
2.	YAB. Chow Kon Yeow	Ketua Menteri / Padang Kota
3.	YB. Prof. Dr. P. Ramasamy A/L Palanisamy	Timbalan Ketua Menteri II / Perai
4.	YB. Chong Eng	Padang Lalang
5.	YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh	Datok Keramat
6.	YB. Phee Boon Poh	Sungai Puyu
7.	YB. Dr. Afif bin Bahardin	Seberang Jaya
8.	YB. Zairil Khir Johari	Tanjung Bunga
9.	YB. Dato' Haji Abdul Halim Bin Hussain	Batu Maung
10.	YB. Yeoh Soon Hin	Paya Terubong
11.	YB. Soon Lip Chee	Bagan Jermal
12.	YB. Teh Lai Heng	KOMTAR
13.	YB. Lim Guan Eng	Air Putih
14.	YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin	Penanti
15.	YB. Lee Khai Loon	Machang Bubuk
16.	YB. Jason Ong Khan Lee	Kebun Bunga
17.	YB. Lim Siew Khim	Sungai Pinang
18.	YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq	Bertam
19.	YB. Mustafa Kamal Bin Ahmad	Telok Ayer Tawar
20.	YB. Satees a/l Muniandy	Bagan Dalam
21.	YB. Heng Lee Lee	Berapit
22.	YB. Gooi Hsiao-Leung	Bukit Tengah
23.	YB. Goh Choon Aik	Bukit Tambun

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Ahli Kawasan</b>
24.	YB. H'ng Mooi Lye	Jawi
25.	YB. Dr. Amar Pritpal Bin Abdullah	Timbalan YDP. DUN/Sungai Bakap
26.	YB. Zulkifli Bin Ibrahim	Sungai Acheh
27.	YB. Lee Chun Kit	Pulau Tikus
28.	YB. Gooi Zi Sen	Pengkalan Kota
29.	YB. Ong Ah Teong	Batu Lancang
30.	YB. Syerleena Binti Abdul Rashid	Seri Delima
31.	YB. Joseph Ng Soon Siang	Air Itam
32.	YB. Kumaresan A/L Aramugam	Batu Uban
33.	YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail	Pantai Jerejak
34.	YB. Azrul Mahathir Bin Aziz	Bayan Lepas
35.	YB. Haji Mohd Tuah Bin Ismail	Pulau Betong
36.	YB. Zolkify Bin Md. Lazim	Telok Bahang
37.	YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil	Permatang Pasir
38.	YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor	Ketua Pembangkang/Sungai Dua
39.	YB. Nor Hafizah Binti Othman	Permatang Berangan
40.	YB. Mohd. Yusni Bin Mat Piah	Penaga

#### **TIDAK HADIR**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1	YB. Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin Bin Abd. Rahman	Timbalan Ketua Menteri I / Pinang Tunggal

#### **AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN I BAB 3 PERKARA 6A PERLEMBAGAAN NEGERI PULAU PINANG.**

#### **HADIR**

<b>Bil.</b>	<b>Nama</b>	<b>Jawatan/Ahli Kawasan</b>
1.	YB. Dato' Seri Haji Farizan Bin Darus	Setiausaha Kerajaan Negeri
2.	YB. Dato' Anas Bin Ahmad Zakie	Penasihat Undang–Undang Negeri
3.	YB. Dato' Sarul Bahiyah Binti Haji Abu	Pegawai Kewangan Negeri

#### **TURUT HADIR**

Cik Maheswari A/P Malayandy - Setiausaha Dewan Undangan Negeri

Encik Mohd Roshidi Bin Azmi - Timbalan Setiausaha Dewan Undangan Negeri

**Dewan mula bersidang pada jam 9.30 pagi.**

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat. Bacaan doa.

**Timbalan Setiausaha Dewan:**

Bacaan Doa.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula.

**Setiausaha Dewan:**

Pengumuman oleh Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, pada sesi ini Dewan akan menimbang 79 Soalan Lisan, 581 Soalan Bertulis, 1 Rang Undang-Undang dan 7 Usul. Mesyuarat akan bersidang sehingga semua urusan mesyuarat selesai.

**Setiausaha Dewan:**

Pembentangan risalah.

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya pohon membentangkan di atas meja Dewan, Risalah Bilangan 1 dan 2 Tahun 2018 sepertimana yang tersenarai dalam Susunan Urusan Mesyuarat.

**Setiausaha Dewan:**

Soalan-soalan. Soalan Bertulis.

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jawapan kepada Soalan-soalan Bertulis telah diletakkan di atas meja ahli yang bertanya selaras dengan Subperaturan 15(1)(h) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang dan akan dimasukkan dalam penyata rasmi.

**Setiausaha Dewan:**

Soalan lisan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat, sesi soalan lisan bermula. Ingin saya persilakan Yang Berhormat Kebun Bunga.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):**

Dengan izin, Yang di-Pertua Speaker. Soalan saya, nombor 1.

- No. 1. Adakah *Detailed Environment Impact Assessment* telah dibuat oleh Kerajaan Negeri mengenai PTMP (*Penang Transport Master Plan*)?"

**YAB. Ketua Menteri :**

Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-Ahli Dewan yang mulia. Untuk menjawab soalan pertama berhubung dengan detail *Environmental Impact Assessment* yang dibuat oleh Kerajaan Negeri mengenai *Penang Transport Master Plan*. Tiga (3) komponen utama dalam Fasa Pertama pelaksanaan *Penang Transport Master Plan* adalah Projek Bayan Lepas, *Light Rail Transit*. Projek Lebuh raya Pan Island Link 1 dan Projek-Projek Jalan Utama dan Terowong. Kerajaan Negeri telah mengemukakan Laporan EIA (Jadual Kedua) bagi komponen-komponen kepada Jabatan Alam Sekitar untuk pertimbangan kelulusan. Laporan EIA untuk projek Jalan-Jalan Utama, telah mendapat kelulusan Jabatan Alam Sekitar pada 7 haribulan November tahun 2017. Laporan EIA bagi Projek Lebuh raya Pan Island Link 1, telah dikemukakan kepada Jabatan Alam Sekitar pada 7 haribulan Mei tahun ini.

Pada ketika ini, pihak Jabatan Alam Sekitar dalam proses pameran awam, Laporan EIA bermula pada 11 Julai sehingga 10 Ogos. Bagi Projek Bayan Lepas (LRT), Laporan EIA telah dihantar kepada Jabatan Alam Sekitar pada 31 Mei tahun 2017, dan Kerajaan Negeri masih menunggu perkembangan lanjut

mengenai keputusan Jabatan Alam Sekitar bagi projek berkenaan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):**

Yang Amat Berhormat, kalau boleh saya minta penjelasan sikit. Tadi Yang Amat Berhormat ada memberitahu Dewan ini bahawa EIA, *detail* EIA telah dilakukan berkenaan dengan beberapa projek utama iaitu Bayan Lepas (LRT) dan lagi satu PIL 1 dan juga termasuk Jalan-Jalan Utama dan Terowong.

Soalan saya ialah nak penjelasan ialah sama ada itu EIA, *detail* EIA ada dilakukan oleh pihak kerajaan atau oleh satu *consultant* yang bebas?

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih Yang Berhormat Kebun Bunga atas soalan tambahan. Sebelum menjawab pembedahan, Yang Berhormat kata EIA bagi terowong. Dalam jawapan cuma bagi jalan-jalan utama sahaja. Tidak masuk terowong yang masih dalam peringkat *feasibility study*. Laporan-laporan EIA ini bagi jalan-jalan utama dilantik oleh pihak syarikat, tetapi dibayar oleh pihak Kerajaan Negeri setelah siapnya laporan ini.

Manakala bagi Pan Island Link dan juga LRT, ianya adalah tanggungjawab syarikat konsessi atau *project delivery partners* yang dilantik di mana mereka melantik juruperunding EIA, untuk menyiapkan laporan bagi tujuan mendapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Laporan EIA adalah merupakan satu hal yang penting dalam kita melaksanakan projek untuk menepati pembangunan mampan *sustain development... (dengan izin)*. Jadi, apa yang saya ingin bangkitkan di sini dan persoalkan adalah berkaitan dengan *public hearing* ataupun pameran awam yang saya rasa tidak, tidak mencukupi dari segi hebahan dan publisiti. Ada pihak yang tak, tak dapat, tak tau tempat di mana *public hearing* dibuat, pameran awam ini dibuat untuk EIA. Jadi, saya ingin penjelasan jika terdapat banyak bantahan daripada pihak awam, adakah projek ini akan diteruskan kalau terlalu banyak bantahan daripada pihak *public* ataupun masyarakat awam berkaitan dengan projek PIL 1 dan juga lebuhraya yang terlibat dan juga LRT. Adakah akan diteruskan jika terdapat banyak bantahan awam?

Soalan kedua, berkaitan dengan peranan Jabatan Alam Sekitar dan juga peranan pihak-pihak kementerian yang terlibat, jika EIA ini tak dipenuhi syarat-syarat keperluan dan sebagainya. Adakah projek ini akan diteruskan? Atau pun terdapat teguran daripada pihak Jabatan Alam Sekitar dan juga kementerian dan tidak dipenuhi. Adakah projek akan diteruskan, itu persoalan saya. Terima kasih.

**YAB. Ketua Menteri:**

Untuk menjawab soalan kedua terlebih dahulu, saya percaya Jabatan Alam Sekitar dalam meneliti laporan yang dikemukakan oleh pihak syarikat ianya akan meneliti dengan sebaik-baiknya. Dan setelah itu, Jabatan Alam Sekitar akan kemukakan syarat-syarat berkenaan dan syarat-syarat ini perlu dipenuhi, dan saya percaya agensi-agensi negeri mahupun Persekutuan akan memberi pandangan mereka terhadap Laporan EIA yang disediakan dan Jabatan Alam Sekitar akan teliti segala pandangan sebelum membuat keputusan.

Di samping itu dalam EIA pun, Jabatan Alam Sekitar akan mensyaratkan laporan-laporan lain yang perlu dikemukakan misalnya Laporan Impak Sosial, Laporan Impak Warisan bagi LRT (KOMTAR ke Bayan Lepas) sebab melibatkan kawasan Tapak Warisan Dunia atau dekat dengan Tapak Warisan Dunia, itu pun disyaratkan untuk dikemukakan oleh pemohon.

Jadi kita percaya, Jabatan Alam Sekitar akan meneliti secara mendalam sebelum membuat satu keputusan dan bagi pihak Kerajaan Negeri, kita pun sudah memberi komitmen. Kita akan mematuhi apa juga syarat-syarat yang diletakkan oleh Jabatan Alam Sekitar mahu pun agensi-agensi Persekutuan dan Negeri untuk dipenuhi oleh syarikat dan pihak Kerajaan Negeri dan komitmen ini kekal dan kita tidak boleh melakukan apa-apa kerja melainkan mendapat kelulusan EIA.

Jadi mengenai pameran awam ini, memang ianya dilakukan berdasarkan peruntukan undang-undang Jabatan Alam Sekitar yang memerlukan syarikat yang buat permohonan itu, membuat iklan dalam empat (4) bahasa untuk dua (2) kali mengumumkan tempat, masa, tempoh di mana orang awam dapat meneliti laporan-laporan ini dan dijemput untuk memberi pandangan-pandangan mahupun sokongan atau bantahan pun.

Selain daripada itu, laporan ini juga dimuatkan dalam *website-website* Kerajaan Negeri Pulau Pinang, syarikat berkenaan dan juga *website* syarikat *consultant* yang melakukan EIA itu, dan saya percaya selain daripada itu yang diwajibkan dalam proses perundangan ini, pihak yang dilantik oleh Kerajaan Negeri, saya boleh bagi contoh di mana proses *consultation* itu walaupun bukan diperlukan dalam peruntukan undang-undang. Sepanjang masa ini laporan yang saya terima setakat 31 Mei tahun ini bagi *engagement* dengan agensi-agensi kerajaan dan juga *stakeholder* sebanyak 229 *engagement* telah dilakukan dengan agensi-agensi berkenaan.

Bagi *engagement* mengenai tambakan laut, projek tambakan laut walaupun bukan dalam jawapan tadi, 503 sesi *engagement* sudah dilakukan. Ini di luar daripada peruntukan undang-undang, tetapi kerajaan tau apa yang dicadangkan adalah projek yang amat besar. Jadi selain daripada peruntukan undang-undang, iaitu pameran satu (1) bulan mungkin betul jugalah Yang Berhormat kata ada pihak yang mungkin terlepas pandang. Tetapi sepanjang 2, 3 tahun ini, peratus sesi *engagement* diadakan dengan pelbagai pihak sama ada dengan persatuan, sama ada dengan *focus group*, sama ada dengan individu, NGO, agensi Kerajaan dan sebagainya dan proses ini masih berjalan selagi kita tak dapat kelulusan selagi lah kita tidak dapat mulakan projek dan kita perlu mengadakan lebih banyak *engagement* sehingga kita dapat menyakinkan bahawa projek-projek ini benar-benar penting untuk masa depan Negeri Pulau Pinang.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih, seterusnya ingin saya mempersilakan Yang Berhormat Bagan Dalam.

#### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua, soalan saya soalan nombor 2.

No. 2. Sila nyatakan :

- (a) Berapakah projek perumahan Mampu Milik A & B akan dilaksanakan di kawasan DUN Bagan Dalam?
- (b) Berapakah jumlah pemohon dari kawasan Bagan Dalam yang masih dalam senarai menunggu untuk membeli Rumah Mampu Milik A & B?

#### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Dato' Speaker dan terima kasih kepada Ahli daripada Bagan Dalam yang bertanyakan berkenaan berapa projek Perumahan Mampu Milik jenis A dan B yang akan dilaksanakan di kawasan DUN Bagan Dalam iaitu *low cost dan low medium cost...* (dengan izin) kos rendah dan kos sederhana rendah dan juga berapakah jumlah pemohon dari kawasan Bagan Dalam yang masih dalam senarai menunggu untuk membeli Rumah Mampu Milik jenis A dan B tersebut.

Bagi menjawab Yang Berhormat Bagan Dalam ingin saya nyatakan Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang ataupun PDC (*Penang Development Corporation*)...(dengan izin), ketika ini sedang melaksanakan pembinaan projek Rumah Mampu Milik Jiran Residensi di Kampung Jawa Butterworth di kawasan DUN Bagan Dalam yang mana kita akan lihat sebanyak 353 unit RMM B atau Kos Sederhana Rendah yang berharga RM72,500 seunit dan 354 Rumah Mampu Milik jenis C iaitu *Affordable Housing*....(dengan izin), yang berharga RM250,000 seunit bakal dibina.

Projek ini dijangka....(dengan izin), Dato' Speaker, dijangka di siap pada akhir tahun ini iaitu pada bulan Disember, *in fact* dia dalam peringkat *advanced stage of progress* sekarang....(dengan izin), selain itu Dato' Speaker Kerajaan Negeri juga telah arahkan PDC untuk memulakan perancangan untuk membina 450 unit RMM A ataupun kos rendah di Ujung Batu dan untuk projek tersebut kerja-kerja fizikal dijangka dapat dimulakan Disember tahun ini dan bagi menjawab soalan kedua Yang Berhormat Bagan Dalam iaitu ataupun bilangan jumlah pemohon daripada kawasan beliau Dato' Speaker sehingga 30 Jun 2018 menurut Sistem Maklumat Perumahan, kita dapat rekodkan seramai 82 pemohon yang berdaftar daripada kawasan Yang Berhormat Bagan Dalam iaitu masing-masing 49 orang pemohon bagi RMM A ataupun kos rendah iaitu harga RM42,000 seunit dan 33 pemohon bagi RMM B iaitu harga maksimum RM72,500 ataupun kos sederhana rendah. Sekian.

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Ahli Kawasan Dato' Keramat jawab soalan saya. Saya ada dua soalan di sini, satu adalah tentang rumah mampu milik kelas satu berharga RM42,000 ini. Keperluan rakyat untuk rumah mampu milik kelas satu RM42,000 sebenarnya untuk golongan B40 mereka yang amat memerlukan saya nampak di sini ada 400 sahaja dan harga RM42,000 ini, *I think one of the lowest in Malaysia* kalau dibandingkan dengan apa yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan sebelum ini mereka telah menetapkan harga rumah mampu milik untuk golongan B40 dalam RM100,000 dalam *Malaysian Indian Blueprint* mantan Perdana Menteri itu menjadikan dasar Kerajaan Persekutuan sebelum ini. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk membina Rumah Mampu Milik A ini di kawasan saya atau di kawasan-kawasan lain di seluruh Pulau Pinang dan soalan kedua saya adalah tentang proses pemilihan tawaran rumah mampu milik ini, adakah proses pemilihan ataupun tawaran mengambil kira *locality* seseorang pemohon itu, ini kerana saya nampak ada pemohon daripada kawasan saya...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat, Yang Berhormat, tanya soalan tak perlu bahas.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Memohon dia dapat di Tasek Gelugor, apakah proses mengambil kira *locality* tersebut sebab saya nampak mereka pergi ke jauh daripada rumah yang sedia ada? Itu sahaja soalan saya.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih Yang Berhormat Bagan Dalam, untuk soalan tambahan yang begitu baik sekali. Untuk makluman Dato' Speaker dan semua Ahli-ahli Dewan di bawah Polisi Perumahan Negeri Pulau Pinang yang juga merupakan polisi umum Kerajaan Pusat sebelum ini, Rumah Mampu Milik jenis A atau pun terdahulu dikenali sebagai Rumah Kos Rendah harga dia RM42,000 seunit dan untuk Kos Sederhana Rendah harga dia RM72,500 seunit tetapi apa yang berlaku sepertimana Bagan Dalam kata tadi dan ingin saya perjelaskan dan beri pencerahan sedikit kepada Dewan yang mulia ini, kalau saya tidak silap penggal dahulu walaupun saya sebagai EXCO Perumahan tidak dibenarkan masuk ke Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan, saya digelar *persona non grata* dengan Tuan Lim Guan Eng mantan CM oleh Rahman Dahlan, Menteri Perumahan pada waktu itu.

Timbalan Menteri dia Datuk Halimah Sadique orang yang cukup baik, dia dipilih semula dan sekarang pembangkang di Parlimen tapi dia cukup baik kerana apa yang berlaku di Majlis Perumahan yang dipengerusikan Najib Razak Perdana Menteri dahulu setelah keputusan-keputusan polisi dibuat Dato' Speaker, ada satu Majlis ataupun Jawatankuasa Pelaksanaan polisi-polisi dan keputusan-keputusan majlis perumahan tersebut yang dipengerusikan Timbalan Menteri tersebut Datuk Halimah dan dalam Jawatankuasa itu semua EXCO perumahan di seluruh negara di jemput hadir pada peringkat awal kemudian apabila Tan Sri Noh Omar ambil alih itu telah dibubarkan. Tapi pada peringkat awal apabila saya pergi ke Jawatankuasa ini bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang ada banyak perkara dalam agenda, Bagan Dalam.

Salah satu daripada dia, dia kata kos membina rumah itu begitu tinggi sekarang terutamanya di bandar-bandar utama seperti Pulau Pinang, Johor Bahru, Wilayah Persekutuan dan Selangor, *in fact for your information* Dato' Speaker...(dengan izin) untuk bina satu rumah kos rendah atau kos sederhana rendah *actual construction cost* tak kira dia punya *land price, construction cost...*(dengan izin) cuba teka? RM150,000 tapi kita jual pada harga RM42,000 dan RM72,500 masing-masing kerana kita perlu sediakan perumahan ini untuk golongan yang berpendapatan rendah dan dalam mengapa saya sebut tentang Jawatankuasa Pelaksanaan Polisi ini kerana dalam agenda dia ada beberapa negeri yang memohon kebenaran Pihak Pusat untuk menaikkan harga kos rendah dan kos sederhana rendah memandangkan kos tinggi membinanya.

Mereka mencadangkan supaya kos rendah dinaikkan kepada RM60,000 daripada RM42,000. Mereka cadangkan kos sederhana rendah dinaikkan kepada RM100,000 daripada RM72,500 tetapi Pulau Pinang dengan tegas membantah Dato' Speaker, kita kata tidak boleh kalau satu-satu negeri di mana kos pembinaan dia tinggi Negeri Pulau Pinang kerana Negeri Pulau Pinang satu negeri yang tanah kita tak ada banyak *it land case island...*(dengan izin) Dato' Speaker tapi kita bantah kita kata mesti kekal RM42,000 dan RM72,500.(Ahli Dewan menepuk meja).

Tapi malangnya mereka telah setuju tetapi bukan *blanket* kerana kita ada bantahan, ada satu dua negeri lain ikut saya. Memandangkan bantahan keputusan dibuat dalam Jawatankuasa itu membenarkan Negeri yang hendak naikkan harga tersebut dan untuk makluman Dato' Speaker, sebelum penggal baru ini pun sudah ada beberapa negeri yang sudah menaikkan RM60,000 dan RM100,000. Pada pagi ini saya gembira lihat Ahli Kawasan Pantai Jerejak ada di sini dia Menteri sekarang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat fokus kepada soalan sahaja.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Yes, I'm coming to that*, mengapa saya gembira sila ambil apa yang saya nyatakan di sini balik Parlimen minta semua negeri selaraskan lagi RM42,000 dan RM72,500 boleh tak boleh? (Ahli Dewan menepuk meja). Saya akan tanya Menteri ini banyak.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ini bukan Parlimen.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Banyak permintaan sekarang, lagi satu Menteri sudah masuk.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Datok Keramat sila ringkaskan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Sekarang sudah ubah Dato' Speaker. Saya begitu gembira saya boleh tanya dan permintaan saya boleh ditunaikan bukan macam dahulu

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tapi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Okay, coming back to the question.*

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dewan tetap Dewan.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*So we will maintain* di peringkat ini memang kita akan kekalkan harga pada RM42,000 dan RM72,500 untuk Bagan Dalam. Tadi memang kerana jawapan soalan kita khusus tadi kepada Bagan Dalam, so Bagan Dalam *yes the project we have* Ujung Batu at 420 unit of RMM A, saya setuju dengan Dato' dengan Bagan Dalam bahawa memang perlu Rumah Mampu Milik Jenis A ataupun Kos Rendah dan ini adalah cuma Bagan Dalam tapi keseluruhan negeri banyak projek ada dalam beribuan ada unit akan telah pun sedang dan akan dibina dan memang kita akan beri tumpuan kepada perlunya untuk dibina Rumah Mampu Milik Jenis A.

Tapi Dato' Speaker saya ingin juga nyatakan di sini kerana sekarang ada Ahli Air Putih sudah masuk dan Menteri Kewangan juga yang penting RM42,000 juga ada banyak orang yang tak dapat mampu mengapa? Kerana masalah mendapat pinjaman daripada bank komersial. Mereka saya difahamkan daripada REHDA Malaysia daripada sepuluh orang yang pergi ke bank untuk memohon untuk pinjaman bank untuk Rumah Mampu Milik A ataupun kos rendah, tujuh (7) akan ditolak *we have rejection rate...*(dengan izin) Dato' Speaker *of up to 70%*. Jadi oleh itu begitu penting apabila PRU14 habis dalam tempoh dua (2) minggu saya bergegas pergi Putrajaya kerana sudah bukan jadi *persona non grata* di Kementerian tersebut. Dato' Zuraida, Yang Berhormat Zuraida jemput saya dan salah satu agenda dia Dato' Speaker yang saya sebut adalah isu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (YB. Jason Ong Khan Lee):**

Yang Berhormat Datok Keramat boleh minta laluan sedikit?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*One minutes I just finish first,*

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Jawapan belum habis Yang Berhormat.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Isu penolakan pinjaman ini yang begitu tinggi dan dia akur dan saya telah pun dimaklumkan melalui sidang media selepas saya balik dia akan gubal satu *National Housing Policy* yang akan lihat kepada isu penolakan ini, dan memandangkan Yang Berhormat Air Putih Menteri Kewangan ada di sini itu pun satu permintaan saya supaya ini dapat kita dengan segera tangani kerana kita tak boleh tahan lagi, *in fact* di Pulau Pinang untuk makluman Dato' Speaker dan Dewan yang mulia ini selain daripada RM42,000 kita perlu lihat kepada kaedah lain untuk merumahkan orang yang bergolongan dari golongan berpendapatan rendah iaitu sekarang kita tekankan kepada Skim Sewa Beli. *They can't get the loans* Dato' Speaker,,,(dengan izin). So kita telah perluaskan skim-skim sewa beli. *Infact for information* projek perintis kita di Jawi iaitu Sungai Duri dan Taman Seruling Emas begitu hebat *respond* dia, positif lagi. *That was earlier one* penggal dahulu.

Untuk makluman Dato' Speaker, saya dalam perbincangan saya dengan YB. Zuraida, Menteri Perumahan juga telah memohon supaya dapat diperluaskan lagi kaedah perumahan begini. Dan saya begitu gembira untuk maklumkan semua di sini bahawa kebetulannya apabila saya berjumpa dia ada dua (2) projek di Seberang iaitu satu di Mak Mandin dan satu di Tok Subuh, Kampung Tok Subuh yang sedang dibina oleh Kerajaan Pusat untuk tujuan PPR ataupun perumahan, Projek Perumahan Rakyat (PPR) di mana ia akan digunakan melalui kaedah sewa sahaja. Tapi saya mohon pada beliau, Menteri tersebut kalau boleh kita nak, saya nak diserahkan kepada Negeri Pulau Pinang tetapi kita hendak serahkan pada mereka yang memohon melalui kaedah sewa beli. Dan diperingkat ini Dato' Speaker ini satu (1) berita baik untuk rakyat Negeri Pulau Pinang kepada Bagan Dalam. *Because the issue is accessibility to housing, if u can't get a loan no point need building for RM42,000.00 houses also . So we have...*(dengan izin) *look at other methodology or housing people. And that this two (2) project...*(dengan izin), Dato' Speaker, Tok Subuh dan Mak Mandin, pegawai daripada Kementerian sudah pun datang ke Pulau Pinang ada perbincangan dengan anggota saya daripada Jabatan Perumahan dimana mereka secara prinsip setuju untuk serahkan kepada Negeri Pulau Pinang untuk di gunakan melalui kaedah sewa beli untuk pemohon-pemohon yang berlayak. Dato' Speaker. Satu lagi soalan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (Jason Ong Khan Lee):**

Dengan izin. Tadi Yang Berhormat Datok Keramat. Saya cuma ada...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tanya kebenaran daripada Tuan Speaker dahulu, okey.

**Ahli Kawasan Kebun Bunga (Jason Ong Khan Lee):**

Okey. *Sorry* minta laluan daripada Dato' Speaker . Saya cuma ada sedikit sebanyak soalan tadi Yang Berhormat Datok Keramat menyebut tentang *affordability* kerana di Pulau Pinang ini tanah cukup mahal kita difahamkan. So walaupun harga telah ditetapkan pada RM20,000.00 dan RM72,000.00 masih ada ramai yang masih belum mampu boleh dapatkan pinjaman. So soalan saya sama ada Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan memberi subsidi kepada mereka yang betul-betul tak boleh mampu mungkin *subsidize so that they can get loan* daripada bank. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Memang pada penggal dahulu salah satu ini kita lihat pada kaedah perumahan. Kaedah merumahkan mereka yang layak. *So of course one of weak is price control* iaitu kita ada RM42,000.00, RM72,000.00 *Penang* kekal akan *maintain*. Kepada soalan rakan saya daripada Kebun Bunga memang tepat soalan dia. Tetapi kita telah cadangkan kepada penggal dahulu satu (1) skim iaitu *SOS* di mana Kerajaan Negeri akan memberi sedikit bantuan kewangan untuk *cross subsidized, that's means* kalau RM42,000.00 kita bagi mereka beli pada harga RM38,000.00 dan negeri akan *top up* supaya kita dapat kurangkan beban pada mereka. Tetapi apa yang berlaku dalam skim tersebut, walaupun kita buat itu nombor satu (1), mereka masih tak boleh dapat *loan* untuk harga yang kurang tersebut nombor satu (1).

Nombor dua (2) dari segi perundangan ada peruntukan yang menghalang kita daripada teruskan dengan kaedah tersebut. Untuk makluman Kebun Bunga. *So, we could not proceed with that. But we are looking other methodology of housing and at the moment* kita lihat kaedah sewa beli ini memang satu kaedah yang baik.

Saya teruskan dengan soalan kedua oleh Bagan Dalam tadi iaitu proses pemilihan. Kalau saya betul, *if I get you right*. Pemohon daripada satu lokasi diberi rumah di lokasi lain, itu masalah. Untuk makluman Dato' Speaker dan semua Ahli Dewan Undangan Negeri yang mulia ini untuk proses pemilihan kita ada satu Jawatankuasa yang dikenali sebagai *SPEC* yang akan memilih mereka yang layak sahaja untuk diberikan pelbagai jenis rumah mampu milik A, B & C, Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah dan Rumah Mampu Milik biasa sehingga RM300,000.00 di bahagian Pulau dan RM250,000.00 di bahagian

Seberang.

Secara lazimnya Dato' Speaker, dalam proses pemilihan ini kalau ia adalah rumah Kos Rendah dan Kos Sederhana Rendah iaitu A dan B ia akan menurut daerah. Jadi kalau saya di Daerah Timur Laut, saya akan diberi projek di situ. Untuk Daerah Timur Laut saya nak *explain* sedikit apa yang berlaku baru-baru ini projek-projek kos rendah telah berhenti di Daerah Timur Laut. Kerana *only* kos sederhana rendah yang dibenarkan oleh pemaju-pemaju. Jadi senarai menunggu kita tak bergerak langsung untuk Daerah Timur Laut untuk A. Untuk *low cost* ataupun kos rendah. Jadi kita telah perluaskan *boundary* daerah tersebut sehingga Mukim 12 iaitu di Teluk Kumbar. *That's means now if you DTL applicant up to Teluk Kumbar you can be given. So that the list* boleh bergerak. Kalau tidak tak boleh. Tapi untuk semua daerah lain ia adalah mengikut daerah. Jadi sekiranya ada masalah bagaimana ada pemohon untuk A dan B dapat satu lokasi di lain mungkin boleh beri maklumat pada saya supaya saya boleh semak kerana itu tak ikut *procedure*. Tapi mungkin ini berlaku untuk RMM C, Dato' Speaker. RMM C tiada penghadan dari segi daerah. Jadi kalau saya di DTL saya nak beli di SPS pun boleh. Atau saya di SPS saya nak beli di Pulau pun boleh. *That is no distraction on that.* Itu jawapan saya Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima Kasih Datok Keramat. Dengan ini saya persilakan Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):**

Sebelum itu saya ada sedikit.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri**

Machang Bubuk. Sudah lebih. Baca peraturan.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima Kasih Dato' Speaker. Soalan saya, soalan 3.

- No. 3. Nyatakan usaha dan peranan Kerajaan Negeri dalam menunaikan janji memansuhkan semua tol di Jambatan Pertama Pulau Pinang.
- (a) Bagaimanakah kerajaan berusaha untuk mengatasi kesesakan lalu lintas yang semakin serius di atas Jambatan Pertama?
  - (b) Sejauh manakah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (PTMP) dapat menangani masalah kesesakan lalu lintas di Pulau?

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih Yang Berhormat Machang Bubuk. Jambatan Pulau Pinang telah dibina pada Tahun 1985 oleh Kerajaan Persekutuan dengan perjanjian konsesi asal dan tambahan bersama dengan Projek Lebuhraya Utara-Selatan Berhad. (PLUS) yang akan berakhir pada 31 Disember tahun 2038. Pemansuhan tol di Jambatan Pulau Pinang berada di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan memandangkan perjanjian konsesi masih belum tamat. Usaha ke arah pemansuhan tol perlu dikaji dengan teliti antaranya daripada segi impak komersial, terma-terma kontrak dan pulangan kewangan kepada syarikat konsesi. Kerajaan Persekutuan perlu mengkaji impak kewangan yang berkait dengan pemansuhan tol itu seperti bayaran pampasan kepada syarikat konsesi dan juga kos-kos penyelenggaraan berdasarkan kontrak tempoh konsesi yang masih berbaki 20 tahun.

Walaupun pemansuhan tol jambatan adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Negeri menyokong penuh pemansuhan tol tersebut jika Kerajaan Persekutuan bersetuju untuk berbuat demikian. Bagi mengatasi kesesakan lalu lintas di atas Jambatan Pulau Pinang. Kerajaan Negeri menggalakkan penggunaan pengangkutan awam. Sebagai contoh perkhidmatan *Bridge Express Shuttle Transit* atau "BEST" telah diperkenalkan sejak tahun 2011. Ketika ini perkhidmatan ini telah dikembangkan kepada dua (2) laluan utama iaitu di kawasan kilang Bayan Lepas dan di KOMTAR. Sambutan yang diberikan sangat menggalakkan. Perkhidmatan ini sedikit sebanyak dapat mengurangkan kadar kesesakan di atas Jambatan Pertama Pulau Pinang. Kerajaan Negeri akan terus memberi sokongan kepada perkhidmatan ini agar kesesakan dapat dikurangkan.

(B). Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang disiapkan pada tahun 2013 telah mencadang secara komprehensif untuk mengatasi masalah kesesakan lalu lintas. Selain rangkaian jalan, sistem *rail* dicadangkan sebagai pengangkutan awam. Pengangkutan awam menjadi faktor utama kepada pengurangan kesesakan lalu lintas terutamanya di bahagian Pulau. Dengan adanya sistem pengangkutan awam yang lengkap iaitu sistem rail dan perkhidmatan bas, penggunaan kenderaan persendirian dapat dikurangkan di atas jalan raya. Ini dikuatkan lagi dengan pembinaan beberapa lebuhraya utama yang dapat menguruskan dan membantu mengurangkan KADAR kesesakan lalu lintas di jalan atau dipersimpangan utama. Sekian.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri**

Sila Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Dato' Speaker, terima kasih Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. saya cuma ada satu (1) soalan tambahan di mana tadi Ketua Menteri juga ada sebut bahawa pengangkutan awam itu amat penting untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan juga di Jambatan Pulau Pinang. Tetapi dalam *Penang Transport Master Plan* kita hanya akan membina satu LRT daripada KOMTAR ke Bayan Lepas dan satu lagi adalah *Penang Island Link* yang merupakan penggunaannya akan digunakan oleh kenderaan swasta yang kebanyakan. So adakah ini akan bercanggah dengan hasrat utama kita untuk menggalakkan orang menggunakan pengangkutan awam. Sekian, terima kasih.

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Machang Bubuk kerana membangkitkan soalan tambahan tentang bagaimana kita dapat menggalakkan penggunaan pengangkutan awam sedangkan kita pun membina jalan-jalan utama. Saya percaya Dato' Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan tidak ada negara di dunia ini ada sistem pengangkutan yang dapat menampung 100% iaitu *model share* seratus-peratus pengangkutan awam. Kenderaan persendirian kosong, tak ada senario macam ini di dunia ini. Adanya mungkin keadaan yang baik mungkin 50-50. Pengangkutan awam dengan kenderaan persendirian.

*Penang Transport Master Plan* mensasarkan 40% pengangkutan awam dan 60% jalan-jalan untuk kenderaan persendirian. Maka walaupun cuma satu (1) LRT di cadangkan untuk dijadikan projek keutamaan. LRT Bayan Lepas akan menjadi *back bone* kepada sistem pengangkutan awam di Pulau. Kita memang tidak mampu untuk melaksanakan ke semua projek-projek rail sekaligus walaupun dalam *Penang Transport Master Plan* ada tiga (3) jajaran yang dicadangkan iaitu pertamanya KOMTAR ke Bayan Lepas. kedua, KOMTAR ke Paya Terubong dan ketiga, KOMTAR ke Tanjung Bunga.

Itulah rangkaian yang lengkap dikira bagi Pulau tetapi memandangkan bagaimana membiayainya adalah satu cabaran, kita perlu mulakan dengan satu projek dan kemudian ini menjadi *back bone* bukan kepada sistem-sistem atau projek-projek *rail* yang lain tetapi ia juga menjadi *back bone* kepada perkhidmatan bas yang dapat menyambung tempat-tempat atau taman-taman perumahan kepada *station-station rail* yang hampir sekali. Maka itu akan dilihat sebagai satu *back bone* kepada sistem pengangkutan awam bukan pada *rail* sahaja tetapi untuk *charter* bas dapat membawa penumpang kepada *rail* yang di bina itu dan untuk 60% macam mana kita mendapati bahawa pulau sememangnya tak ada satu rangkaian jalan yang lengkap. Kita cuma ada Lebuhraya Dr. Tun Lim Chong Eu dan itupun bukan satu *dedicated highway* di mana di sepanjang Lebuhraya Dr. Lim Chong Eu lebih dari 10 tempat orang boleh masuk dan keluar sesuka hati dan pada ketika ini sudah mencapai kapasiti yang sepenuhnya dan tidak dapat menampung untuk masa depan. Jadi untuk menangani 60% itu kita masih perlu melaksanakan projek-projek jalan utama dan di bawah SRS Consortium memang PIL 1 dicadangkan manakala di bawah Zenith Consortium, tiga (3) jalan utama dicadangkan. Itulah keadaan saya percaya dimana-mana negara di dunia ini walaupun ada sistem pengangkutan awam yang lebih efisien berbanding dengan kita tetapi ini tidak menghalang mereka untuk terus melakukan, menjalankan projek-projek jalan sebab 60% itu pun perlu dipenuhi permintaan mereka dan sistem pengangkutan awam selain daripada *dedicated rail*, perkhidmatan bas pun memerlukan jalan-jalan untuk bergerak tanpa jalan-jalan yang baru ataupun dalam suasana kesesakan lalu lintas di jalan yang sedia ada pengangkutan bas pun tidak dapat berfungsi dengan sempurna.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Dato' Speaker.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Mohon laluan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Bukit Tengah.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Terima kasih Dato' Speaker. Terima kasih YAB. Ketua Menteri. Soalan berkaitan dengan pemansuhan tol saya rasa adalah satu isu yang penting kepada rakyat Pulau Pinang sebab sejak jambatan

ini dibina dalam tahun 1985, isu yang selalu dibangkitkan adalah tol yang dikutip begitu banyak jumlah duit selama ini tidak dikembalikan kepada rakyat Pulau Pinang ataupun Kerajaan Pulau Pinang walaupun saya difahamkan sehingga 1993, Kerajaan Pulau Pinang ada mendapat sedikit daripada kutipan tol.

Jadi yang saya, daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat tadi, bahawa sekarang ini tol konsesi perjanjian telah pun dilanjut sehingga 2038 yang sebelum ini sepatutnya telah pun tamat 2018, kalau tidak silap saya. Maka oleh kerana kita ada satu kerajaan baharu di Putrajaya, adakah Kerajaan Negeri akan berunding dengan Kerajaan Persekutuan supaya rakyat Pulau Pinang ataupun Kerajaan Pulau Pinang boleh mendapat sedikit sebanyak daripada kutipan tol yang akan dikutip sehingga pemansuhan tol ataupun rundingan boleh dibuat supaya pengurusan Jambatan Pulau Pinang yang pertama boleh dikembalikan kepada pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk diuruskan. Terima kasih.

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Bukit Tengah. Pada tempoh permulaan, memang pihak Kerajaan Negeri mempunyai ekuiti dalam syarikat yang diberi konsesi untuk membina dan menguruskan Jambatan Pertama tetapi sepertimana Yang Berhormat tunjukkan pada awal 90-an, Kerajaan Negeri memang sudah tidak ada ekuiti dalam syarikat kerana penstrukturan semula sehingga UEM, PLUS dan sebagainya menjadi pemilik yang baru berbanding dengan syarikat yang diberi konsesi pada peringkat awal. Jadi isu pemansuhan tol ini saya percaya pihak Kerajaan Persekutuan perlu menunaikan janji untuk pemansuhan ini dan saya percaya pihak Kerajaan Persekutuan akan meneliti bilakah ianya dapat dilakukan.

Jadi sekiranya ianya dimansuhkan maka tidak bangkitlah kita dapat pulangan daripada tol yang dapat dikutip tetapi sementara tempoh menunggu pemansuhan tol ini, saya percaya kalau kutipan-kutipan tol ini dapat digunakan untuk memastikan kesesakan lalu lintas ini dapat ditangani dari segi *short term* dan *medium term solution*, di luar daripada jambatan sebenarnya kesesakan berlaku apabila trafik dari jambatan menuju ke misalnya ke Seberang Jaya, bertembung dengan lalu lintas Lebuhraya Utara Selatan itulah menyebabkan *bad flow* kepada jambatan yang menyebabkan kesesakan lalu lintas, maka penyelesaiannya mungkin bukan di atas jambatan tetapi di *exit* dan *entrance* di dua-dua belah Jambatan Pulau Pinang yang perlu diberi perhatian oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Penanti.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Berkenaan dengan kesesakan lalu lintas, saya pernah mencadangkan agar Kerajaan Negeri mungkin tengok apa yang dibuat di Turki. Turki ada dua jambatan. Salah satu jambatan itu dikhaskan untuk *commercial vehicle* dan saya hendak cadangkan sebab jambatan kedua itu tak sesak langsung, boleh tak *one of the* jambatan itu dibuat BRT? Kan kalau BRT, kita dah ada komuter, kita ada ETS, kalau BRT itu boleh sambung dari stesyen *and then* maknanya orang *embark* daripada stesyen naik ETS ataupun *shuttle* dia boleh naik BRT terus ke Pulau tidak payah naik teksi dan sebagainya. Saya rasa ini mungkin dapat mengurangkan kesesakan. So mungkin pilih salah satu *bridge* untuk letak BRT yang ada *network* dengan KTM. Terima kasih.

**YAB. Ketua Menteri:**

Terima kasih Yang Berhormat Penanti atas cadangan memperkenalkan BRT di atas salah dari dua buah jambatan di Negeri Pulau Pinang. BRT memang satu mod pengangkutan awam yang diperkenalkan di banyak negara dan bandaraya dan BRT perlu ada *lane* yang dikhususkan. Kalau tidak ada *lane* yang dikhususkan ianya tidak akan mencapai kemampuan ia untuk bergerak secara efisien.

Seperti mana sekarang, walaupun kita ada *express bus service* di antara Seberang Jaya kepada Bayan Lepas, bas-bas yang kita gunakan kadang kala terperangkap juga dalam kesesakan di atas jambatan dan tidak mencapai *efficiency* yang ditetapkan. Maka sedangkan BRT mungkin satu cadangan yang baik dan pihak Kerajaan Negeri akan menyusuli perkara ini dengan Kerajaan Persekutuan, haraplah dapat cadangan ini diberi pertimbangan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Sila saya minta Pengkalan Kota untuk teruskan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya nombor 4.

- No. 4. Apakah pendirian dan hala tuju Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap program-program perumahan Persekutuan seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Projek Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M), Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) dan Projek Perumahan Rakyat (PPR) memandangkan Kerajaan Persekutuan kini diterajui oleh Pakatan Harapan?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Terima kasih kepada Ahli Kawasan Pengkalan Kota. Dato' Speaker, soalan yang ditanya satu soalan yang tepat pada masanya, apakah pendirian dan hala tuju Kerajaan Negeri Pulau Pinang terhadap program perumahan Persekutuan seperti PR1MA (Perumahan Rakyat 1Malaysia), PPA1M (Projek Penjawat Awam 1Malaysia), Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia (TP1M) dan Projek Perumahan Rakyat ataupun PPR memandangkan sekarang Kerajaan Pusat adalah satu Kerajaan Pakatan Harapan.

Bagi menjawab soalan ini Dato' Speaker, Kerajaan Negeri sentiasa bersedia bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan untuk menjayakan apa-apa inisiatif yang akan membawa manfaat kepada rakyat Pulau Pinang dan kerjasama ini turut merangkumi program-program seperti Perumahan Rakyat 1Malaysia, Projek Penjawat Awam 1Malaysia, Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia dan Projek Perumahan Rakyat. Isu hala tuju program-program ini telah dibincangkan semasa kunjungan hormat saya kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pada 4 Jun yang lalu. *Of course* kita tahu, kita telah dianaktirikan oleh Kerajaan Barisan Nasional yang terdahulu dari segi pembekalan perumahan melalui program-program Persekutuan sekian lama dan saya bincang tentang isu apakah akan berlaku kepada semua program-program Pusat ini dengan menteri baru pada 4 Jun apabila saya jumpa dengan beliau.

Yang pertama saya dimaklumkan ataupun kita semua tahu sekarang Kerajaan Pusat yang baru tidak meneruskan dengan konsep 1Malaysia dan saya difahamkan di Putrajaya pun semua *signboard-signboard* 1Malaysia semua telah diturunkan dan permasalahannya terhadap program perumahan pusat ialah kebanyakan kalau pun, kebanyakan ataupun kesemua program itu ada label atau jenama 1Malaysia. *Just like* PR1MA, *that is* Perumahan Rakyat 1Malaysia, PPA1M, Projek Penjawat Awam 1Malaysia, TP1M, Tabung Penyelenggaraan 1Malaysia. *All* buat 1Malaysia, *so first thing first*, saya bincang dengan Menteri, saya kata kita perlu jenamakan semula semua program-program ini. Dan saya bagi pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang beri satu cadangan sama ada akan diimplikasikan atau tidak, *up to them but it has to be re-branded*, dan perlu dijenamakan semula, saya kata *for instant, we can have* Projek Perumahan Rakyat 1Malaysia, *we can have* Perumahan Rakyat Harapan ataupun Perumahan Harapan, Tabung 1Malaysia kepada Tabung Penyelenggaraan Harapan Malaysia, *something that effect*. Itu saya cadangkan *first of all*.

*Secondly*, saya juga beritahu bahawa sekarang bukan untuk kita menunding jari lagi. Penganaktirian Pulau Pinang sudah berakhir. Jadi saya hendak bekerjasama rapat dan erat dengan pusat supaya kita boleh bantu segerakan proses pertimbangan dan kelulusan umpamanya Permohonan Kebenaran Merancang untuk projek-projek seperti PR1MA dan PPA1M *as long as* selagi mana ia mematuhi peraturan dan garis panduan yang ditetapkan. Untuk makluman rakan saya dari Pengkalan Kota, setakat ini Kerajaan Negeri telah dimaklumkan secara rasmi bahawasanya terdapat empat projek PR1MA dalam perancangan dan peringkat awal pembinaan iaitu tiga di kawasan MBPP ataupun Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan satu di kawasan MPSP ataupun Majlis Perbandaran Seberang Perai yang adalah seperti berikut:

- (a) 905 Rumah Mampu Milik C dan 212 Rumah Mampu Milik B di Jalan Lembah/Jalan Bukit Gambir oleh Tetuan Ideal Capital Venture Sdn. Bhd.
- (b) Seterusnya 855 RMM C dan 66 unit rumah kedai juga di Plot Jalan Lembah/Jalan Bukit Gambir tersebut.
- (c) 1,248 RMM C di Jalan Sungai Batu di Batu Feringghi.
- (d) 1,017 RMM C di Permatang Pauh oleh Tetuan Excell Focus.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, yang di Permatang Pauh sudahpun mula dan dalam proses pembinaan sekarang. Dan sepertimana saya nyatakan tadi, berkenaan Jalan Lembah Bukit Gambir itu ataupun lebih dikenali sebagai Kampung Kastam, di Bukit Gelugor, ini mempunyai dua plot dan satu plot adalah untuk PR1MA dan satu plot adalah untuk komersial, biasa, perumahan biasa.

Selain daripada Permatang Pauh yang sudahpun mula dan sekarang kita pantau, saya sukacita hendak umum bahawa setelah saya jumpa dengan Menteri, balik ke sini dan Menteri kata kita pantau sendiri, negeri-negeri pantau sendiri projek-projek Pusat sekarang supaya dapat dipercepatkan dan saya

telah buat satu lawatan tapak kepada Kampung Kastam dan ia akan, saya gembira untuk maklumkan Jawatankuasa Perancang Negeri mesyuarat dia yang baru-baru ini kita telah pun perakukan supaya C1 dikeluarkan supaya kerja-kerja tanah boleh dimulakan dengan segera di situ dan untuk Batu Feringghi, saya masih menunggu mereka memulakan tetapi saya difahamkan tidak lama lagi.

Dato' Speaker, seterusnya ingin saya nyatakan, cadangan pembinaan PPR ataupun Projek Perumahan Rakyat di kawasan Jelutong yang dikemukakan oleh Kerajaan Negeri kepada KPKT sejak tahun dahulu pun apabila saya dengan mantan Ketua Menteri, rakan saya daripada Air Putih, pergi jumpa dengan Menteri sebelum ini iaitu Tan Sri Noh Omar, telah pun mengemukakan dan kenalpasti dua bidang tanah di Kota Giam di Jelutong untuk tujuan dibina PPR. Walaupun apa yang berlaku pada waktu itu, dia kata akan dipertimbangkan kerana PPR ini kita bagi tanah, Pusat yang bina *then* kita selenggara, itu proses dialah PPR. Apabila saya dan Air Putih jumpa Noh Omar, ada dua plot ini, dia cakap *okay no problem, we will look into it...* (dengan izin), ada ditetapkan satu lawatan teknikal oleh Kerajaan Barisan Nasional dahulu untuk datang lihat tanah tersebut, kesesuaiannya sama ada boleh atau tidak dibina PPR tetapi (dengan izin)...*at the eleven hour, last minute* dia orang *cancel then* lepas itu diam, sunyi, tak ada apa pun daripada pihak Kerajaan Barisan Nasional terdahulu. Yang menunjukkan tak ikhlas langsung walaupun kita dah kenalpasti bagitahu ada tanah ni, dia orang tak ikhlas, kata saja akan pertimbangkan tapi tak buat. Kata nak datang tiba-tiba *last minute* kita semua *standby, cancel*.

Tapi saya gembira kata bahawasanya dalam perjumpaan saya dengan KPKT ataupun Menteri baru Yang Berhormat Zuraida pada 4 Jun agenda jugak termasuk isu ini. Dan kita lihat penganaktirian Pulau Pinang telah berhenti. Saya sebut isu ini dalam agenda saya tak lama dalam 2, 3 minggu dia punya rombongan teknikal sudah sampai ke Pulau Pinang. Saya ingat dalam 20, 30 orang satu Kementerian sudah sampai. Dahulu tak boleh lihat macam ni Dato' Speaker, tapi sekarang macam ni. Saya pergi dengan Sungai Pinang dia punya rombongan lebih banyak daripada kita punya orang daripada Pejabat Perumahan Pulau Pinang. Tapi itu tunjuk keikhlasan sekarang Kerajaan Pakatan Harapan apa yang akan berlaku banding dengan dahulu malangnya saya *called it, I called it the wasted 10 years* Dato' Speaker. *In 10 years if that have happen we will have thousands more PPR to house thousands more people but Barisan Nasional is cruel they did not assist penang where housing is concern...* (dengan izin), itu fakta dia dan saya selalu marah sekarang nak marah pun tak ada banyak orang nak marah, itu ada 2, 3 orang. Jadi saya...(gangguan).

#### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Datok Keramat, cuba ringkaskan.

#### **Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

So, tadi itu rombongan Unit Teknikal sudah datang pada 29 Jun dan buat penilaian terhadap tapak-tapak yang dicadangkan iaitu dua (2) tapak lot 10042 dan 10043 di Seksyen 1 Bandar Jelutong dan sekarang mereka *and* tempat pada Bagan Dalam jugak kita hendak bina lebih stok PPR di situ untuk bantu kalangan B40. Selain daripada itu Dato' Speaker ingin saya juga nyatakan bahawasanya kita juga sedang terdapat keperluan untuk salurkan bantuan kewangan kepada Badan Pengurusan Bersama ataupun JMB dan Perbadanan Pengurusan MC dan penduduk-penduduk di Skim Perumahan Kos Rendah dan Sederhana Rendah untuk menampung kos pembaikan dan penyelenggaraan bangunan kerana mereka tak dapat buat sendiri.

So dari segi ini apabila saya berjumpa dengan Menteri baru juga kita telah dalam agenda bangkitkan isu penyelarasan perancangan dan pengagihan Program Bantuan Penyelenggaraan khususnya di bawah Tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia *again*.

Saya ingin ulangi dan beringatilah semua orang di sini bagaimana tadi rumah saya kata kita dianaktirikan bukan sahaja dari segi pembekalan rumah, saya selalu kata pembekalan rumah itu penting tetapi setelah dibekalkan rumah apa yang penting penyelenggaraan dia. Itu yang penting juga. Juga kita dianaktirikan daripada Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Di Pulau Pinang melalui kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan MBPP & MPSP, untuk makluman Dato' Speaker dan semua anggota di sini terutamanya mungkin anggota baru, ini satu faktor yang saya telah sebut dalam penggal dahulu 143 permohonan dimasukkan kepada TP1Malaysia melalui kedua-dua PBT ini berapa yang diluluskan? Cuba teka. Hanya 29 dan untuk tahun 2016 dan 2017, satu (1) permohonan pun tak diluluskan dari Pulau Pinang. Betapa kejam Kerajaan Barisan Nasional dahulu. Kerana mereka kejam, rakyat tukarkan mereka. Betul atau tidak? (Ahli Dewan menepuk meja).

Jadi saya sebut kepada Menteri baru, *wait, wait*. Saya tunggu lama saya bagi habis dulu. Dalam agenda juga saya bangkitkan isu tentang penganaktirian Pulau Pinang dari segi penyelenggaraan perumahan di bawah tabung Penyelenggaraan 1 Malaysia. Saya tanya perlu sekarang semak senarai permohonan yang telah dikemukakan lihat apa masalah dia pertimbangkan dia dan luluskan dia dengan secepat mungkin. Dan untuk makluman Dato' Speaker, Menteri setuju. Sekian.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Datok Keramat.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya bagi Ketua Pembangkang.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Sebab EXCO banyak. Sebentar tadi Datok Keramat menyebut tentang anak tiri, Negeri Pulau Pinang dianaktirikan oleh Kerajaan Persekutuan masa dulu. Saya rasa Kerajaan Negeri juga menganaktirikan Agensi Persekutuan dalam meluluskan pelan-pelan merancang dan sebagainya. Ini perlu dilihat kembali kerana PRIMA pada masa itu masuk pelan merancang ni banyak, tapi cuma diluluskan 2 ke 3 sahaja. Maksudnya pelan merancang di MBPP & MPSP banyak pelan merancang yang masuk. Kelulusannya kurang. Begitu juga dengan PERDA dan sebagainya. Ini merupakan satu perkara yang Kerajaan Pusat nak bantu masa itu tapi tidak direstui oleh Kerajaan Negeri. Ini juga perlu dilihat supaya wujud keadilan kepada semua pihak.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Yang Berhormat, soalan?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Ya? YB. Dato' Yang di-Pertua.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan? Tak ada soalan nanti bawa masuk bahas.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Soalan saya, adakah Kerajaan Negeri mempunyai tanah yang mencukupi setelah pihak PDC dan pihak Kerajaan Negeri menjual banyak tanah termasuk jualan kepada pihak swasta dan sebagainya. Adakah pihak Kerajaan Negeri untuk melaksanakan pembinaan PPR yang cukup saya rasa cukup penting. Saya masukkan dalam ucapan saya tentang PPR. PPR ini penting untuk kita menyelesaikan masalah penduduk B40 kerana mereka tidak ada kemampuan nak membeli tetapi mereka boleh menyewa. Jadi kita kena buat PPR ini lebih banyak banding dengan projek-projek lain. Dan juga RMM A & B, itu yang penting untuk dilaksanakan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Okey.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L karpal Singh):**

Dato Speaker terima kasih pada Ahli daripada Sungai Dua rakan saya. Rakan karib saya daripada penggal dahulu. Cuma saya mula dengan maklum pada tentang isu yang kedua yang iaitu adakah kita mempunyai tanah yang mencukupi. Jawapan dia memang adalah ya. Kita memang mempunyai tanah yang mencukupi.

Untuk makluman Dato' Speaker, 18 projek di dalam pelbagai peringkat pembangunan oleh PDC di Pulau Pinang. Di mana satu (1) telah siap kunci telah diserahkan di Suria Batu Kawan pada bulan Mei sewaktu Pilihanraya Umum sedang berlaku oleh Air Putih dan saya sendiri. Dan yang lain banyak dalam pelbagai peringkat seperti mana saya nyatakan ada beberapa di *advance stage* mungkin akhir tahun ini 2, 3 lagi akan diberi kunci. *That is one*. Untuk pelbagai jenis perumahan mampu milik A, B dan C iaitu Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah dan juga Mampu Milik. No.1, *So to answer the question* memang kita ada mencukupi dan ini dalam yang telah dirancang yang dalam perancangan ada banyak lagi dan kita akan teruskan dengan usaha kita.

Yang penting apabila kita lihat dan saya setuju dengan Sungai Dua, memang penting untuk kita tumpukan kepada PPR dibina. Dan PPR dibina ini saya tadi telah nyatakan, kaedah dia kita kenal pasti tanah, maklum pada Persekutuan, Persekutuan bina, dan kita selenggara diserahkan semula kepada Pulau Pinang dan kita selenggara. Tapi saya tak mahu ulangi tadi saya bagi contoh Kota Giam, Kerajaan dahulu

macam main-main dengan kita. Kata hendak datang, *last minute cancel*. Tapi kerajaan baru, memang sudah datang, sekarang kita dalam perbincangan dengan Kementerian tentang pelaksanaan projek tersebut dan kita harap dalam masa terdekat itu dapat bermula. Kepada soalan pertama tadi yang adalah begitu penting. Iaitu apabila disebut hal atau bab keanaktirian, penganaktirian ini, dilampir, dilempar balik kepada saya bahawasannya kita yang anaktirikan Agensi Persekutuan. Tapi saya ingat Dato' Speaker itu tak tepat. Bapak tiri, okey.

Kita memang ikut prosedur. Tadi rakan saya Sungai Dua PRIMA ada masuk banyak permohonan tapi tak diluluskan? Mengapa tak kata diluluskan? Ini cerita lama kawan saya daripada Sungai Dua, bagi saya habis dulu. Tak diluluskan kerana tak ikut garis panduan. Tak kan kita punya PRIMA punya arkitek tak tahu garis panduan Pulau Pinang? *You* masuk nak bina perumahan di 200 meter apa ni atas paras air laut. Waihal di Pulau Pinang kita punya garis panduan 76 meter bawah lebih tak boleh. Di Balik Pulau 200 meter di Balik Pulau, harga pula PRIMA ini rumah mampu milik betul? Tapi dia masuk pelan di Balik Pulau nak bina rumah RM580,000 satu unit. Mana boleh terima. *You* tahu kita punya garis panduan rumah mampu milik di Pulau Pinang apa had siling dia, tahu tak? Dato' tahu, tuan Sungai Dua tahu. RM300,000. Tapi PRIMA tak tahu. *So that's why* kita tolak. Bukan kita nak anak tiri, *you* mesti ikut prosedur. JKP, PERDA kita semak dia punya tanah yang diambil melalui pengambilan tanah. Ini bukan tanah dia tahu. Ini melalui pengambilan tanah. *Then* nak bina rumah dia kata mampu milik? RM200, RM300,000.00 tak. Kita lihat ada projek sampai satu lebih juta ringgit rumah mereka. Betul ke nak benarkan? Tak boleh. Oleh itu penggal dahulu saya dengan Air Putih kata kita nak selaraskan semua Agensi Persekutuan. JKP, PERDA, UDA pastikan kalau di Seberang mesti RM250,000.00 dan bawah. Kalau di sini mesti RM300,000.00 dan bawah. Mereka tak mahu buat. Tapi lama-lama tak boleh kata Sungai Dua saya anak tirikan. Kalau mana-mana di pihak Kerajaan Pakatan Harapan yang benarkan agensi UDA, PERDA, JKP masuk ke bilik mereka sebagai EXCO, saya, Sungai Dua setuju atau tidak? *There*, setuju. Macam mana *you* boleh cakap tadi anak tiri? Saya yang bantu mereka supaya patuhi pada garis panduan. Saya bantu mereka. *You* tahu. *So* sakit hati saya. Apabila *you* kata saya anak tirikan mereka. Tak, saya bantu mereka sampai saya boleh kata pada Sungai Dua dan Sungai Dua akan setuju. Banyak projek mereka boleh lulus. Sudah *pass*. Betul tak Sungai Dua? Saya nak perbetulkan perkara yang dinyatakan tadi. Seolah-olahnya saya anak tirikan. Itu sakitkan hati saya.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Sekarang sudah lulus semua dah?

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L karpal Singh):**

*Yea I'm coming to that. I'm coming to that. Coming to that.* Itu dahulu, penggal dahulu. Saya cuba, saya cuba sedaya upaya saya dan memang ada projek yang lalu dapat lepas. Dan penggal ini sekarang satu keputusan dibuat oleh Ketua Menteri baru di Jawatankuasa Perancang Negeri bahawasannya selagi semua garis panduan dipatuhi, semua agensi ataupun di peringkat PBT perlu kita proseskan semua permohonan. *But still at the end of the day*, Dato Speaker and Sungai Dua, *you have to comply the guide lines*. Jangan ingat dahulu Kerajaan Persekutuan BN boleh buat apa-apa sahaja. Tak boleh. Terutamanya di Negeri Pulau Pinang. Sekian Dato Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Batu Lanchang saya minta.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Batu Lanchang. Batu Lanchang.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Pengkalan Kota.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Batu Lanchang...(Gangguan). Saya ingat Batu Lanchang di situ.

**Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Ong Ah Teong):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

*Speaker, I think*, Pengkalan Kota tak dapat tambahan itu soalan. Itu soalan pokok dia.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cukup. Sudah, sudah.

**Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):**

Okey.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya nak dengar isu yang lain.

**Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Ong Ah Teong):**

Terima kasih Dato Yang di-Pertua. Soalan saya adalah soalan No.5.

No. 5 Jabatan Kesihatan Negeri melakukan pemeriksaan di 29 buah sekolah di Pulau, dan mendapati 26 buah sekolah didapati positif tempat pembiakan nyamuk aedes yang menyebabkan demam denggi.

- (a) Adakah 26 sekolah bebas daripada aedes selepas pemeriksaan ulangan dibuat?
- (b) Apakah langkah-langkah diambil oleh JKN dan Jabatan Pelajaran Daerah dalam memastikan sekolah bebas aedes?

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Batu Lanchang, Ahli-ahli Dewan Yang Berhormat, berkenaan. Soalan No. 5, dengan pemeriksaan di 29 buah sekolah yang daripada 36 buah sekolah didapati positif tempat pembiakan nyamuk Aedes dan jugak demam denggi. Untuk makluman semua Ahli Dewan, Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut telah melaksanakan pemeriksaan di 113 buah sekolah dari bulan Januari hingga Jun tahun 2018.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 26 buah sekolah telah ditemui tempat pembiakan nyamuk Aedes. Pemeriksaan susulan telah dilaksanakan ke atas sekolah tersebut dan 25 buah sekolah adalah bebas dari pembiakan nyamuk Aedes. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri sentiasa berganding bahu bersama Jabatan Pendidikan Negeri bagi memastikan sekolah bebas Aedes. Antara inisiatif yang dilaksanakan adalah, pertama pelaksanaan dan pengukuhan bebas denggi di sekolah. Kedua, melatih doktor muda di sekolah bagi menjadi pemangkin dan penggerak ke arah budaya pencegahan denggi di sekolah. Ketiga, menghantar laporan pemeriksaan jentik-jentik dari pihak sekolah kepada pihak Kesihatan secara berkala. Keempat, pemantauan berterusan dan pemeriksaan di sekolah dari semasa ke semasa terutamanya sekolah-sekolah yang terletak di kawasan wabak. Kelima, penyampaian taklimat berkenaan denggi oleh pihak Pejabat Kesihatan Daerah dan keenam, tindakan penguatkuasaan berdasarkan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 bagi sekolah yang ditemui pembiakan nyamuk Aedes.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Seberang Jaya.

**Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Ong Ah Teong):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Ong Ah Teong):**

Terima kasih Dato' Yang Dipertua. Saya hanya untuk mencadangkan satu cadangan iaitu...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Soalan ke cadangan? Cadangan nanti boleh bahas.

**Ahli Kawasan Batu Lanchang (YB. Ong Ah Teong):**

Soalan saya adalah di bahagian pihak sekolah, seperti dulu, adakah menjalankan setiap kali perhimpunan sekolah, murid-murid sekolah akan diberitahu oleh Pengetua untuk mengutip sampah di kawasan sekeliling untuk menjaga kebersihan sekolah semasa saya dibangku sekolah. So saya ingat usaha ini dapat diteruskan untuk mengurangkan dari segi sampah dan demam denggi, terima kasih.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif bin Bahardin):**

Terima kasih Yang Berhormat Batu Lancang, seperti Yang Berhormat maklum, seperti yang saya sebut tadi program-program kesedaran ini sentiasa menjadi program keutamaan pihak sekolah dan juga Jabatan Pendidikan Negeri bersama dengan Jabatan Kesihatan. Saya percaya dalam usaha kita menangani denggi ini, ini adalah satu penyakit komuniti yang melibatkan semua pihak. Kita perlukan sokongan daripada kerajaan dan juga daripada orang ramai dan cara yang terbaik untuk melakukan perubahan pastinya lah mengambil sikap 'melentur buluh biarlah dari rebungnya'. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Silakan Ahli Kawasan Bertam.

**Ahli Kawasan Bertam (YB. Khaliq Mehtab Bin Mohd Ishaq):**

Dengan izin Yang di-Pertua Speaker, Yang Berhormat Seberang Jaya, Bertam berterima kasih kepada Jabatan Kesihatan Negeri dan juga Jabatan Pelajaran Daerah atas pemeriksaan yang telah dibuat ke atas sekolah-sekolah terlibat. Namun soalan saya cuma satu, berapa kerapkah JKN dan juga JPD membuat pantauan dan pemeriksaan ke atas sekolah-sekolah seluruh Negeri Pulau Pinang untuk memastikan kebersihan dan tiada takungan air. Itu sahaja. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Seberang Jaya (YB. Dr. Afif Bin Bahardin):**

Saya tidak ada maklumat kekerapan itu cuma untuk makluman Yang Berhormat Bertam seperti yang saya sebut tadi, dari Januari hingga Jun, 113 buah sekolah telah diperiksa tetapi kita juga menggalakkan dari segi kempen untuk pihak sekolah sendiri melakukan pemeriksaan. Ini bukan hanya *confined*... (dengan izin) kepada sekolah tetapi juga kepada tapak-tapak binaan, kepada komuniti dan juga kepada semua agensi-agensi, bangunan-bangunan kerajaan dan juga swasta yang mana mereka perlu melakukan *in-house maintenance*, penyelenggaraan untuk memastikan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes ini tidak berlaku termasuk juga sebagai contoh ada beberapa tindakan telah diambil kepada JMB-JMB kawasan perumahan terutamanya kawasan perumahan berstrata ini telah diambil tindakan ke atas JMB dengan tindakan saman dan juga kompaun oleh Jabatan Kesihatan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Ahli Kawasan Seberang Jaya. Ingin saya persilakan Ahli Kawasan Batu Uban.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):**

Terima kasih Dato' Speaker. Soalan saya soalan no. 6.

- No. 6 Mengapakah Jabatan Kerja Raya (JKR) tidak mahu menanam pokok hiasan dan landskap di bawah Jambatan Sultan Azlan Shah di hadapan Tapak Pesta sehingga ke bulatan Bayan Baru daripada membiarkan kawasan itu dipenuhi sampah dan dijadikan tempat *parking* bas dan kereta?

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Batu Uban yang telah tanya mengenai penanaman pokok hiasan dan landskap di bawah Jambatan Sultan Azlan Shah di hadapan Tapak Pesta sehingga ke Bulatan Bayan Baru.

Untuk makluman Yang Berhormat, secara lazimnya skop kerja untuk projek pembinaan jalan tidak melibatkan kerja penanaman pokok ataupun hiasan dan landskap. Walau bagaimanapun, kita ambil maklum cadangan Yang Berhormat ini dan akan dipanjangkan kepada pihak cawangan jalan, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia untuk pertimbangan lanjut memandangkan Jalan Sultan Azlan Shah yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat ini adalah sebahagian daripada jalan persekutuan. Kalau tidak silap saya, FT006 di bawah penyelenggaraan persekutuan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):**

Soalan tambahan.

**YB. Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dipersila.

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):**

Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya tentang kerja-kerja penyelenggaraan *maintenance work* dan saya amat dukacita apabila dimaklumkan bahawa kerja-kerja *maintenance* ini kurang memuaskan terutamanya melibatkan kerja-kerja jalan persekutuan dan saya juga difahamkan terdapat satu syarikat yang ditawarkan *contract* selama 10 tahun untuk membuat kerja-kerja *maintenance* ini. Maka saya ingin bertanya apakah tindakan daripada pihak Kerajaan Negeri sendiri untuk kita memantau ataupun memberi cadangan kepada Kerajaan Persekutuan tentang kontraktor yang kurang memuaskan ini.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih Yang Berhormat Batu Uban. Kita ambil maklum bahawa penyelenggaraan yang kurang memuaskan ini memang betul. Konsesi yang telah dilantik adalah selama 10 tahun dan tak silap saya telah dilantik tidak lama dahulu mungkin dalam setahun, dua tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, apabila kita mendapat sebarang aduan daripada pihak awam ataupun daripada wakil-wakil rakyat, sudah tentu akan dikemukakan kepada pihak konsesi tersebut dan mana-mana yang kita boleh ambil tindakan itu, kita ambil. Tapi untuk makluman Yang Berhormat juga, ada satu cadangan yang sedang dikaji oleh pihak pentadbiran ini adalah untuk mengkaji sejauh mana kita boleh mengambil alih balik jalan-jalan persekutuan khususnya dalam kawasan Pulau tapi untuk peringkat ini masih dalam kajian dan akan dimaklumkan pada masa depan kelak. Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Seterusnya ingin saya persilakan Ahli Kawasan Jawi.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua. Soalan saya soalan no. 7.

No. 7 Apakah rancangan oleh JPS untuk menyelesaikan masalah banjir di daerah Seberang Perai Selatan (SPS) khasnya di KADUN Jawi?

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih Dato' Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Jawi bertanya mengenai Rancangan Tebatan Banjir di Seberang Perai Selatan. Bagi maklumat Yang Berhormat, Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPS) telah menjalankan kajian bagi Pelan Induk Tebatan Banjir dan Sistem Saliran Mesra Alam bagi daerah Seberang Perai Selatan, di mana kajian tersebut telah siap sepenuhnya dan telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Negeri (SPC) pada 25 Januari tahun ini dan juga satu mesyuarat bersama semua Ahli Dewan Undangan Negeri SPS telah pun diadakan pada 26 Jun 2018. Kajian ini telah mengenal pasti kawasan utama berlakunya banjir dan rangka tindakan penyelesaian bagi menyelesaikan masalah banjir di daerah SPS. Antara tindakan jangka masa panjang yang telah dicadangkan adalah seperti berikut:-

1. Rancangan Tebatan Banjir Sungai Jawi dengan anggaran kos sebanyak RM383,210,000.00;
2. Kajian Reka Bentuk Terperinci Rancangan Tebatan Banjir Sungai Jawi dengan anggaran kos sebanyak RM8 juta;
3. Reka Bentuk Terperinci bagi menaik taraf kapasiti Rumah Pam Sanglang dengan anggaran kos sebanyak RM350,000.00;
4. Menaik taraf sistem saliran Nibong Tebal dengan anggaran kos sebanyak RM7 juta.

Bagi maklumat Yang Berhormat juga, nombor 1 dengan 2 yang saya sebut tadi adalah projek di bawah Persekutuan dan nombor 3 dan nombor 4 sedang dilakukan oleh Kerajaan Negeri iaitu reka bentuk untuk Rumah Pam Sanglang dan juga naik taraf sistem saliran Nibong Tebal.

Yang Berhormat, JPS Daerah Seberang Perai Selatan juga akan menubuhkan *Task Force* bagi menyelesaikan kebarangkalian berlakunya banjir di peringkat daerah dengan melibatkan semua ADUN di SPS serta agensi-agensi yang berkaitan antaranya Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Jabatan Kerja Raya (JKR), Pejabat Daerah dan Tanah SPS dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa dan lain-lain yang berkaitan tapi selain daripada *Task Force* itu sudah ada Jawatankuasa Bencana Daerah yang juga boleh membantu untuk memantau. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Dato' Yang di-Pertua, soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):**

Terima kasih. Di sini ada dua soalan. Nombor 1, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menggunakan teknologi hijau bagi menangani masalah-masalah banjir di samping teknologi sedia ada yang digunakan sekarang.

Soalan kedua, terdapat rumah pam dan pintu air di kawasan DUN Jawi, masih menggunakan diesel atau *solar panel*, adakah apa rancangan oleh JPS untuk menaik taraf supaya dijadikan sebagai dengan menggunakan kuasa elektrik? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih Yang Berhormat Jawi atas dua soalan yang bernas. Yang pertamanya, Kerajaan Negeri sememangnya sedang mengkaji *green technology* ataupun teknologi hijau dalam perancangan tebatan banjir. Sebelum ini boleh dikatakan tumpuan perancangan tebatan banjir bukan sahaja di Pulau Pinang dan Malaysia tetapi di seluruh dunia adalah banyak menggunakan *gray technology* dan kini kita lihat negara-negara seperti Singapura, negara-negara di Eropah dan malah di China sedang melihat kepada satu peralihan daripada *gray technology* kepada *green technology*. Contoh yang paling lazim kita lihat biasanya sungai kalau dulu-dulu bila kita naik taraf adalah untuk *canalize* ataupun menjadikan tebing konkrit dan ia sebenarnya efektif dari segi pengaliran air. Namun demikian, apabila berlaku banyak *urbanization*, banyak berlaku pembangunan bandar dan juga apabila berlaku iklim yang berubah, *climate change*, kita melihat *intensity* hujan adalah terlalu banyak, semakin meningkat dan ini menjadikan aliran air di sungai-sungai konkrit ini menjadi terlalu laju dan ia kadang-kadang akan menjadikan *bottle neck* dan sebagainya.

Jadi kita lihat kepada contoh-contoh di negara lain seperti di Singapura. Dulu, mereka telah menaik taraf sungai menjadi konkrit tapi kini sungai konkrit itu dibuat semula menjadi sungai balik yang *natural*. Jadi sebab mungkin pemikiran menggunakan *green technology* sudah berubah dan kita kini memikir menggunakan konsep *Sponge City* dan sebagainya untuk mencari kaedah untuk menahan dan juga untuk menyerap air-air.

Di samping itu, ada juga penggunaan teknologi seperti *rain garden*, *green roof* ataupun *rainwater harvesting*, *permeable pavement* dan sebagainya yang boleh digunakan. Pentadbiran ini sememangnya sedang mengkaji dan akan buat satu kajian yang terperinci bagi pelaksanaan dan penggunaan teknologi-teknologi hijau ini untuk Rancangan Tebatan Banjir di Pulau Pinang.

Untuk soalan kedua mengenai rumah pam dan pintu air yang menggunakan diesel dan juga solar. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya keadaan ini berlaku sebabnya tidak ada sambungan ataupun *supply* bekalan elektrik kepada kawasan-kawasan yang lokasinya agak terpencil khususnya di kawasan ladang dan sebagainya. Namun, saya akur bahawa berlaku masalah apabila berlakunya vandalisme sebagai contoh ataupun kerosakan kepada *solar power panel* dan sebagainya ataupun orang datang untuk mencuri. Ini menjadikan satu masalah dan *maintenance* nya agak sukar. Namun demikian, di mana-mana yang mungkin dan boleh khususnya apabila ada terdapat pemajuan di kawasan-kawasan yang berdekatan dengan kawasan itu maka kita akan minta untuk disambung tenaga kuasa elektrik kepada rumah pam ataupun pintu air yang berkenaan tapi macam mana pun ia tertakluk kepada bekalan dan sambungan daripada pihak TNB. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Soalan tambahan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Faham soalan asas? Soalan pokok dia. Ahli Kawasan Bagan Dalam, sila.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Terima kasih Dato' Speaker. Yang Berhormat Tanjong Bungah, berkenaan masalah banjir, memang saya akui yang projek infra penting untuk mengatasi masalah banjir. Satu lagi aspek penting adalah *dredging*...(dengan izin) pengorekan dan pendalaman anak sungai, parit dan juga sungai tetapi saya kecewalah sehingga kini ada jabatan-jabatan yang berhubung kait dengan *portfolio* Yang Berhormat seperti JKR dan juga JPS tidak melakukan perkara itu walaupun ditegur beberapa kali. Soalan saya adalah adakah peruntukan disediakan oleh Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Persekutuan untuk membuat pendalaman ataupun *dredging* mengorek anak sungai, parit dan longkang di kawasan-kawasan risiko banjir di kawasan saya jugalah, ada beberapa longkang ataupun parit di bawah JKR dan JPS tidak dikorek langsung walaupun sudah 10 tahun, 15 tahun dibuat akhirnya. Adakah peruntukan disediakan? Itu soalan saya. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Tanjung Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Terima kasih Yang Berhormat Bagan Dalam. Sememangnya peruntukan untuk pengorekan secara berkala itu ada tapi saya akur bahawa tidak mencukupi dan ini masalah yang kita hadapi di seluruh Negeri Pulau Pinang dan banyak aduan-aduan yang kita dapat daripada rakyat, daripada wakil rakyat juga bahawa kerja-kerja pengorekan terpaksa dibuat. Jadi, kerja-kerja berkala ini memang akan berterusan tetapi kalau mana-mana ada yang menjadi kecemasan, maka caruman perparitan yang diselia oleh JPS di bawah MMK Tebatan Banjir boleh digunakan untuk membuat pengorekan secara *ad-hoc*. Terima kasih Yang Berhormat.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih kepada semua yang telahpun membangkitkan soalan lisan dan telah menjawab soalan lisan untuk 1 jam 30 minit dan Ahli-ahli Yang Berhormat, sesi lisan untuk 1 jam 30 minit telah pun tamat. Selaras dengan Subperaturan 26(7) Peraturan-Peraturan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

**YAB. Ketua Menteri:**

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jawapan kepada soalan-soalan lisan yang telah dijawab sebentar tadi akan diletakkan di atas meja ahli yang bertanya dan akan dimasukkan dalam Penyata Rasmi.

**Setiausaha Dewan:**

Usul daripada Yang Berhormat Ahli Kawasan Air Putih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila Ahli Kawasan Air Putih.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Terima kasih Dato' Speaker, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua saya mohon mencadangkan bahawa kami Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang memohon mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang sebagai ADUN-ADUN dalam Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang yang mulia ini kerana Tuan Yang Terutama Tun berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Keempat pada 3 hari bulan Ogos 2018.

Semoga Tuan Yang Terutama Tun dan Toh Puan sentiasa dalam keadaan yang sihat walafiat agar dapat terus memimpin Negeri Pulau Pinang dengan landasan yang lebih maju, makmur dan sejahtera untuk rakyat Negeri Pulau Pinang. Saya juga ingin meminta maaf tidak dapat hadir pada hari perasmian kerana terpaksa menghadiri Mesyuarat Kabinet pada waktu yang sama.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada T.Y.T Tun kerana telah merasmikan pembukaan Dewan Undangan Negeri untuk memulakan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang Yang Keempat Belas yang amat bersejarah selepas menyaksikan peralihan kuasa di peringkat Kerajaan Persekutuan buat kali pertamanya dalam 61 tahun. Akhirnya pemerintahan Kerajaan Persekutuan dan Negeri berjaya disatukan di bawah satu gabungan kepartian yang baharu buat kali pertamanya sejak merdeka pada 1957. Dan ini adalah sebuah parti atau payung yang benar-benar bersih dan berjiwa rakyat. (Ahli Dewan menepuk meja)

Tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang baharu yang merupakan Perdana Menteri yang paling tua di dunia dan juga dalam sejarah Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad dan barisan kabinet beliau, tahniah juga diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri baharu dan yang kelima, Yang Amat Berhormat Chow Kon Yeow. (Ahli Dewan menepuk meja)

Saya ingin mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada rakyat Pulau Pinang atas keyakinan mereka ke atas Kempen Ubah menggantikan rejim Barisan Nasional yang rakus dan rasuah yang dicituskan dalam PRU 12 pada 2008 bila Pulau Pinang jatuh di bawah Pakatan Harapan dengan memenangi 29 daripada 40 kerusi DUN dan dalam PRU ke-13, dan ke-14 bukan sahaja Pakatan berkekalan kuasa malah menambah kerusi DUN Pulau Pinang sehingga pada PRU ke-14 Pakatan memenangi 37 daripada 40 kerusi. (Ahli Dewan menepuk meja)

Dato' Yang di-Pertua, ada yang menyatakan proses demokrasi dan reformasi telah mula pada tahun 1998 untuk membolehkan apa yang kita capai pada hari ini. Mula pada 1998 bila Presiden baharu PKR tahniah kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Presiden PKR yang baharu. Bila Dato' Seri Anwar Ibrahim telah dipecat pada 2 hari bulan September dan tentu apabila bakal Perdana Menteri yang ke-8 kita Dato' Seri Anwar Ibrahim telah dipecat pada 2 September masa itu saya baru dimasukkan penjara pada 24 haribulan Ogos 1998 kerana mempertahankan seorang gadis Melayu bawah umur yang dirogol tapi

sungguhpun gadis bawah umur Melayu ini dirogol beliau sebagai mangsa ditahan tapi perogol-perogol bebas berkeliaran dan mangsa ditahan bila mempertahankan dia, saya pun kena tahan. Tapi itu semua telah lalu. Kita tidak harus lupakan selain daripada Gerakan Demokrasi dan Reformasi 98, Dato' Seri Anwar yang memimpin usaha ini bersama dengan Parti-parti Pakatan pada masa itu termasuk DAP dan PAS, PAS sekarang sudah tak ada.

Tapi pada masa itu kita tidak juga harus lupakan sumbangan parti pembangkang sebelum 1998 yang memastikan obor demokrasi dan reformasi terus bernyala dan membara dalam hati rakyat sungguhpun berseorangan dan bersendirian. Itulah sebabnya saya ingin ambil kesempatan memperingati sumbangan dan pengorbanan pemimpin-pemimpin pembangkang sebelum 1998, iaitu Ketua Ahli Parlimen DAP dan sekarang masih Ahli Parlimen Iskandar Puteri saudara Lim Kit Siang, dan juga mendiang Karpal Singh bekas Pengerusi Kebangsaan Parti DAP dan juga kepada tidak ketinggalan juga pemimpin-pemimpin Negeri Pulau Pinang seperti saudara Peter Paul Dason, saudara Chian Heng Kai, saudara Ahmad Nor yang pernah menjadi ADUN dan Ahli Parlimen di Negeri Pulau Pinang. Jasa mereka akan dikenang selamanya.

Tahniah juga saya nak ucapkan atas pelantikan Dato' Speaker sebagai Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang ini untuk Penggal Kedua, jarang ada dapat dua penggal tetapi ini menunjukkan kewibawaan Dato' Speaker yang bukan sahaja merupakan rakan perjuangan, saya masih ingat dalam Pilihan Raya ke-14 kita saling berurusan dan beliau kempen kuat untuk kawasan di Batu Kawan. Saya nak ucapkan terima kasih kepada Dato' Speaker atas semangat perjuangan sungguhpun tak dicalonkan sebagai ADUN tapi masih berjuang dan saya yakin pengurusan Dewan Undangan Negeri yang lihat banyak kemajuan di bawah pimpinan Dato' Speaker sebelum ini akan ditambah baik lagi sebagai simbol demokrasi yang terunggul dan institusi tertinggi dalam perlembagaan di Negeri Pulau Pinang.

Saya juga ingin ucapkan tahniah dan syabas kepada rakan-rakan seperjuangan Pakatan Harapan merangkumi parti DAP, PKR, BERSATU dan AMANAH yang turut menang dalam PRU yang ke-14 juga Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang kini dipimpin oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang yang baharu rakan saya daripada Padang Kota yang saya yakin bahawa kesinambungan yang dicapai oleh Negeri Pulau Pinang selama ini dapat diteruskan dan dapat dikekalkan malah dapat dipertingkatkan ke satu tahap yang lebih gemilang lagi.

Dato' Yang di-Pertua dalam PRU yang ke-14 Pakatan Harapan telah meraih 67.2% undi sokongan di peringkat negeri dan 68.85% undi bagi peringkat Parlimen ini satu prestasi yang amat cemerlang sekali tahniah dan syabas kepada Pakatan Harapan. Prestasi perolehan undi hampir sama dengan PRU yang ke-13 di mana Pakatan Rakyat meraih 67.5% undi di peringkat DUN dan 67.78% undi di peringkat Parlimen. Perlu diingatkan pada PRU yang ke-13 ia lain kerana PAS masa itu masih merupakan kawan kami dalam Pakatan Rakyat sekarang daripada kawan jadi lawan.

Jikalau diambil keluar atau tidak diambil kira undi yang diraih oleh PAS, DAP dan PKR secara keseluruhannya pada PRU yang ke-13 meraih 61.35% undi sokongan di peringkat DUN dan juga kurang juga untuk peringkat Parlimen so ini bermakna kalau kita bandingkan kita tak ambil kira sokongan undi PAS yang diperolehi iaitu kira-kira 5%, 6% yang kita lihat ini. Berbanding 13 dan 14 sebenarnya kerana undi PAS yang lari itulah sebabnya sebenarnya yang 67% ini adalah kenaikan 5.85% di peringkat DUN dan 6.88% di peringkat Parlimen kalau kita tidak ambil kira sokongan PAS yang telah pun dikeluarkan. Dan ini jelas menunjukkan peningkatan sokongan rakyat Pulau Pinang ke atas Pakatan Harapan. Dan sokongan ini menyerlah dalam tempoh 10 tahun yang lepas kerana prestasi yang dicapai oleh Kerajaan Negeri selama 10 tahun ini.

Dato' Yang di-Pertua ini merupakan kali pertama saya kembali ke Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang selepas PRU yang ke-14 sebagai seorang *backbenches*. Sungguhpun saya duduk di kalangan rakan-rakan *backbencher* saya berasa amat bangga tak kira mana saya duduk asalkan boleh duduk dalam Dewan yang mulia ini saya ucapkan banyak terima kasih kepada pengundi-pengundi saya dan juga berkongsi penghormatan ini dengan Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang.

Walaupun tidak lagi memegang jawatan sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang dan hanya sekadar *backbenchers* dan merupakan penyokong Kerajaan Negeri saya tetap sayang sama Pulau Pinang. Dan akan kerap pulang ke Pulau Pinang untuk menjenguk kawan-kawan. Juga minum kopi dengan saudara Chow selalu kita suka minum kopi dekat belakang lorong. Makan sampai kita kembang sikit tentu kita tahu bahawa makanan Pulau Pinang lazat, rakyat mesra dan juga tidak ketinggalan juga Pulau Pinang adalah negeri yang bersih, hijau, sihat dan selamat dan ini sentiasa dalam hati dan jiwa kita semua.

Sebagai Menteri Kewangan baharu di peringkat Kerajaan Persekutuan saya akan berusaha untuk memudah cara pembangunan lestari di Pulau Pinang khususnya dalam mengatasi masalah kesesakan lalu lintas saya masih ingat bahawa semasa kita menjadi Kerajaan Negeri ada tiga (3) cabaran yang kita namakan sebagai 3C iaitu *Cleanliness*, *Crime* dan *Congestion*. Dari segi kebersihan dan juga jenayah sebahagian besarnya telah dapat diatasi tinggal lagi kesesakan trafik dan ini adalah hasil daripada program

pembangunan pesat yang kita jalankan kerana ramai pelabur masuk lebih ramai pelancong masuk sehingga sungguhpun kita membina banyak jalan tak dapat menampung pertambahan pelabur dan pelancong yang masuk ke Pulau Pinang satu-satu negerinya yang mendapat tarikan di peringkat nasional dan antarabangsa.

Kita akan berusaha untuk bekerjasama bersama dengan Kerajaan Negeri supaya projek-projek infrastruktur dapatlah diberikan perhatian, diberikan penekanan yang sewajarnya dan tidak dipinggirkan seperti sebelum ini. So saya nak minta ADUN Datok Keramat jangan bimbang sangat mungkin anda sekarang tak ada sasaran lagi. Tapi sebelah sana mungkin ada lagilah tetapi Ketua Pembangkang orang baik, itu sebab saya masih ingat saya ada beritahu sama dia sungguhpun rakan-rakannya akan tumbang habis tetapi anda masih kekal kerana beliau susah dikalahkan. Kita tahu risikonya di peringkat akar umbi memang popular sungguh Yang terhormat Ketua Pembangkang. Ini saya cakap terus terang dari hati saya, betul tak? Betul tak saya berbicara sama dia? Kerana kita tahu siapa yang ada buat kerja, siapa yang tak ada buat kerja. Dan kita harap semua boleh ikut amalan mereka yang ada buat kerja, kalau Yang Berhormat Ketua Pembangkang ada buat kerja di peringkat akar umbi, ikut contoh sahaja pun tak apa. Asalkan kita boleh jadi baik, pada masa yang sama kita harap Ketua Pembangkang pun boleh ikut cara Kerajaan Negeri mentadbirkan kewangan negeri yang bersih, yang berintegriti, yang cekap, *accountable*, dan telus. Apa salahnya kita belajar baik di antara satu sama lain, asalkan kita amal makruf, nahi mungkar.

Saya rasa itu kita dapat berkongsikan pandangan, bekerjasama untuk rakyat dan inilah harapan saya rasa, bukan sahaja Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, tapi semua ADUN-ADUN dalam Dewan Undangan Negeri yang mulia ini.

Selain itu, tentang keresahan projek-projek pembangunan. Seperti yang telah pun dinyatakan oleh saya dan diulangi oleh Yang Berhormat Datok Keramat. Peruntukan RM150 juta yang diluluskan sebelum ini untuk RTB Sungai Pinang ini akan dikekalkan untuk dijalankan projek ini. Sebenarnya projek ini telah pun diberikan kontrak tapi kerana timbul masalah bukan secara tender terbuka, tak telus bagi pada kroni-kroni tertentu, Kementerian dinasihatkan untuk buka balik supaya tender ini dibuat secara teratur, dan benar-benar berdasarkan tender terbuka bukanlah bagi kepada kroni-kroni Barisan Nasional. Sebab itulah sebenarnya kita harap bagikan sedikit masa supaya semua aturcara kewangan dapatlah dipatuhi mengikut prinsip ketelusan dan akauntabiliti.

Sekali lagi, saya ingin memberikan jaminan bahawa dana yang terlibat ini akan diuruskan dengan baik dan dengan bersih. Tapi, saya pun ingin luahkan masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan kerana suka, tak suka, mahu, tak mahu, kita kena akui bahawa keadaan kewangan diperingkat Kerajaan Persekutuan adalah serius. Mengapa tak serius, tengok, hutang yang mereka cakap kononnya RM687 billion, sebenarnya adalah RM400 billion lebih banyak iaitu RM1,087 billion atau lebih RM1 trillion. Ini semua angkara 1MDB dan skandal-skandal kewangan. Ini tak dapat dinafikan. Ini adalah satu hakikat, satu fakta, satu kenyataan. Dan ini telah pun menjejaskan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Tolong bayangkan betapa besar jumlah RM1 trillion ini. Sekiranya RM1 juta dibayarkan setiap hari, berapa lama kita kena bayar baru boleh langsaikan hutang RM1 trillion ini.

Dato' Yang di-Pertua, bayar RM1 juta setiap hari, masa yang diperlukan untuk bersihkan hutang adalah 2,640 tahun. Masa itu, tentu kita semua tak ada *but* kita mahu Malaysia tetap ada. Itu sebabnya kita kena atasi masalah hutang Kerajaan Persekutuan yang maha besar ini. Untuk setiap bayi yang dilahirkan serta-merta bayi itu akan hutang sekeliling pinggang, hutang sebanyak RM33,333. Itulah betapa besarnya hutang oleh anak, oleh warganegara Malaysia. Inilah tanggungjawab besar yang kita hadapi.

Dato' Speaker, angkara 1MDB ini, bukan sekadar dalam peringkat atau menjejaskan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. 1MDB pun telah melahirkan GST. Kalau bukan 1MDB, tak perlu ada GST. Kerana ada 1MDB, barulah dilahirkan GST. Dan tentulah, itu satu keputusan yang saya percaya tidak mahu dilaksanakan oleh Barisan Nasional kerana mereka tahu dalam dunia ini mana-mana kerajaan yang melaksanakan GST akan menghadapi kekalahan dalam pilihan raya kecuali satu negara sahaja, iaitu Singapura. Singapura sungguhpun laksanakan GST, tak kalah. Ini mungkin kerana mereka tetapkan kadar GST hanya pada peringkat 3% bukan seperti Malaysia 6% dan rekod ini diteruskan. GST ini amat menyusahkan rakyat. Barulah rakyat tahu betapa teruknya skandal 1MDB sehingga mereka terpaksa buat bayaran hutang ini. Kalau tidak 1MDB, NBM tak akan laksanakan GST. Kerana tak ada pilihan, terpaksa laksanakan GST. Dan atas kejayaan mereka menarik PAS keluar daripada pakatan, barulah mereka rasa yakin mereka akan menang pilihan raya tapi mereka tidak menjangka reaksi rakyat yang amat marah sekali tentang kos kehidupan sehingga mereka ditolak sama sekali oleh rakyat dalam PRU 14 yang amat bersejarah ini.

Dato' Yang di-Pertua, isu 1MDB dan GST harus diberikan keutamaan untuk diselesaikan. GST sekarang sudah dimansuhkan, atau *zero rated*, telah disifarkan. Dan kita harap dalam sesi parlimen dalam minggu ini, GST boleh digantikan dengan SST di mana GST yang kutip RM44 billion setahun digantikan dengan SST yang kutip hanya RM21 billion bermakna bahawa kutipan cukai akan kurang RM23 billion dan bahawa rakyat akan dapat tambahan RM23 billion untuk dibelanjakan iaitu hadiah RM23 billion daripada

Pakatan Harapan kepada rakyat Malaysia. Sila Yang Berhormat Ketua Pembangkang.

#### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor)**

Terima kasih Air Putih, Menteri Kewangan. Saya rasa macam duduk di Parlimen. Bila mendengar ucapan daripada Air Putih sebab semuanya berkaitan dasar-dasar kerajaan di peringkat Parlimen. Jadi, rasa macam di Parlimen.

Saya nak sentuh sedikit, minta penjelasan tentang hutang. Hutang RM1 trillion dan saya rasa saya pun tak mahir dari segi ini hutang yang sebenarnya adalah RM686 billion tak termasuk jaminan dan projek yang telah dan sedang dilaksanakan masuk dalam tanggungan dan sebagainya menjadikan RM1 trillion. Dan sebenarnya hutang adalah RM686 billion termasuk hutang pihak-pihak rakyat dan sebagainya. Nak minta penjelasan daripada agensi berikut dari segi jumlah hutang yang sebenarnya.

Kedua, dari segi GST. Saya rasa saya dengar dalam ucapan Parlimen pihak Air Putih menyebut bahawa GST adalah lebih telus berbanding dengan SST. Itu saya dengar la. Mungkin saya silap dengar. Lebih telus. Kerana ini merupakan sistem cukai yang dilaksanakan oleh semua negara, kecuali 11 negara termasuk Bhutan dan sebagainya masih laksanakan SST. Dan saya takut SST nanti akan lebih menekan rakyat kerana ada cukai yang terselindung, tersorok. Peniaga akan lebih banyak menyorok cukai dan sebagainya, tak telus kepada pihak Kerajaan. Mungkin kos juga akan bertambah sebab kita dah buat sistem GST daripada sistem yang belanjanya jutaan ringgit untuk diadakan sistem di semua peringkat.

Jadi, apa pandangan YB. Air Putih tentang GST. Seterusnya 1MDB. Saya rasa 1MDB ini di peringkat siasatan, yang saya tau 1MDB adalah satu-satu, satu syarikat yang diwujudkan oleh Kerajaan untuk menjana pendapatan dan sebagainya untuk dikembalikan kepada rakyat dan mungkin ada kesilapan dan kelemahan dari segi pelaburan dan sebagainya. Tapi perkara itu mungkin dalam gerakan, siasatan oleh pihak Kerajaan. Jadi, saya rasa, kita menunggu keputusan siasatan untuk melihat sama ada betul berlaku penyelewengan dan sebagainya dan minta itu sahaja pandangan. Terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng)**

Terima kasih Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Saya harap Yang Berhormat Ketua Pembangkang insaf. Insaf. Jangan terus ditipu oleh pemimpin-pemimpin Barisan Nasional. Mengapa nak percaya temberang mereka. 1MDB benar-benar rugikan negara. Hutang yang kita kena tanggung ialah RM50 billion, RM50 billion. Dan sekarang kita sudah bayar setakat ini RM7 billion. Itu kenyataan. Mengapa nak cakap bahawa ooo... ini ada sikit kelemahan sana, sikit kelemahan sini. Sampai RM7 billion kita dah bayar, kita kena bayar secara keseluruhannya RM50 billion. Dan inilah sebabnya kita punya sumber kewangan tersekat. Nak buat program-program tak boleh, tak ada wang. Termasuk juga nak laksanakan sebahagian besar janji-janji manifesto Pakatan Harapan pun tersangkut kerana tak ada wang. Kita tak jangkakan keadaan kewangan seterusnya ini. Saya tidak faham macam mana Yang Berhormat Ketua Pembangkang tak mau mengakui realiti. Tak kan dah lupa beg-beg yang mengandungi wang tunai sebanyak RM200 juta. Tak kan dah lupa beg-beg yang ada berlian sebanyak RM114 juta. Sampai ada 14 tiara. Awalnya, bila orang bagitahu ada tiara, saya ingat itu Proton Tiara. Tapi, sebenarnya lagi mahal daripada Proton Tiara. Jangan lupa juga ada beg Hermes, 274. Macam mana boleh dapat semua harta dan kekayaan sebesar ini. Bukalah mata dengan terang-terang. Bukalah mata dengan terang-terang. Saya rasa anda tahu di mana wang itu pergi.

Dan yang kedua, tentang itu GST dan SST. Kita akui, kita bukan macam kerajaan dulu. Kalau tak betul, kita akan cakap itu tak betul. Hitam akan jadi putih, putih akan jadi hitam. Kita tak akan buat macam ni. Kita akan cakap benar. Memang benar bahawa GST lebih telus dan lebih efisien daripada SST, tapi masa ini bila cukai lebih telus dan lebih efisien bermakna kutip lebih banyak wang daripada rakyat. Kita tak mau susahkan rakyat. Tujuan kerajaan baru bukan semata-mata untuk meningkatkan hasil pendapatan Kerajaan Persekutuan. Tujuan kita ialah kesejahteraan rakyat, *economic well-being, economic well-being*. Supaya rakyat boleh lebih senang. Mengapa semata-mata nak dapat wang sahaja, apa gunanya kalau kita wang bertambah-tambah, berlambak-lambak, sekiranya rakyat tetap susah. So, itulah sebabnya kita cakap kita mahu sesuatu yang lebih ringan sedikit macam SST. So, saya harap di sini kita cakap benar, kita mahu kesejahteraan rakyat. Itu sebab kita ringankan dengan SST.

Saya nak tanya Yang Berhormat Ketua Pembangkang. Di antara SST dan GST mana yang berhormat akan pilih kalau Yang Berhormat benar-benar sayang dan mahu kesejahteraan rakyat. Kalau kita lihat daripada jumlah angka yang dikutip. Tentu SST kerana kutip kurang RM23 billion.

Dato' Yang Pertua, kita perlu berikan keutamaan kepada isu ekonomi dan rasuah yang sekarang membelenggui kemakmuran rakyat dan adalah isu utama yang kita harus bersatu untuk menanganinya. Pengaruh 1MDB saya rasa masih ada. Kita lihat hutang RM50 billion yang terpaksa dibayar oleh Kerajaan Persekutuan....(gaguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Mohon penjelasan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila duduk. Saya terkeliru. Saya macam Speaker Dewan Parlimen. Nanti, biar Air Putih habiskan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Dato' Speaker, Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Jangan ganggu.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Jangan lupa bahawa apabila kita sebut tentang itu 1MDB. Yang RM50 billion yang kita tanggung. Wang ini pun ada masuk akaun parti politik UMNO, MCA, MIC dan Gerakan. Ini tak boleh dinafikan. Sampai akaun UMNO, parti UMNO pun dibekukan. So, itulah hakikat macam mana teruk itu 1MDB dan di Pulau Pinang kita pun tahu sampai ada banyak persatuan yang terima wang 1MDB. Sampai ada persatuan, wartawan, surat khabar Cina pun ada terima wang 1MDB sebanyak RM150,000 dan ini pun adalah salah satu sebab hubungan saya dengan sesetengah surat khabar Cina agak renggang sedikit. Itu hakikat.

Tapi perlu kita lihat ke depan. Marilah kita bersatu mengatasi masalah ekonomi, rasuah dan penyalahgunaan kuasa dan tidak terbabit dalam permainan sentimen perkauman, agama dan *extremist* yang memecah belahkan rakyat. Saya ingin merayu Parti Pembangkang untuk hormati keputusan dan mesej rakyat termasuk dalam PRU 14 baru-baru ini dan Pilihanraya Kecil Sungai Kandis yang dengan jelas sekali menolak permainan sempit dan bahaya sentimen perkauman agama dan *extremis*. Itulah penting supaya kalau kita nak terus pecah belahkan dengan sentimen negatif ini. Masalah penting di depan kita. Rasuah dan masalah ekonomi tidak akan diatasi.

Di sini, di samping membayar hutang maha besar ini. Saya tahu ada banyak yang tanya tentang GST *refund* serta masa-masa yang berikutnya pemberian kontrak ini benar sebenarnya melambakkan kontrak projek-projek yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan termasuk di Negeri Pulau Pinang. Saya pun ada terima beberapa surat permintaan tapi kita kena pastikan ia menerusi proses tender yang betul. Itu sebabnya kita harap rakyat boleh sabar supaya kita nak pastikannya diberikan kepada kontraktor yang *genuine*. Kontraktor yang benar-benar buat kerja. Bukanlah kroni-kroni politik dan perkara ini saya rasa kita harap dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat.

Tentang masalah *refund* GST tentu ini satu masalah besar kerana *refund* GST tidak dikembalikan sampai dua (2) tahun dan ini saya tak mau jawab di sini dan saya akan jelaskan dan kemukakan dalam sesi Parlimen akan datang.

Di sini saya ingin ucapkan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri kerana beliau memang faham dengan masalah kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan sehingga janji-janji dalam Manifesto Pakatan Harapan tidak dapat ditunaikan semua sekali segala galanya dalam masa terdekat. Saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Persekutuan masih komited untuk melaksanakan janji-janji Pakatan Harapan apabila kedudukan kewangan bertambah baik. Sungguhpun begitu, kita tahu bahawa janji mansuhkan GST telah dilaksanakan dan Kerajaan Malaysia tidak jadi bankrap tanpa GST dan sungguhpun tanpa GST. BR1M, BSH (Bantuan Sara Hidup Rakyat) telah pun dibayar dan ansuran terakhir akan dibayar sebelum Hari Raya Korban, Hari Raya Haji, Aidiladha. Sebelum 15 haribulan Ogos dan ini semua dibuat oleh Kerajaan Persekutuan termasuk menstabilkan harga petrol. Dan ini pun telah dilakukan. Sungguhpun begitu, kita kena akui dan saya pun terima banyak soalan dan juga pertanyaan dari rakyat mengapa apabila GST telah dihapuskan, mengapa ada harga barangan masih kekal lagi, tak turun dan ada juga yang naik. Saya selalu juga sembang dengan rakan rapat saya iaitu Yang Berhormat Pantai Jerejak yang sekarang jadi Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan kita tahu tentang masalah ini. Contohnya gula. Kenapa harga gula antarabangsa RM1.50, RM1.60 tetapi harga yang dijual RM2.80, RM2.90 tak boleh faham dan Yang Berhormat Menteri Perdagangan Dalam Negeri sedang serius untuk menangani masalah ini dan beliau tentu akan membuat pengumuman tetapi itu yang kita nak cari jawapan. Mengapa harga antarabangsa hampir separuh daripada harga pasaran di sini. Dan ini menimbulkan banyak perasaan tidak puas hati dikalangan rakyat.

Juga beras, beras yang ini kita tak faham. Harga masih sangkut. Tak boleh turun dan kadang-kadang saya ditanyakan. Kita tahu bahawa harga beras sekarang harga antarabangsa RM1,200 tapi harga syiling jual harga RM1,700. Saya rasa ini adalah berkaitan dengan masalah *structure* masalah *structural* yang kita wariskan daripada Kerajaan Barisan Nasional. Apakah masalah struktur ini? Masalah struktur ialah kuasa monopoli oleh BERNAS. Kuasa monopoli oleh BERNAS yang sepatutnya memastikan harga berpatutan atau harga rendah tetapi sebaliknya harga tak turun, harga kekal atau harga naik. Dan kita boleh

lihat di sini. BERNAS mempunyai keuntungan yang besar setiap tahun. Sebagai sebuah syarikat monopoli, dia untung daripada 98, 99 hingga 2012, RM1.8 billion. Ini sampai tahun 2012. Selepas 2012, dia sudah beli balik ini sudah jadi pemilikan swasta daripada syarikat Bursa Malaysia menjadi syarikat swasta.

So, RM1.8 billion adalah keuntungan yang sepatutnya kalau ada kuasa monopoli, kalau kerajaan sendiri uruskan RM1.8 billion harus menjadi milikan Kerajaan Persekutuan yang boleh dikembalikan kepada rakyat...(gangguan).

Saya habis ini. Supaya saya boleh habis sebelum pukul 12.00. Inilah masalah struktur kalau ada keuntungan luar biasa oleh BERNAS, bukan alangkah lebih baik ia diraih oleh Kerajaan Persekutuan supaya kemudian dapat dikongsi bersama-sama oleh rakyat. Ini adalah di antara perkara yang akan dikaji dengan lebih mendalam dan tentu untuk masa ini kita menghadapi persoalan yang kita tak boleh jawab. Mengapa harga masih sangkut di situ? Untuk barang-barangan tertentu dan inilah masalah struktur yang kita harap Pembangkang boleh berikan perhatian tentang perkara-perkara struktur ini. Kuasa monopoli oleh satu syarikat sahaja yang tidak mementingkan rakyat sebaliknya menyusahkan rakyat dan juga menyusahkan kerajaan. Inilah masalah ekonomi yang kita harus berikan perhatian.

Saya ingin menyatakan di sini bahawa Pakatan sungguhpun bertekad untuk melaksanakan janji manifesto bila keadaan kewangan dan fiskal dapat dipulihkan. Kita dalam peringkat Kerajaan Persekutuan tidak bernasib baik semacam Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang mempunyai prestasi kewangan yang baik dalam 10 tahun ini yang membolehkan mereka, membolehkan Kerajaan Negeri melaksanakan 68 janji dalam Manifesto Pakatan Harapan Negeri Pulau Pinang. Dalam 10 tahun ini, kita boleh lihat lebih belanjawan setiap tahun. Bukan macam Kerajaan Persekutuan tak pernah ada untung. Tiap-tiap tahun rugi saja. Rezas aset naik sebanyak sebanyak 1 billion atau naik sekali ganda. Bukan macam Kerajaan Persekutuan, kosong sahaja. Hutang Kerajaan Negeri dapat dikurangkan sebanyak 90% kepada RM62 juta iaitu hutang Kerajaan Negeri yang paling kecil di seluruh Malaysia bukan macam Kerajaan Persekutuan, anda pun tahu. Dan jangan lupa juga atas prestasi ekonomi yang baik ini membolehkan PDC, membolehkan PDC mendapat pinjaman sebanyak RM1.5 billion daripada CIMB dengan jaminan daripada Kerajaan Negeri sahaja. Satu-satunya negeri yang mendapatkan pinjaman sebesar ini dari bank komersial. Ini adalah satu lagi prestasi cemerlang Kerajaan Negeri dan ke semua ini dapat dicapai atas semangat berpasukan dan berintegriti bahawa sememangnya kerajaan yang bersih dan tak makan wang, rakyat boleh dapat wang. Dan inilah yang dicapai oleh Kerajaan Negeri dan kita harap boleh menjadi satu simbol untuk seluruh negara di mana pengurusan kewangan yang berhemah dan bersih membolehkan janji yang memanfaatkan rakyat dapat dilaksanakan.

Sebagai satu contoh dan motivasi untuk seluruh negara bahawa sebaik kedudukan kewangan untuk Kerajaan Persekutuan dapat dipulihkan maka janji-janji Manifesto Pakatan Peringkat Persekutuan dapat juga dilaksanakan.

Di sini, Dato' Speaker, Pulau Pinang masih menjadi simbol harapan kepada seluruh negara. Bukan sahaja dari segi aspek prestasi kewangan. Bukan sahaja dari segi membolehkan kembali dan juga menghidupkan kembali keyakinan rakyat dan juga kedudukan kewangan tetapi bahawa kepada seluruh negara. Kita sekarang kena merawat kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan. Sekiranya kita boleh buat semacam Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Harap akan cerah untuk laksanakan semua janji-janji yang kita buat dalam Manifesto Pakatan Harapan, Kerajaan Persekutuan. Ini tidak bermakna kalau kedudukan kewangan yang tidak mengizinkan, tidak bermakna bahawa projek-projek tidak jalan.

Kita kena cari kaedah baru macam projek untuk membesarkan Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang. Kita sekarang cari kaedah baru kerana tidak ada sumber kewangan sama ada kita boleh jalankan menerusi perkongsian atau *joint venture*, usahasama dengan pihak swasta di mana pihak swasta boleh melabur wang dan menjaga operasi ke atas lapangan antarabangsa ini supaya kita dapat membesarkan Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang yang kini kadang kala kita pergi macam pasar malam atau lebih teruk dari pasar malam. Begitu sesak di Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dan dapat dibuat dengan lebih cepat juga.

Apabila satu projek dibuat oleh Kerajaan Persekutuan biasanya ada masalah yang kadang-kadang bukan sahaja melambatkan projek tersebut tetapi mengagalkannya. So, mungkin daripada penglibatan pihak swasta kita dapat mempercepatkannya dan pada masa yang sama memastikan ia berjalan dengan lebih lancar dan dengan lebih baik. So, kita tahu bahawa Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang mencatatkan peningkatan penumpang yang besar. Tahun lepas, 7.1 juta penumpang berbanding dengan kapasiti 6.5 juta dan tahun ini akan tambah lagi kepada 7.8 atau 9 juta penumpang. So, amat perlu untuk membuat program pembesaran.

Saya harap menerusi pembincangan saya dengan Malaysia Airport Holding Berhad dan juga Air Asia kita dapat cari satu penyelesaian untuk program pembesaran ini dapat dijalankan dalam masa yang paling singkat sekali.

Untuk program pembesaran ini dapat dijalankan dalam masa yang paling singkat sekali. So di sini kita nak hadkan bahawa apabila keadaan kewangan dapatlah dipulihkan semua projek-projek dan program-program pembangunan dapat dijalankan dengan lancar tentunya kita akan mengkaji semua program-program yang telah diluluskan sebelum ini di Pulau Pinang tapi seberapa yang boleh kita harap ia juga masih boleh diteruskan. Tadi Yang Berhormat Permatang Pasir silakan.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Tadi Yang Berhormat Air Putih bercakap tentang dasar-dasar dan polisi Kerajaan Persekutuan. Jadi sepanjang saya meneliti pencapaian pentadbiran Yang Berhormat sepanjang tempoh di Pulau Pinang telah berjaya mengurangkan hutang Negeri Pulau Pinang sehingga jumlah RM66 juta satu pencapaian yang hebat. Adakah pencapaian ini akan Yang Berhormat laksanakan? Dasar-dasar yang sama di peringkat Persekutuan agar hutang yang bertimbun dilakukan oleh kerajaan zalim terdahulu, dapat mencapai Kerajaan Persekutuan, tempoh penjelasan.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Air Putih saya minta Air Putih kalau boleh ringkaskan jawapan bagi kan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Boleh. Boleh. Boleh. Saya pun tak...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Supaya tak jadi *stress* macam Speaker di Parlimen.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Iya, saya faham tapi kadang-kadang kita kena jelaskan untuk supaya rakyat tahu mengapa pihak Kerajaan Persekutuan dah tak dapat teruskan projek-projek pembangunan ini kerana memang kesuntukan kewangan tidak mengizinkan tentu saya secara ringkas saya akan memberitahu Yang Berhormat Permatang Pasir bahawa apa yang kita capai di Pulau Pinang. Saya rasa agak sukar untuk diulangi di peringkat Kerajaan Persekutuan tapi kita akan cuba seberapa yang boleh kerana apabila itu hutang sudah capai satu tahap yang di mana susah untuk dikurangkan dengan mudah itulah yang berlaku.

Untuk Pulau Pinang kita masih ada apa yang kita sebut ruang untuk membuat *adjustment*, untuk membuat pelarasan tapi bukan begitu mudah di peringkat Persekutuan dan di sini saya pun mahu menyatakan bahawa apa yang dicapai oleh Kerajaan Pulau Pinang selama ini ialah dalam aspek CAT. Di mana kalau kita lihat dari segi perbelanjaan yang ini pun dinyatakan dalam laporan Ketua Audit Negara di mana semua pun Kerajaan Negeri berjaya laksanakan hampir semua program-program atau projek-projek pembangunan tapi perbelanjaan hanya sekadar 55% sahaja iaitu penjimatan sebanyak 45% dan ini adalah sesuatu yang memberikan rangsangan, sekiranya boleh diulangi di semua peringkat pengurusan dan juga pentadbiran tender. Ini akan memberikan penjimatan yang besar kepada kerajaan.

Tentu untuk penjimatan untuk 45% ini susah diulangi di Kerajaan Persekutuan tapi sekiranya boleh jimat 10% pun dah cukup. So disinilah kita sebut seperti yang saya nyatakan tadi satu simbol harapan untuk seluruh negara agar bahawa pemulihan dan juga penghidupan semula dapat berjaya dilaksanakan.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Terima kasih Yang Berhormat. Jadi saya amat sangat bersetuju dengan apa yang dikata tentang monopoli BERNAS. Isu ini saya rasa bukan setakat mempunyai kesan kepada seluruh negara bahkan juga kepada pesawah-pesawah padi di Pulau Pinang. Jadi ini ada isu yang cukup relevan dan saya ingin mengatakan bahawa memang BERNAS ini telah pun lari daripada tujuan asal yang apabila BERNAS ini di tubuhkan. Hari ini BERNAS sudah menjadi satu syarikat peribadi, *private company making profit for it self* dan tidak menjaga lagi kepentingan dan kebajikan pesawah padi dan juga pengguna. Setiap tahun BERNAS ini dikecualikan daripada membayar cukai import berbillion, beratus juta ringgit sehinggalah mereka mendapat profit berbillion-billion ringgit, Yang Amat Berhormat.

Jadi saya berharap bahawa usaha untuk memansuhkan monopoli BERNAS ini dapat dipercepatkan dan satu salah satu pertimbangan atau tuntutan pesawah padi yang sudah lama dibuat sebelum ini adalah untuk menubuhkan Lembaga Padi Beras Negara Malaysia bagi menjana atau pun membangunkan industri beras padi. Saya harap pihak Yang Berhormat Menteri dapat nanti membawa isu ini kepada pihak-pihak dan kementerian, Menteri Pertanian yang berkait.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum ini saya nak buat sedikit peringatkan. Yang Bukit Tengah sekarang bukan Alor Setar. Bukit Tengah sekarang bukan Alor Setar dan sekali lagi saya peringatkan Rakan-rakan di Dewan jangan angkat kesempatan untuk tanya Yang Berhormat Menteri yang di Dewan Undangan Negeri ini kerana ini Dewan Undangan Negeri. Sila memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Dato' Speaker saya bersetuju cuma industri padi beras ini dia ada berkait dengan pesawah-pesawah padi yang duduk ...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Nanti, nanti tanya kepada EXCO Pertanian.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi HsiaoLeung):**

Disebabkan telah isu ini telah pun dibangkit maka kita harus...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tadi, tadi Yang Berhormat Bukit Tengah pun menyebut Menteri supaya Menteri boleh jawab di sini. Saya minta bahawa kita elakkan lah yang boleh dielakkan, elakkan.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Yang Berhormat Dato' Speaker. Saya mohon kebenaran saya juga bersetuju dengan saranan Yang Berhormat dan saya mengharapkan agar Yang Berhormat Air Putih tidak terikut ataupun masih merasa seperti berada di Sidang Parlimen.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila okey, okey. Sila, sila Air Putih sambungkan.

**Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):**

Tadi Yang Berhormat Bukit Tengah boleh bertanya Yang Berhormat Pantai Jerejak lah. So saya rasa soalan ini tepat tapi boleh tanya Yang Berhormat Pantai Jerejak saya ingat Yang Berhormat mana tadi. Permatang Berangan, orang baru kena belajar sikit peraturan mesyuarat sebelum bangun untuk tanya kerana mahu tak mahu kita kena akui bahawa Pulau Pinang adalah sebuah semua pun sebuah Pulau. Kita tak boleh ada mentaliti sebagai sebuah Pulau sahaja. Kita kena ingat bahawa kita sebahagian daripada Negeri-negeri Bersekutu Kerajaan Persekutuan Malaysia.

Saya rasa itu Yang Berhormat pun ada baca Perlembagaan Negeri dan juga Perlembagaan Malaysia di mana sekiranya kita mempunyai sikap sebagai sebuah Pulau dari segi pembangunan dan juga kemakmuran tentu akan tersangkut dan sekarang apa yang kita lihat adalah satu perkembangan positif di mana Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri adalah dalam satu barisan. Adalah dalam satu payung yang sama. Di mana, kita mahu lihat pembangunan yang memberikan manfaat kepada rakyat dapatlah dikecapi oleh semua pihak. Dan saya rasa ini sendiri pernah dinyatakan oleh pihak Barisan Nasional dahulu apabila mereka jadi Kerajaan Persekutuan mereka cakap lebih baik Pulau Pinang dimenangi oleh Barisan Nasional supaya dapat sehalu dengan Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional.

So di sini Dato' Yang di-Pertua, kalau kita lihat dari segi pembangunan Negeri Pulau Pinang adalah penting bahawa kita lihat macam mana program-program atau projek-projek ini boleh dijalankan dengan mengikut prinsip CAT - Cekap, Akauntabiliti dan Telus. Bukan sahaja untuk Projek Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang tapi juga untuk Pelabuhan Pulau Pinang. Ini adalah satu pelabuhan yang mempunyai potensi yang besar dan kita harap dengan proses pelantikan pimpinan baru dan juga perbincangan dengan semua *stakeholder* bahawa Pelabuhan Pulau Pinang boleh memainkan peranan yang sebenarnya menjadi salah satu pelabuhan teras yang penting untuk kawasan serantau.

Dato' Yang di-Pertua, kita boleh lihat bahawa dalam aspek dalam memajukan Negeri Pulau Pinang adalah berteraskan negeri keusahawanan. Dan sungguh pun konsep negeri keusahawanan menghadapi pelbagai rintangan. Kita harap bahawa selepas ini dengan pembangunan program-program infrastruktur yang penting baik di peringkat Lapangan Antarabangsa Pulau Pinang mahupun dalam aspek pelabuhan serta rangkaian infrastruktur kemudahan asas yang di pimpin oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Kita harap ia boleh berjalan dengan lebih lancar lagi.

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua rakan-rakan yang telah berjaya membawa Pulau Pinang kepada satu persada yang tinggi yang menjadi bukan sahaja satu *benchmark*, satu aras penanda untuk negeri-negeri lain tetapi menjadi satu ingatan

kepada kita semua, macam mana susah kita menghadapi masalah yang sedia ada. Kita selalu akan berpaling kepada contoh Pulau Pinang.

laitu sekiranya kita dapat berjaya melakukannya di Pulau Pinang maka kita ada harapan untuk melakukan kejayaan yang sama di seluruh Malaysia. Saya harap marilah kita terus berusaha bersungguh-sungguh dan saya bersama dengan rakan saya dari Pantai Jerejak. Kita selalu sungguh pun hati kita, sungguh pun badan kita mungkin di Putrajaya tapi hati kita senantiasa di Pulau Pinang. Sekian, terima kasih semua.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli Yang Berhormat saya memerlukan penyokong untuk usul.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail):**

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail):**

*Bismillah Hirahman Nirahim* (Bacaan ayat Al-Quran). Dato' Yang di-Pertua, saya mohon mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kerana memberikan peluang kepada saya untuk mengambil bahagian kali ini sebagai menyokong.

Dato' Yang di-Pertua, saya juga memilih untuk merakamkan ucapan tahniah kepada Padang Kota yang telah dilantik sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang yang baru menggantikan Air Putih dan kepada semua anggota Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri yang lama dan yang baru, saya juga merakamkan ucapan tahniah.

Kepada sahabat saya dari Air Putih yang kini menjawat Menteri Kewangan, saya pun tak tahu apa nasib dia masa mula-mula ambil Pulau Pinang pada 2008. Dia kena uruskan hutang hampir RM1 billion dan bila ambil alih Putrajaya dia kena uruskan hutang RM1 trillion. Saya bergurau dengan Kampung Keramat, Datok Keramat baru ini begitulah nasibnya. Apalah malang nasib kamu? Saya pun tak faham.

Dato' Yang di-Pertua, ucapan saya mengangkat tajuk bahawa tanggungjawab mengurus kejayaan adalah lebih sukar daripada perjuangan mendapatkan kejayaan. Pulau Pinang ini, Dato' Yang di-Pertua, daripada 2008 mandat diberikan dengan waktu itu diberikan jumlah kerusi 29 daripada 40. Lima (5) tahun berikutnya kita serahkan lagi mandat kepada rakyat dan rakyat tingkatkan keyakinan dengan bagi kepada kita 30. Kemudian dua (2) bulan lepas, kita serah lagi kepada rakyat dan rakyat tingkatkan lagi keyakinan sehingga 37 kerusi Parlimen. Keyakinan rakyat ini datang dengan harapan yang sangat besar. Yang di samping kita patut bersyukur kita juga harus ada perasaan insaf bahawa bebanan dan harapan dan amanah dan tanggungjawab itu semakin berat dan semakin mencabar.

Dato' Yang di-Pertua, saya percaya bahawa hal yang berlaku itu bukanlah secara kebetulan. Ianya bukan berlaku *by default*...(dengan izin) tapi *by design*. Kerana seawal kuasa pemerintahan Negeri Pulau Pinang itu beralih Kerajaan Negeri Pulau Pinang waktu itu di bawah Air Putih pantas menyusun satu prinsip dan asas pemerintahan yang jelas. Dengan meletakkan satu prinsip yang berasaskan Cekap, *Accountable* dan Telus. Ianya kemudian dirangka menjadi dasar-dasar yang meyakinkan. Dasar yang baik prinsip yang telus dan cekap tapi kalau tempang pelaksanaannya ianya juga tidak membawa ke mana. Namun semua angka-angka dan petunjuk yang boleh kita lihat misalnya dari segi tata kelola. Pulau Pinang misalnya antara negeri yang terawal yang menghendaki semua pemimpinya untuk mengisytiharkan harta. Dan amalan ini kali ini dalam pemerintahan baharu Putrajaya juga bermula dari Perdana Menteri sampai anggota Jemaah Menteri, Timbalannya dan kaum keluarganya. Kita mesti mengisytiharkan harta kepada Perdana Menteri dan salinan kepada SPRM. Dan semua jumlah harta kita itu boleh disemak oleh awam dilaman web SPRM.

Yang belum pernah menjadi amalan, harta Perdana Menteri sendiri pun kena isytihar harta dia. Dalam masa selepas pengisytiharan itu dibuat, maka rakyat boleh tengok berapa tanah kita ada, berapa rumah kita ada, berapa saham kita ada, berapa tunai dalam bank kita ada. Dan ini sebelumnya telah dimulakan amalannya oleh Pulau Pinang hari ini menjadi ikutan di peringkat Persekutuan dari segi tata kelola.

Bila tata kelola atau prinsip *of good governance* ini....(dengan izin) dilaksanakan di peringkat negeri maka ianya kelihatan kesannya. Itulah yang kita ulang-ulang sebagai cerita tentang *the success stories* kerajaan Pulau Pinang bila setiap lima (5) tahun kita serah mandat kepada rakyat. Kita ulang kepada rakyat bahawa kerana pengurusan kewangan yang baik, hasil daripada amalan tata kelola yang cermat, berasaskan kepada dasar-dasar yang baik dan prinsip dan asas yang juga cemerlang, maka hasilnya ada.

Dari segi pengurusan hutang yang menggunung kemudian kita jadi hutang yang kecil. Semua negeri di Semenanjung berhutang dengan Persekutuan. Dan jumlahnya hampir RM18 billion. Tapi kita hutang yang paling kecil. Pingat emas hutang ini dibolot oleh Pahang, Negeri Perdana Menteri, bekas Perdana Menteri. Kelantan untuk makluman rakan saya dari Penaga hutangnya tak banyak, Kelantan lebih kurang RM1.4 billion saja. Berbanding Pulau Pinang RM62 juta.

*Reserve assets* negeri juga itu hampir-hampir mencecah RM2 bilion. Saya ada angka 2016 ini RM1.8 billion. Kita tengok setiap tahun kita ada belanjawan lebihan dan kini belanjawan lebihan itu sudah hampir RM700 juta. Kita muncul sebagai negeri yang punya kekuatan daya tarikan pelabur. Kita sekarang berada pada kedudukan nombor dua (2) dari segi tarikan pelaburan.

Sehingga 2017, angka kita itu sudah hampir RM11 billion dan ini tidak berlaku secara kebetulan. Ianya berlaku kerana dasar dan tata kelola yang saya sebutkan tadi. Ianya tambah cantik apabila hasil lebihan daripada kecekapan pentadbiran pengurusan kewangan itu, kita limpahkan pula kepada rakyat sebab kita tahu setiap lima (5) tahun kita kena *accountable* kepada rakyat. Dan rakyat ini yang dia mintanya tak banyak mana pun. Kesihatan dia nak kena jaga, perumahan, peluang pekerjaan, bekalan air. Ini kalau kita uruskan dengan baik, dengan cantik, rakyat tahu menghargai sebab kita prinsipnya tak pernah untuk memperlekeh atau memandang rendah kebijaksanaan rakyat. Selalu kita sebut (dengan izin)... *we never underestimate the wisdom of the people*. Sebab itu Pulau Pinang kita harus sebut dan memang kita kena sebut selalu dari segi pengurusan bekalan air. Kita bukan saja paling murah di Malaysia tapi bekalannya sentiasa cukup berbanding dengan negeri lain di Semenanjung masih terkial-kial soal tanggungjawab membekalkan bekalan air bersih kepada rakyat. Bila bekalan air ini cukup dan harganya murah, rakyat terpaksa belanja sedikit ertinya *disposable income* dalam kocek rakyat itu bertambah dan rakyat boleh berbelanja untuk keperluan lain.

Kita adakan perkhidmatan bas percuma juga dengan tujuan yang sama. Kemudahan kepada rakyat dan rakyat ada lebihan perbelanjaan. Kita lancarkan pula Penang Sihat. Tujuannya sama. Idea yang baik dari Selangor kita tiru di Pulau Pinang dan sekarang Johor yang kita kuasai pun kita laksanakan yang sama. Idea yang baik bila diulang-ulang, diikuti-ikuti dicontohi oleh negara lain, negeri yang lain rakyat terbanyak mendapat manfaat.

Agenda Ekonomi Sejahtera memberikan impak yang besar terutama kepada golongan yang dilibatkan jumlahnya hampir 1.500 sekarang ini. Menjadikan kita antara negeri paling awal melaksanakan skim ini. Kita kembalikan semula kepada rakyat jaga kebajikannya. Bila saya semak angka daripada Bahagian Penerangan Pejabat Ketua Menteri di bawah i-Sejahtera ini, dinikmati hampir 1.6 juta rakyat dan sehingga membabitkan perbelanjaan sebesar RM415 juta. Bersama dengan wakil rakyat dari Sungai Puyu, saya berterima kasih kepada beliau kerana kita mulakan pula kumpul makanan *surplus* daripada pasar raya dan kita agihkan kepada golongan yang memerlukan. Bila saya dapat data dari Pejabat Zakat, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Zakat bagi tahu kelompok *hardcore poor's* di Pulau Pinang itu sehingga 3,500 orang. Yang miskin pula hampir 8,000 orang. Saya berbincang dengan Sungai Puyu bagaimana cara kita nak bantu tanpa implikasi kewangan besar pada Kerajaan Negeri. Tepat 1 Mei 2017 kita mulakan. Ambil daripada pasar raya dan agih pintu ke pintu dan sehingga masa kita bercakap ini, 24,000 rakyat telah menerima manfaat daripada program ini dan tak pernah pula waktu itu saya menduga saya akan pula dilantik sebagai Menteri Persekutuan yang jaga pasar raya antara lain. Dan sekarang saya nak mohon maklum kepada Dewan ini idea Pulau Pinang ini kita nak laksanakan di seluruh negeri di Semenanjung Malaysia.

Saya berjumpa Perdana Menteri (dengan izin) Yang di-Pertua sikit walaupun masih ada kaitan, Perdana Menteri dia temu bual sorang-sorang Menteri. Dia tanya tiga (3) idea, apa kamu nak buat saya dah lantik kamu. Saya cerita tiga (3) perkara tapi dua (2) perkara lain tu dia tak berminat. Dia cuma minat soal *Food Bank Program*. Dia kata kena laksanakan segera. Dia cerita pengalaman dia pernah punya kedai roti di Langkawi dan dia tanya pengurus, hari-hari bila tak habis jual ke mana? Pengurus dia bagi tahu buang. Kali ini dia kata ada jawapan terhadap perkara ini. Sebab itu saya nak ucap terima kasih, pertama Air Putih kerana dia luluskan bajet kepada saya hampir setengah juta kepada *Food Bank Program* dan Sungai Puyu, EXCO Kebajikan kita yang membimbing kami daripada awal dan *Insya-Allah* saya akan kembangkan idea sebab saya yakin kerja yang baik kalau dilaksanakan dengan ikhlas impaknya besar, doa orang yang mendapat habuan itu akan menjadi satu keberkatan kepada kita. Itu keyakinan yang saya buat. Terima kasih juga kepada Dato' SS yang bagi sokongan banyak kepada kami.

Ekonomi kewangan negara kita jaga dengan baik, kebajikan rakyat juga kita jaga. Kita juga meletakkan kedudukan Islam itu pada kedudukan yang selayaknya kita bantu. Saya, walaupun tokoh ini kontroversi, kenyataannya kalau dipetik nama dia dan kenyataan dan pandangan dia tapi saya nak ambil juga sebagai nak letak kedudukan berbanding dia dengan kita. Tokoh ini nama dia Ibnu Taimiyyah. Siapa pun yang mengkaji tentang pemikiran politik Islam pasti terjumpa nama tokoh ini kerana pemikiran politik Islam itu bermula dengan pemerintahan kenabian. Kemudian sistem pemerintahan khalifah. Kemudian sultan dan sekarang ini kita nak ambil dalam konteks demokrasi moden. Akan terjumpa nama seorang

tokoh yang namanya Ibnu Taimiyyah. Sangat kontroversi tokoh ini. Kontroversinya sehingga Bukit Aman pada pemerintahan yang lepas mengharamkan tak boleh baca buku dia. Sedangkan Pengarah Bukit Aman itu barangkali kitab pun tak habis banyak mana lagi. Ibnu Taimiyyah ini tokoh besar, kontroversi macam mana pun pandangannya tentang politik sebab politik ini bukan punya hukum yang qatha'i, putus. Kita boleh berbeza pendapat. Dalam Islam perkara qatha'i jangan beza pendapat. Subuh dua (2) rakaat, jangan kerana perkembangan zaman orang makin sibuk, subuh satu (1) rakaat, tak boleh. Sebab ianya hukum yang qatha'i. Tak ada beza di kalangan para muthassirin. Puasa mesti bulan Ramadan, puasa wajib. Jangan duk ubah, Ramadan ni kita cuaca tak sesuai, panas sangat macam mana kalau kita buat pada bulan Safar, contoh. Tak boleh la. Perkara Agama yang dah putus. Tapi dalam bab politik kita boleh bagi pandangan yang berbeza.

Sebab itu Ibnu Taimiyyah sebut, saya petik (Bacaan Ayat Al-Quran). "Allah Taala akan tolong negara yang adil walaupun diperintah oleh bukan orang Islam". Prinsip yang pertama dia kata. Asal dalam negara itu tertegak dan berjalan keadilan. Apa makna adil? Melakukan satu (1) perkara kena pada tempatnya. Orang miskin dibantu, itu adil. Apa lawannya? Zalim. Orang miskin dicukai, itu zalim. Kalau tertegak dalam sebuah negara itu prinsip keadilan, Ibnu Taimiyyah kata "*Allah Taala akan datangkan pertolongan*". Dia sambung (Bacaan Ayat Al-Quran). "*Allah Taala tak akan tolong negara zalim*". (Bacaan Ayat Al-Quran). Walaupun diperintah oleh orang beriman orang Islam. Sebab pada dia prinsip menjaga pemerintahan dan menjaga rakyat ini keadilan yang paling penting.

Sudah tentu ucapan seperti ini dengan memetik pandangan yang saya sebut tokoh ini mengkontroversi tapi boleh saja mengundang *spin* di luar sana bahawa Pantai Jerejak menganjurkan dalam soal pemerintahan akidah tak penting, yang penting keadilan. Akan ada orang yang *spin* macam itu. Akan ada. Sebab tu saya sebut awal-awal. Padangan ini pernah diungkap oleh Ibnu Taimiyyah. Saya anjurkan kita membaca kitabnya yang paling tersohor "Al-Hisbah".

Jadi Dato' Yang di-Pertua, apa kaitan yang Pulau Pinang waktu saya nak sampaikan topik ini. Dengan hasil kemakmuran, ekonomi, pengurusan yang cekap, kebajikan rakyat dijaga, aspek agama itu penting. Kerana itu saya mengucapkan tahniah dan terima kasih. Pentadbiran yang lepas di bawah Air Putih dan yang sekarang saya percaya, pertama nilai peruntukan kepada institusi penting orang Islam Pulau Pinang itu tinggi. Berbanding dengan pemerintahan yang lepas. Hasilnya sekali lagi bila saya tengok pencapaian ujian kelas KAFA yang dikendali oleh JAKIM. Pulau Pinang ini ada 37,000 pelajar kelas KAFA yang ambil kelas di sekolah, di masjid, di dewan JKKK, di surau, di rumah kedai macam-macam premis dia.

Peperiksaan tahun 2016 Pulau Pinang nombor dua (2) seluruh Malaysia. Kita kalah dengan Selangor untuk makluman Seberang Jaya. Selangor nombor satu (1) 2016. Tapi 2017 Pulau Pinang nombor satu (1). Selangor pula turun nombor 10. Saya pun tak tau pasal apa. 2016 nombor dua (2). 2017 Pulau Pinang nombor satu (1). Dia berlaku sebab apa? Ada kaitannya. Kerana saya tengok EXCO yang menjaga agama, pengurusannya, kaitannya, jaga kebajikan guru-guru. Maka guru-guru pun menunjukkan komitmen yang tinggi dan akhirnya kita dapat tengok hasil dan ini berlaku di Negeri Pulau Pinang, di Pulau Pinang.

Kalau ini berlaku di Kelantan saya tak pelik, tak ada nilai berita. Kelantan negeri membangun bersama Islam kepimpinan ulama, ujian kelas KAFA nombor satu (1) itu biasa, tak ada nilai berita. Pulau Pinang ini Ketua Menteri bukan Islam tapi ujian KAFA nombor satu (1). Ada nilai berita. Itu ada nilai berita. Dan inilah yang saya kongsi. Kita ada Maahad Tahfiz sampai 27 Maahad Tahfiz yang ini saya nak syorkan kepada EXCO yang berkenaan. Maahad Tahfiz ni masyarakat orang Melayu ini cenderung nak ajar anak supaya dapat hafal Al-Quran besar ganjaran dia. Besar ganjaran dia. Saya pun ada, seorang dah selesai seorang lagi tengah nak habiskan. Ketua Menteri yang lepas bagi tahu saya boleh mohon sebab ada hadiah untuk tahfiz yang di Pulau Pinang. Saya kata tak apa pasal anak saya habis mengaji tu di Kelantan, di Terengganu. Jadi bagi pada anak-anak orang Pulau Pinanglah yang habis dapat hadiah. Baik.

Isu Maahad Tahfiz ini Dato' Yang di-Pertua adalah kalau dah habis belajar mereka tidak menjadi sebahagian daripada *mainstream* pendidikan. Apa yang saya nak anjurkan adalah supaya Kerajaan Negeri dapat memanfaatkan kedudukan wang zakat kita untuk melaksanakan satu program tuisyen *express*. Habis sahaja mereka belajar kita bagi tuisyen, mereka mereka ambil SPM dengan cara itu kita bantu mereka pula dapat tempat di institusi pendidikan sebab tanpa SPM mereka tak boleh masuk dah aliran perdana. Kita boleh mulakan dengan memasukkan mereka memudahkan mereka masuk ke institusi KITAB. KITAB ni setiap tahun dapat RM2 juta daripada zakat tapi jumlah pelajarnya tak ramai mana. Jumlah pelajar lebih kurang 200 lebih sedangkan ini lambang keupayaan kita menguruskan institusi pendidikan orang Islam.

Saya percaya zakat boleh lebihkan tapi dengan syarat institusi ini ditadbir dengan baik. 200 lebih pelajar ini tak begitu menyakinkan. Sumbangan zakat tu tetap bagi. Barangkali program yang ditawarkan tak cukup memikat. Barangkali program dan kursus yang ditawarkan tu tak memenuhi keperluan di luar sana Pulau Pinang ini peluang pekerjaan di luar sana lebih 20,000. Boleh jadi dalam Pengurusan Pelancongan misalnya tapi yang kita tawarkan di KITAB apa dia Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Jadi *mismatch* umpamanya, contoh kalau boleh diteliti balik saya percaya bahawa bermula daripada Maahad Tahfiz yang berdaftar 27 yang tak daftar ramai lagi tapi saya suka mengangkat cadangan supaya

kerana zakat kita gunakan untuk membantu kalangan anak-anak ini, Kerajaan Negeri dah bagi hadiah kerana hafal Al-Quran terus selesai. Air Putih selalu seloroh dengan saya ada berapa ayat dalam Al-Quran, saya kata banyak 6,666. Dia kata dia nak ingat satu pun payah budak-budak ni boleh ingat satu Al-Quran, besar. Kita pun susah nak ingatkan tapi mereka boleh. Jadi Kerajaan Negeri bagi pengiktirafan itu cukup baik tapi mereka masih tidak dalam *mainstream* maka institusi zakat Pulau Pinang ni yang kutipannya hampir RM100 juta tak termasuk yang tawakuf. Tawakuf maknanya kutipan tahun itu tak selesai belanja. Jadi *carry forward* itu jumlahnya hampir RM60 juta besar. Melihat dari segi kedudukan duit zakat ini tak patut ada lagi golongan *hardcore poor* di Pulau Pinang kerana mereka asnaf yang jelas yang perlu dibantu.

Maka saya cadangkan kalau daripada lulusan tahfiz kita masukkan ke dalam arus perdana beri mereka bantuan dari sudut program persediaan mengambil SPM dengan segera bantu mereka masuk dalam institusi dan kita boleh mulakan dengan masuk ke KITAB sebab jumlah kemasukan KITAB tak banyak 200 lebih saja sekarang pelajar ia jadi kita boleh mulakan ini segera saya nampak. Ini semua kisah yang istilah Sungai Puyu *low and flow* buat kerja yang mudah dulu zakat ada peruntukan institusi Maahad Tahfiz ada, KITAB dalam kawalan kita yang perlu cuma koordinasinya saja.

Saya juga mohon mencadangkan supaya setelah sekian lama kita menjadi kerajaan 2008 sehingga 2018 kita sudah 10 tahun barangkali sampai masanya juga institusi zakat dan institusi Islam di Pulau Pinang ini memulakan satu program baru yang saya nak cadangkan program membantu *Top The Achieves* di kalangan anak-anak orang Islam di Pulau Pinang dengan menggunakan institusi-institusi Islam ini. *Top A Achieves* yang paling cemerlang di kalangan yang paling baik dan ianya harus dalam bidang profesional bidang perakaunan misalnya mereka tamat belajar diploma mereka tamat belajar Sarjana Muda Perakaunan. *Top A Achieves* kita pilih satu tahun 10 orang misalnya hantar ke mana boleh hantar ke *Dublin Business School* satu tahun sahaja kosnya 100,000 dan mereka akan keluar sebagai *Chartered Accountant*. Sudah tentu menjanjikan peluang kerja boleh bekerja dengan syarikat-syarikat terkemuka dunia. Saya pergi ke Pameran Pendidikan *The Stars*. Saya pergi ke satu kaunter namanya menguruskan tentang kemasukan ini cuma dengan kos RM100,000 kalau kita boleh hantar satu tahun 10 orang ianya cuma RM1 juta kalau setahun 10 orang setahun 10 orang kalau kita mula 2008 sampai sekarang jumlahnya 100 muslim professional anak-anak orang Islam Pulau Pinang yang dibiayai dengan duit zakat. Saya rasa ianya satu yang global boleh kita tengok balik RM1 juta daripada 100 juta khusus dan kita nampak hasilnya.

Saya mohon mencadangkan perkara seperti itu. Saya juga harus ucapkan tahniah pada Kerajaan Negeri di atas kejayaan memulakan program Halal Hub daripada zero waktu mula-mula memerintah dulu 2008 sekarang nilai pelaburannya sudah pun memecah RM430 juta daripada kosong. Ianya harus diberikan penekanan yang lebih ini. Saya nak sebut contoh-contoh ini walau senarainya masih panjang dengan keadaan penuh sadar dan penuh insaf. Kita tak kata kita buat itu dah cukup sebab masih banyak ruang yang boleh kita tambah baik. Kita ni kadang buat baik kadang-kadang kita leka. Itu sifat kifarrah yang ni yang *Allah Taala* sebut bacaan ayat Al-Quran. Sifat manusia tu dia mencampuk aduk antara kerja baik amal baik dengan amal jahat kadang pagi buat baik petang jahat pagi petang baik malam buat jahat di kalangan mereka ada yang segera bertaubat. (Bacaan ayat Al-Quran). Itu yang terbaik jadi dalam melakukan kerja Islam ni kita tak boleh tengok bahawa melaksanakan Islam ini adalah milik kita sahaja, tidak dan bila kita buat satu jangan kita rasa bahawa kelebihan itu hanya milik kita. Tidak harus ada rasa insaf dan tawaduk misalnya dalam melaksanakan tanggungjawab ini.

Dato' Yang Di-Pertua, saya juga mohon untuk mengambil kesempatan ni membangkitkan kedudukan di kawasan saya di DUN Pantai Jerejak. Isu nombor 1, Dato' Yang Di-Pertua adalah isu banjir. Pantai Jerejak ini ada lebih kurang 24,000 pengundi. Penduduknya sudah tentu lebih ramai sebab ia termasuk dalam Daerah Barat Daya. Barat Daya ini sendiri pun dah hampir 220,000 penduduk dan Pantai Jerejak ni Yang Di-Pertua padat penduduknya. Bagi setiap satu kilometer persegi, 1,700 penghuni dan bila berlaku banjir ianya bagi kesan yang besar dan ia jugalah laluan utama ke lapangan terbang dan ke pusat perindustri. Itu memberi kesan kepada lebih 15,000 penduduk yang menggunakan jalan dan penduduk tetap di Pantai Jerejak sendiri yang terkesannya itu lebih 5,000. Setiap kali banjir fenomena air pasang atau jumlah turunan hujan yang lebih tinggi puncanya kedudukan duan (2) sungai, Sungai Relau dan Sungai Keluang. Saya nak ucap terima kasih kepada Kerajaan Negeri di bawah Projek Tebatan Banjir yang memberi kelulusan sebesar RM20 juta.

Saya telah mendapat taklimat daripada JPS dan mereka ada *time frame* untuk siapkan projek itu yang saya percaya jika ia siap mengikut jadual dia akan membantu melegakan penduduk. Tapi apa satu masalah yang kita *for see*, yang boleh kita tengok bila ia membabitkan kondinasi antara beberapa pejabat-pejabat dan agensi utiliti seperti PBA, TNB, IWK dan TM. Kadang-kadang kat sini siapa yang mahir dengan selok belok pasangan projek, bila sampai ke situ dia akan banyak kerenah *redtape* dan birokrasi. Saya mohon perkara ini dapat diberikan perhatian, RM20 juta kelulusan itu, kita terima kasih *time frame*, jangka masa projek untuk disiapkan kita hargai tapi kita dapat melihat potensi masalah tentang birokrasi dan juga kerenah *redtape* dan birokrasi bila melibatkan tentang kerjasama antara agensi utiliti di sini. Terutama membabitkan nanti nak alihkan kabel dan sebagainya itu boleh ambil masa berbulan-bulan

kadang-kadang.

Dato' Yang Di-Pertua, isu kedua dalam kawasan Pantai Jerejak ini adalah alam sekitar kerana kepadatan penduduknya dan kedudukan kawasan industri FIZ Fasa Satu dan Tiga. Pencemaran No. 1 datang daripada pencemaran udara daripada kilang. Kalau kita tengok ada satu sungai dekat Kampong Jawa. Untuk makluman Yang Berhormat Ketua Menteri Padang Kota, sungai di situ baunya busuk, airnya juga tidak jernih malah hitam, sampah sarap puncanya daripada buangan perumahan, penempatan dosmetik dan sektor industri dan dia betul-betul lalu depan Pejabat Jabatan Alam Sekitar. Pejabat Alam Sekitar pun terletak di Bayan Baru. Mereka keluarkan kompaun berkali-kali. Saya semak daripada WHO datanya Yang Di-Pertua, memeranjatkan rupanya jumlah kematian *casual case* akibat daripada pencemaran udara lebih tinggi daripada yang mati akibat *road accident*. Jadi saya sangat terkesan bila melihat statistik ini dan memandangkan Pantai Jerejak memang masuk dalam kawasan yang terbuka kepada potensi pencemaran.

Saya suka menganjurkan supaya aspek penguatkuasaan daripada jabatan berkenaan termasuklah tengok dari segi potensi kalau berlaku kebocoran asap yang berasid, wap air yang keluar daripada *scrubbers* dia mestilah dapat diteliti dan dipastikan bebas daripada keasidan sebab itu boleh saja menjadi punca kepada pencemaran dan saya faham kerana sumbangan Sektor Pembuatan Pulau Pinang KDNK Pulau Pinang tinggi. Itu sumbangan yang kedua kepada apa namanya sumbangan KDNK sektor pembuatan. Kita tak boleh alih kilang-kilang ini. Jadi saya mohon agar perkara diteliti saya dah sebut pasal kilang. Kebetulan tadi soalan saya No. 9 tadi tak sempat naik. Soalan itu berkaitan investPenang tapi soalan tambahan saya sebenarnya kalau sempat naik tadi saya nak tanya tentang, saya terbaca satu laporan walaupun ia hujung 2017 ia sebut bahawa ada dua (2) kilang yang dah lama bertapak di Pulau Pinang sejak tahun 1972, Fair Child dan yang kedua Seagate. Itu besar jumlah pelaburan ianya tapi sekarang memilih untuk keluar daripada Pulau Pinang. Saya mohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri apa punca mereka keluar semula? Pengstruktur semula atau pilih lokasi atau apa? Kesannya adalah Fair Child tutup 1,000 hilang kerja. Seagate beralih 3,000 hilang kerja ya dan perkara itu sampai kepada pengetahuan saya oleh kalangan yang terlibat.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Kerajaan Negeri punca mereka beralih apakah ianya semua satu penstruktur perniagaan yang biasa. Kalau mereka beralih mereka beralih ke mana dan kalau kita tahu punca-punca dan sebab mereka beralih apa langkah kita untuk mengatasi perkara itu supaya ia tidak berlaku lagi.

Dato' Yang Di-Pertua, jika ada satu sebab untuk saya sokong Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang sebabnya adalah kerana ia akan mendatangkan perkhidmatan LRT, monorel dan lebuh raya. Adanya prasarana ini dan akan mengurangkan kenderaan awam dan kurang kenderaan awam kurang potensi pencemaran. Dan saya semak data ketibaan pelancong untuk suku pertama tahun ini yang mendarat di Lapangan Terbang Pulau Pinang jumlahnya hampir 1.9 juta untuk suku pertama tahun ini jumlah besar. Jadi kalau kesesakan dapat dikurangkan dengan prasarana yang termasuk dalam Komponen Pelan Induk, Pantai Jerejak berdiri dengan pendirian memberi sokongan kepada pelan induk ini.

Dato' Yang Di-Pertua, perpustakaan adalah satu keperluan juga di Pantai Jerejak. Sekarang ada di Kampong Jawa ada tapi tak memenuhi *spec* sebuah perpustakaan. Apa dia *specificasy*, sebuah perpustakaan selain daripada pinjam buku, *survey* Internet, wifi, *ebook*, pengkalan data, kelab aktiviti dan segala macam di Pantai Jerejak ada satu namanya Perpustakaan Siber Ilmu Bayan Baru tapi tutup. Sebab apa tutup? Sebab lokasi yang lama di Mayang Mall sudah PDC ambil balik. Jadi ada kesukaran untuk mencari lokasi baru. Saya mohon agar Kerajaan Negeri dapat melihat perkara ini walaupun zaman berubah, teknologi berubah tidak banyak kita dengar masyarakat nak memaanfaatkan adanya perpustakaan awam ini, tapi dalam satu kawasan seumpama Pantai Jerejak yang penempatan penduduknya padat terutama keluarga yang mendiami flat di mana saiz rumah itu tak cukup selesa. Perpustakaan adalah satu alternatif yang baik untuk mereka.

Saya percaya Kerajaan Negeri sudah ada satu polisi, Satu DUN Satu Perpustakaan. Adanya perpustakaan, saya mohon bukan sekadar ada, tapi ada dengan kelengkapan yang munasabah. Dan saya bagi contoh perpustakaan di Bayan Baru ini, Kampong Jawa itu, seperti digambarkan dengan nama dialah. Kampong Jawa yang sungai tadi saya sebut keadaan dia. Ada perpustakaan, tetapi keadaan bangunannya sangat tidak kondusif.

Baik, Dato' Yang di-Pertua, saya juga mengambil peluang ini untuk menganjurkan beberapa perkara sesuai dengan mukadimah yang saya sebutkan tadi. Bahawa menguruskan kejayaan adalah lebih sukar, daripada berjuaug mendapatkan kejayaan. Kita telah berada menang 2008, menang 2013, menang lagi 2018 dengan graf sokongan yang meningkat. Tapi, tidak salah untuk kita melihat juga pengalaman sebuah kerajaan besar jatuh sebab apa? Sebuah kerajaan besar jatuh, apabila bermula kerajaan itu abaikan rakyat dan lebih bersifat *self center*, fikir soal kedudukan, soal kekayaan. Ya, yang ini saya ambil contoh ketika zaman Abu Bakar. Ketika zaman Umar, ketika zaman Uthman, ketika zaman Ali. Wilayah pemerintahan Islam itu hebat, bermula pada era Khalifah Uthman dan Saidina Ali. Ya, besar jajahan

menakluki. Ya, sebab itu ketika zaman Abu Bakar tak banyak masalah. Dia lebih pada masalah akidah. Gejala murtad, tak bayar zakat dan sebagainya. Tapi zaman Saidina Uthman itu lebih kompleks. Lebih-lebih lagi zaman Saidina Ali. Bibit-bibit yang menyumbang kepada kejatuhan itu bermula di situ. Antaranya apa, kalau zaman Uthman itu bila gabenor yang dihantar ke wilayah-wilayah jajahan ditakluk, lebih melihat dari segi kedudukan nak mempertahankan kedudukan.

Saya bagi contoh. Misalnya Muawiyah bin Abu Sufyan, gabenor di Syam. Sebab itu di kalangan sahabat Nabi ada seorang yang namanya ialah Abu Dzar Al-Ghifari. Dia paling sensitif bila tengok sebuah kerajaan pemimpin yang leka dan abaikan tanggungjawab dengan rakyat. Satu ketika Muawiyah bina rumah besar, dengan segala kemewahan dan kehebatan. Sebab itu Muawiyah ditegur oleh Abu Dzar, kenapa mesti kamu bina rumah besar ketika masih ramai rakyat yang miskin dan menderitanya. Dia sensitif, iya. Sehingga Muawiyah mengadu pada khalifah. Khalifah panggil Abu Dzar, dan khalifah tawarkan kalau boleh kurangkan sikit teguran itu, kritik itu. Abu Dzar enggan. "Boleh tak aku bagi tempat kamu pada kamu, kedudukan dalam istana itu". Dia kata "Tidak". Dia tolak semua tawaran itu. Sebaliknya, kemudiannya dia ditempatkan di satu kawasan terasing dan dia meninggal dalam keadaan yang serba daif. Tapi jiwanya mengingatkan sebuah kuasa pemerintahan bahawa tanda kejatuhan ialah apabila kita leka dengan tanggungjawab.

Yang inilah yang berlaku kepada pemerintahan yang lepas di negara kita setelah 61 tahun. Sehingga dibina satu kepercayaan bahawa *the government can do no wrong*. Tak ada boleh maka dia tak boleh buat salah. Saya bercakap pada pengalaman 20 tahun dalam pembangkang dan melihat keadaan itu. Waktu itu, kerajaan waktu itu dilihat tak akan berlaku silap, apalagi bila ada kelompok agamawan yang mempertahankan pula. Mempertahankan pula dengan memberikan hujah agama yang itu kita ada masalah pula. Bila sentimen keagamaan dan sentimen perkauman dimainkan dengan begitu kencang dalam keadaan rakyat terpaksa buat pilihan. Keadaan politik negara dan negeri ini sangat menjadi tidak sihat jika sekiranya rakyat terbelah dengan pilihan yang berasaskan kepada sentimen kelompok, sentimen perkauman dan sentimen agama yang melampau dan berlebihan yang bukan selayaknya.

Sebagai orang Islam, saya yakin Islam itu indah. Keindahan Islam ini boleh sahaja dicomotkan kalau watak dan peribadi orang Islam itu huduh, sehingga kalau kritik terhadap peribadi dan penampilan pertubuhan kita, kita *equal*kan kita samakan bahawa kritik itu adalah keatas Islam, itu sangat bahaya, sangat bahaya. Iya, kalau kita sudah duduk sebagai sebuah parti politik, artinya kita berdaftar dengan Akta Pertubuhan. Dan kita menawarkan dasar dan program dan perkhidmatan kita kepada rakyat. Kalau di sana ada teguran rakyat kepada kita, walaupun kita membawa imej agama jangan disamakan teguran rakyat kepada kita itu adalah kerana menegur dan menolak agama itu bahaya. Pulau Pinang tak boleh ada amalan seperti ini, pendekatan seperti ini. Sebuah negeri yang penduduknya pelbagai kaum dan agama. Ada 216 buah masjid di Pulau Pinang ini, Dato' Yang di-Pertua, 216 dan hidup subur kegiatan-kegiatan kuliah. Subur sangat. Nak mengaji tafsir, tafsir hadith, tafsir quran, tafsir sirah, pilihlah. Dimana-mana masjid. Nak mengaji tentang apa nama cara-cara kaedah nak buat haji, silakan. Nak mengaji quran dan tajwid, silakan. Nak pilih berjemaah di masjid ini dan di surau ini, tak ada langsung sekatan, negeri di Pulau Pinang itu. Makanya, jangan diungkap di luar sana bahawa seolah-olah ini sebuah negeri yang Islamnya dipinggirkan. Kita telah membina dengan baik sistem pemerintahan, kecekapan, ketelusan, pertanggungjawaban, pengurusan ekonomi jaga kebajikan, jika tak boleh ditandingi kita dari segi dasar ini, dari segi rekod dan keja buat kita. Jangan dicabar pemerintahan ini dengan memainkan sentimen agama dan perkauman, itu sangat tidak baik. Sangat tidak baik. Kerana itu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Mohon mencelah.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ya.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Dato' Yang di-Pertua. Ahli Kawasan Pantai Jerejak, saya dari awal tadi saya mendengar bagaimana Pulau Pinang memimpin dalam memperkasakan instusi agama Islam di negeri ini, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan juga Perlembagaan Pulau Pinang sendiri. Tetapi masih ada lagi pihak-pihak yang masih memainkan isu perkauman dan juga keagamaan. Baru-baru ini di Selangor walaupun Ketua Menteri Pulau Pinang daripada Parti DAP, dan kita telah menjadi juara memberi peruntukan kepada peruntukan agama Islam tetapi kita masih difitnah. Baru-baru ini ada pula Ahli Parlimen dari Barisan Nasional telah menuduh Parti, Parti DAP itu sendiri sebagai cuba mengkristian, mengkristinasi, mengkristianisasikan. Susah nak sebut, negara Malaysia walaupun 10 tahun kita jadi pemerintah kerajaan di Pulau Pinang, pernah berlaku perkara sebegini dan adakah pandangan-pandangan sebegini masih diterima oleh rakyat itu saya mohon penjelasan daripada Ahli Kawasan Pantai Jerejak. Terima kasih.

### Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Dato' Saifuddin Nasution bin Ismail):

Bagan Dalam *sorry*. Saya tak dapat baca nama kawasan. Bagan Dalam terima kasih banyak. Saya bersetuju Bagan Dalam, saya terima kasih atas pengamatan itu. Ketika saya bercakap tentang topik ini, saya tidak menjurus kepada satu-satu kes spesifik. Tapi itulah sebahagian daripada perkara yang membentuk. Topik ini saya pilih sebab saya melihat kecenderungan ini sejak kebelakangan ini semakin menjadi-jadi.

Dato' Yang di-Pertua, saya membesar di sebuah pekan kecil di Kedah, namanya Pokok Sena. Kampung tradisinya kampung Melayu, berjiran dengan kampung baru Cina, Kampung Baru Sungai Durian. Berjiran pula dengan estet Batu 11. Ini cerita tahun 70'an, 80'an. Kawan kami itu apa Cina, India, Siam, Melayu. Tahun Baru Cina kami beraya rumah Cina, makan kuih bakul. Tahun Baru Perayaan Deepavali kami bertandang rumah kawan-kawan kami kaum India, begitulah mereka datang buka puasa dengan kami dan Hari Raya tanpa sebarang sentimen. Ini kalau tahun 70'an, 80'an yang kempennya cuma Kempen Semangat Muhibbah oleh kerajaan waktu itu. Sekarang ini zaman serba canggih, ekonomi serba makmur, pendidikan rakyat makin tinggi di Pulau Pinang ada segmen misalnya satu ketika pernah secara terbuka dan diberi liputan media besar-besaran oleh parti pemerintahan. Waktu itu bahawa menjemput saudara bukan islam kita untuk berbuka puasa itu dimainkan isu dengan begitu dahsyat sekali. Dan itu betul-betul *hijack* ajaran Islam yang sebenar. Itu bukan wajah Islam yang sebenar. Kedudukan Islam ini adalah saya ini Pantai Jerejak muslim. Saya dengan Permatang Pasir, saudara satu agama, sama akidah. Saya dengan Penanti, juga saudara satu agama, satu akidah. Saya dengan Penaga, saudara satu agama, satu akidah. Saya dengan Yang di-Pertua, saudara sesama insan, itu yang kami diajar. Itu ajaran Islam. Ya, lalu mengadakan suatu majlis seperti itu misalnya iftar berbuka puasa, mengajak saudara bukan Islam kita yang lain, itu tak bercanggah dengan ajaran agama.

Tapi dalam Pulau Pinang ini ada segmen yang membuat protes depan masjid, lepas Jumaat, iya dan mujurlah. Itu yang saya sebut keyakinan saya adalah kerana kebijaksanaan rakyat ini tak boleh ditolak. Mereka nampak, mereka tengok dan mereka tolak kelompok ini. Iaitu kebijaksanaan rakyat Pulau Pinang yang saya harus hargai dan saya harus sanjungi, iya. Oleh itu saya nak juga sebut bahawa keadaan ini, bila saya bercakap ni, saya bercakap Dato' Yang di-Pertua dengan penuh kesedaran, ya dengan penuh keinsafan kalau kita laksanakan kerja-kerja Islam ini dia tak boleh datang dengan satu kebanggaan bahawa hanya kita, iya.

Saya teringat satu kisah. Ke atas dua orang ilmuan yang hebat yang namanya Hasan Basri dan Ahnaf bin Qais. Tatkala mereka membaca satu ayat dalam Quran (membaca petikan Al Quran) panjang ayatnya. Tanda-tanda orang beriman itu adalah bila dibaca ayat Allah, bila disebut nama Allah, gementar hati. Bila dibaca ayat Allah, bertambah keimanannya. Ahnaf bin Qais, Hasan Basri ini ilmuan hebat. Mereka kata kalau inilah tanda orang beriman, sesungguhnya kami belum lagi. Maknanya rendah dirinya mereka dalam melihat itu. Tetapi di kalangan kita yang melihat bahawa, tugas melaksanakan Islam hanya milik kami. Hanya kami yang betul, kalau kami bercakap tentang Islam ni, *authority* kami. Orang lain walaupun saudara seagama dan buat baik tentang Islam, hapus kemiskinan, bela orang miskin, urus negeri dengan baik, tata kelola yang cekap, bebas rasuah, tak ada ketirisan, tak ada pembaziran, tak ada *over spending*. Kalau sekalipun kamu muslim dan Islam tapi kami bukan sebahagian daripada kami, kamu itu tertolak. Yang ini kita ada masalah balik.

Kenapa saya pilih untuk bercakap agak panjang topik ini, kerana ini Negeri Pulau Pinang yang kedudukan orang Melayunya yang dianggap satu-satunya negeri yang minoriti. Dan rupanya rakyat Pulau Pinang ni bijak memilih kerana dia tak bagi tempat kepada kelompok ataupun kalangan yang memainkan sentimen ini, kerana yang penting Kerajaan Negeri melihat bahawa dasar yang kita buat itu jelas, iya jelas. Saya selalu bawa contoh sebuah masjid di Batu Maung, saya sempat berkhotbah di masjid itu. Pengerusinya bagitau saya anak jemaah di situ kumpul duit lama RM700,000 ja dapat kumpul. Jadi tak cukup duit. Mereka jumpa dengan Air Putih waktu itu jadi Ketua Menteri. Air Putih tanya, "Banyak mana lagi tak cukup"? Pengerusi tu kata, "Tak banyaklah, lebih kurang RM3 juta ja lagi". Dia kutip RM700,000, tak cukup tu tak banyak RM3 juta. Ketua Menteri bagi RM3 juta. Lulus dan siap masjid itu. Ramadan baru ini Ramadan yang ketiga dah siap. Iya, cuma bila saya sampai situ saya tengok kedudukan kuburnya itu agak tak berapa strategik dekat dengan dinding masjid. Pengerusi dia bagitau masa mula-mula nak buat dulu mereka teringat nak alih kubur tapi Mufti masa tu bagitau jangan kubur ini kita kena hormat. Jangan alih bila Masjid siap dengan kedudukan kubur tak beralih. Masjid siap Mufti baru pula sampai, Mufti baru tegur eh kenapa tak alih kubur? Jadi pengerusi Masjid itu jadi rasa keliru sedikit. Jadi hal ini pun kita kena tengok juga kadang-kadang dalam kedudukan sekarang. Dia kerana ruang untuk kita memberi pandangan itu luas oleh kerana itu berlaku tapi *point* saya adalah berjaya dibina, berjaya dibina dengan peruntukan sebesar itu.

Saya juga sebut bila saya jadi wakil rakyat kawasan Pantai Jerejak kita ambil alih macam Air Putih sebut tadi. Bila kita ambil alih kedudukan kewangan kita tak berapa cantik, tak berapa sihat jadi keputusan kerajaan adalah semua program yang belum kita buka tender dan belum muktamadkan baru-baru umum semua tanggung satu berkeliling dikeluarkan. Bila pekeliling dikeluarkan apa kaitan dengan kawasan saya? Masjid di Sungai Nibong. Anak kariah dah kutip RM4.7 juta, ICU sanggup bagi RM1.8 juta, Jabatan Agama tambah pula RM1 juta cukup RM7 juta tapi kerana arahan tu keluar projek itu belum ditender semua terhenti dan saya dengan Batu Maung pergi jumpa Jawatankuasa Masjid dan berdialog dengan mereka. Saya angkat dan kemudian saya tulis kepada Air Putih sebagai Menteri Kewangan mohon pengecualian arahan ini daripada terkena kepada masjid ini sebab duit dah cukup. Saya tulis 18hb, 20hb dia jawab setuju pengecualian diberi masjid boleh terus pembinaannya.

Saya sebut awal-awal supaya tidak ada nanti sentimen yang mainkan kerajaan baru naik hentikan pembinaan masjid kerana memainkan sentimen agama ini tak payah modal apa pun, main sentimen orang ini paling senang tapi kesan daripada itu sangat dasyat dan sukar nak diubahi sebab itu saya sebut awal-awal, saya sebut awal-awal dalam Dewan ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya ada sepuluh minit yang terakhir ada banyak perkara nak sebut tapi saya nak apa namanya nak jelaskan beberapa perkara lagi, saya pun tengok rakan-rakan *backbenchers* saya baik semua tak ada gangguan, kesalahan jadi tak ada nak tanya apakah?

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Kita tunggu Pembangkang.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail):**

Itulah yang tak meriah tu, bila tinggal tiga tak berapa meriah akhirnya saya dok berkelahi dengan Datok Keramat lepas ini. Tapi tak bagus jadi saya nak sebut begini Dato' Yang di-Pertua, setiap kali bila saya bercakap saya di Pulau Pinang ini tak lama saya mulakan bertugas secara rasmi setahun setengah yang lepas okay? Tapi dia satu pengalaman yang luar biasa saya boleh tengok, saya juga pernah bekerja di bawah Kerajaan Kelantan di bawah Almarhum Tuan Guru Menteri Besar Nik Aziz yang saya fikir dia seorang pemimpin yang sangat hebat, *simple* orangnya dan pengurusan dia dalam menguruskan Kerajaan Negeri pun *simple* sahaja. Tawadhunya dia itu dia pernah sebut dengan saya tahun 1990 beralih Kerajaan dia tak dia belum tahu belum pandai mempengerusikan Mesyuarat Jemaah, Mesyuarat Anggota Majlis Ahli Kerajaan Negeri. Dia baru menang tahun 1990 mempengerusikan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dia tak pandai lagi dia Menteri Besar, siapa yang dia suruh mempengerusikan? Setiausaha Kerajaan Negeri, dia Menteri Besar dia duduk tepi sebab dia belum fasih belum tahu selok belok. Dia lantik Setiausaha Kerajaan Negeri sila mempengerusikan. Lepas tiga kali dia tengok perjalanan begini rupanya pengurusannya. Lepas itu Mesyuarat keempat dia ambil alih sampailah dia meninggal.

Saya nak tunjuk contoh bahawa dalam sebuah pentadbiran ini, bila kita tengok saya sampai ke Pulau Pinang ini saya tengok kekuatan dari segi kekuatan dan keupayaan kepimpinannya itu, seperti juga waktu kita menguruskan Selangor iya, dan bila kita bersaing di antara dua Kerajaan Negeri, hari ini kita berpeluang pula kecuali Perlis, Pahang, Kelantan, Terengganu, Sarawak yang di luar kawalan kita. Kita boleh tengok bagaimana kita berlumba-lumba bersaing dan saya selalu dihubungi oleh kawan-kawan yang memimpin Kerajaan Negeri lain yang nak melihat contoh pengurusan kita. Contoh kita uruskan program kebajikan, program kewangan, menguruskan potensi pelaburan dan melalui tindak balas ini, kita boleh tengok bagaimana Pulau Pinang ini punya kekuatan dan kita boleh eksport. Kita boleh berkongsi dalam skala yang mudah yang saya sebut tadi. Program *food bank* yang saya usahakan peringkat awal dengan Sungai Puyu yang hari ini menjadi satu program Nasional yang akan kita laksanakan dalam masa terdekat dan itu satu contoh, satu contoh walaupun saya akui dari segi pengurusan hutang ianya tak mudah berbanding dengan negeri lain, berbanding negeri lain tetapi dalam contoh-contoh pelaksanaan program. Sebab itu saya tertarik dengan Penanti dia tampil dengan idea yang original Pesta Sawah Padi dia pada berapa Ogos?

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

11 dan 12 Ogos.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail):**

Iya, 11 dan 12 Ogos. Cuma saya terkilan saya tak dapat ikut serta walau dia jemput tapi itu satu lagi produk yang saya tengok ada *originality* dia, dia nak suruh orang bersukan di sawah padi, dia nak suruh orang berfikir barat di sawah padi, sukan rakyat di situ, tunjuk semua. Jadi kadang-kadang dalam suasana kehidupan yang serba tertekan ini bila kita tampilkan program-program yang sangat original datang pula dengan daripada inisiatif masyarakat setempat. Dia sangat memenuhi prinsip *people's empowerment*, komuniti *empowerment*. Program seumpama ini mempunyai impak yang besar dan saya terima kasih ucap tahniah sangat kepada dia dan bersyukur kerana dia tak minta peruntukan kepada Menteri, yang itu lebih-lebih lagi saya kena ucap terima kasih dia boleh buat program sendiri...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Boleh tambah sedikit tak?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sila.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya nak sebut sikitlah nak ucapkan terima kasih banyak kepada Pantai Jerejak. *Actually* Jawatankuasa Tetap Festival Padi tengah menunggu-nunggu di luar sebab kita ingat nak buat sidang media bersama dengan Dato' Speaker. Idea sebenarnya saya nak sebut di sini datang daripada Dato' Speaker dan juga Mantan EXCO Pelancongan YB. Danny dan sekarang disokong dengan hebatnya oleh EXCO Pelancongan YB. Kawasan Paya Terubong.

Sebenarnya *for* buat pertama kalinya yang bagus pasal selain daripada main bola dalam sawah itu ialah buat pertama kalinya pesawah-pesawah padi, tukang-tukang kayu, orang-orang kampung semua dia orang buat Arca *Artwork* daripada jerami padi, selama ini hanya dibuat di Taiwan dan Jepun tapi ini pertama kali dibuat di Malaysia. Sepuluh Arca *Artwork* dan baru ini *Think city* dan MPSP juga telah buat *nature walk* di Sungai Perai dan beberapa arca telah dipamerkan. Jadi saya mengharapkan Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri dapat membantu orang-orang kampung di Sungai Terus untuk mengekalkan tanah warisan penanaman padi yang tertua di Seberang Perai iaitu di Kampung Terus, Kuala Kubu dan kawasan sekitarnya dan juga seperti yang disebut oleh Air Putih tadi ialah isu jaminan makanan. Kita nak Pulau Pinang dapat kita kekalkan tanah-tanah sawah kita dan juga supaya dari segi pelancongan saya tahu yang EXCO Pelancongan Paya Terubong buat George Town Festival. Saya nak mengharapkan supaya agensi-agensi pelancongan dan hotel-hotel bawa pelancong-pelancong bukan terus pergi ke Kedah, Pulau Pinang pun kita ada sawah padi, yang ada sungai, yang ada bukit yang tak ada kat Kedah macam tu kita ada.

*So please* datang ke Festival Padi Antarabangsa pada 11 dan 12hb Ogos ini sebab masa itu padi tengah menguning dan tengok *for the first time artwork* yang original yang telah dihasilkan oleh orang-orang Kampung Terus dan juga Guar Jering, terima kasih.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail):**

Terima kasih.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Teruskan Pantai Jerejak.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail):**

Iya, sebab itu saya ucapkan tahniah kepada Penanti. Idea yang original seperti ini sebenarnya akan hanya terhasil bila kita betul-betul menunjukkan komitmen terhadap tugas yang kita nak laksanakan. Saya ucapkan tahniah.

Dato' Yang di-Pertua, *point* saya yang terakhir di Barat Daya ini. Dato' Yang di-Pertua, sering berlaku pencerobohan ke atas tanah pantai dan tanah *reserve*, jalan dan sebagainya. Kalau pantai itu ialah nelayan pantai ini dia akan bangunkan bengkel-bengkel dia untuk penyelenggaraan sampan-sampan nelayan. Jadi masing-masinglah mereka ini buat. Soalnya masih lagi atas nama pencerobohan berlaku di kawasan dalam kawasan Parlimen Bayan Baru. Dia dalam kawasaan Batu Maung kalau tak salah saya yang bila terbakar, pondok rehat nelayan tu terbakar kerana apa nama menyebabkan beberapa mangsa kehilangan tempat rehat mereka kerana tanah itu memang *reserve* pantai. Agensi yang berkenaan barangkali Lembaga Kemajuan ka, Kemajuan Ikan ka, saya tak tau lah. Tapi harus dilihat supaya pencerobohan ke atas tanah pantai ini harus ada aspek kawalannya dan pencerobohan tanah juga berlaku di daerah Barat Daya ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Padang Kota juga adalah tanah-tanah biasa tanah Kerajaan yang untuk *preserve* ini yang mereka bina warung-warung atau kedai-kedai sebab itulah saja peluang untuk mereka mencari punca pendapatan atau rezeki kerana tak ada tapak dan mereka bangunkan lah pondok atau warung ala kadar untuk meniaga makanan, buah-buahan dan sebagainya. Bolehlah keuntungan RM30, RM40 sehari selesai belanja hari itu dan kalau kita tak uruskan perkara ini, kita ada dua (2) pilihan. Pertama kita harus kenal pasti satu lokasi yang boleh menghimpunkan mereka untuk memulakan perniagaan dengan lebih kemas, bersih, tersusun dan terkawal. Pilihan kedua penguatkuasaan, penguatkuasaan ini selalu menimbulkan masalah kadang-kadang menjadi isu politik terutama di satu daerah yang ramai dihuni oleh orang-orang Melayu. Nanti mudah dia *spin* di luar. Pilihan ketiga adalah biarkan mengikut *status quo* sekarang sudah tentu bukan pilihan kita, saya suka menganjurkan agar perkara ini turut diteliti di bawah sub topik perbahasan saya iaitu pencerobohan tanah pantai dan juga tanah-tanah Kerajaan yang lain.

Perumahan adalah topik terakhir saya pilih, beberapa tahun dulu saya kagum dengan satu model yang dibuat di Kedah. Masa itu Menteri Besar dia Tan Sri Osman Aroff, masa Menteri Wilayah Pembangunan Wilayah itu arwah Tun Ghafar Baba. Dia pernah buat program Perumahan Rakyat Termiskin, kita pun banyak program rakyat termiskin, pembangunan desa, zakat..(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Speaker.

**Ahli Kawasan Pantai Jerejak (YB. Dato' Saifuddin Nasution Bin Ismail):**

Sekejap ya, zakat dan sebagainya, jadi sama juga tema dia nak bantu golongan termiskin, di Kedah pada masa itu di bawah program PPRRT Luar Bandar dan banyak di seluruh negeri lain. Apa yang kita buat untuk bantu adalah bagi zink, bagi papan lantai, bagi papan dinding, bagi kayu tapi di Kedah model dia lain dia lantik *lead* agensi iaitu KEDA. Semua agensi berkenaan *centralizanya* KEDA. Jadi *instead off* dia bagi sahaja keperluan bahan binaan tidak. Apa yang dibuat adalah dia kumpulkan, dia kenal pasti satu tapak lokasi dan dia kenal pasti orang-orang yang kelompok termiskin dan dia bina rumah. KEDA waktu itu ada pasukan sukarelawan. Kerja mereka bina rumah. Pasukan sukarelawan KEDA bina rumah dan kelompok termiskin (*hardcore poor*) ini kemudian ditempatkan sebab itu Kedah satu-satu negeri yang ada legasi banyak kawasan penempatan termiskin di Kedah yang sekarang dikenali sebagai Kampung KEDA. Asalnya adalah kawasan Perumahan Rakyat Termiskin. Boleh tolong mereka dengan bagi secara bahan binaan supaya mereka buat sendiri atau boleh kumpul mereka. Sudah tentu isunya adalah lokasi dan tanah.

Saya berpendapat bahawa kalau kita buka semua pelan tanah di sebelah Pulau Pinang atau Seberang untuk kita mula kenal pasti lokasi dan kalau kita boleh kumpulkan dengan anggaran kos yang lebih kurang sama juga. Bantuan kita pun RM40,000. Juga kos rumah untuk orang-orang miskin ini ataupun satu pilihan lagi adalah kita beli rumah-rumah itu dan kita tempatkan orang miskin di rumah itu daripada kita bagi dia. Sebab bagi peruntukan Pejabat Daerah kendalikan timbul masalah tapak. Masalah tapak tanah bermasalah milikan tanah, milikan bertindih-tindih, berlapis-lapis dan sebagainya segala macam jadi ada kelemahan dari sudut itu. Jadi kita ada dua (2) pilihan mengenalpasti. Mulai sekarang lokasi penempatan khusus untuk Program Perumahan Rakyat Termiskin ini di bawah semua Skim Perumahan yang diusahakan oleh Kerajaan Negeri ataupun kita mewujudkan dana untuk membeli dan kemudian memberi peluang kepada mereka untuk menduduki rumah ini. Itulah yang memberikan kesimpulan akhir kepada ucapan Pantai Jerejak dalam menyokong usul yang dibentangkan oleh Air Putih dan saya akhiri dengan pantun

Kalau mencari tempat mandi,

Pertama teluk kedua pantai,

Kalau mencari pemimpin negeri,

Pertama elok kedua pandai."

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Pantai Jerejak, Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan berhenti rehat dan kita sambung dalam sesi perbahasan 2.30 petang nanti.

***Dewan ditangguhkan pada Jam 1.05 petang.***

***Dewan bersambung semula pada jam 2.30 petang***

**Setiausaha Dewan:**

Ahli-ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat. Dewan bersidang semula.

**YAB. Ketua Menteri:**

Dato' Yang di-Pertua selaras dengan Peraturan 6A (1) Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang saya mohon supaya masa persidangan hari ini dilanjutkan sehingga jam 7.00 petang.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ada sokongan?

**Ahli Kawasan Tanjong Bunga (YB. Zairil Khir Johari):**

Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-Ahli Yang Berhormat dan YAB. Ketua Menteri telah pun mengemukakan usul dibawah Peraturan 6A(1) untuk melanjutkan tempoh masa persidangan hari ini, 6 Ogos 2018 hari Isnin sehingga 7.00 petang. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju katakan "Ya".

**Ahli-ahli Dewan:**

"Ya".

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju katakan "Tidak". Usul dipersetujui. Ahli-ahli Yang Berhormat kita berada dalam sesi perbahasan usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang kerana berkenan melafazkan ucapan kepada Dewan ini di Mesyuarat Pertama, Penggal Pertama Dewan Undangan Negeri yang ke-14 pada 3 Ogos 2018. Ahli-ahli Yang Berhormat siapa yang ingin bahagian terlebih dahulu. Sila Ketua Pembangkang.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

*Bismillahirohmanirahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.* Dan salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan, Wakil-wakil Jabatan, Tuan-Tuan, Puan-Puan, hadirin hadirat yang dirahmati Allah sekalian.

*Alhamdulillah* bersyukur kita kehadiran Allah S.W.T dengan izin dan limpah rahmat dan Inayah-Nya kita masih lagi diberikan kesempatan dan kesihatan untuk kita sama-sama berada di Dewan yang mulia ini untuk kita berbincang dan berbahas dalam menyelesaikan isu-isu dan masalah demi kepentingan rakyat dan masyarakat di kawasan masing-masing.

Saya mohon maaf sedikit kerana tak berapa sihat. Sakit tekak. Sungai Dua mengucapkan ribuan terima kasih atas peluang yang diberikan untuk terlibat dalam perbahasan atas usul ucapan terima kasih ucapan Tuan Yang Terutama Tun bagi Perasmian Penggal Pertama, Sidang DUN yang kali ke-14 pada 3 Ogos yang lalu. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah kepada Pakatan Harapan yang telah berjaya memenangi PRU 14 dan seterusnya membentuk Kerajaan di peringkat Persekutuan dan juga di peringkat Negeri Pulau Pinang.

Tahniah di atas pelantikan Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, ADUN Padang Kota yang telah dilantik sebagai Ketua Menteri Pulau Pinang yang baru. Dan tahniah juga kepada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua serta Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang telah dilantik jawatan masing-masing. Selamat maju jaya.

Walaupun Kerajaan Persekutuan kini telah bertukar tangan, kita tidak boleh sekali lupa bahawa kemakmuran dan kesejahteraan yang dinikmati oleh Negara Malaysia selama ini terhasil daripada keikhlasan dan perancangan teliti daripada Pentadbiran Barisan Nasional yang terdahulu. Malahan perubahan Kerajaan Pakatan setelah selesai PRU ke-14 telah berjalan dengan keadaan yang aman sekaligus menafikan segala tohmahan pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab kononnya akan berlakunya rusuhan, darurat dan sebagainya.

Walaupun pelbagai asakan dan tekanan sama ada dari dalam mahu pun luar khususnya berkaitan ekonomi Negara. Malaysia tetap utuh mendepani pelbagai cabaran sehinggakan di waktu peralihan pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Barisan Nasional meninggalkan simpanan rizab negara berjumlah RM430 billion. Iaitu rekod tertinggi dalam sejarah Malaysia.

Pulau Pinang juga secara tidak lansung juga dapat manfaat walaupun Kerajaan Negeri telah bertukar tangan semenjak tahun 2008 yang lalu. Peruntukan yang besar telah disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan di bawah Barisan Nasional yang terdahulu atas dasar kemakmuran dan kesejahteraan rakyat di negeri ini. Justeru itu saya percaya semua pihak sama ada di peringkat pentadbiran Kerajaan Negeri mahupun wakil rakyat, kita berpegang kepada prinsip memastikan nasib rakyat terus dibela dan kerana itu saya mengharapkan Kerajaan Negeri Pulau Pinang di bawah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang baru dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab terhadap rakyat dengan lebih adil, baik dan telus dan berintegriti.

Saya percaya Yang Amat Berhormat Ketua Menteri mahu memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat tanpa menimbulkan sebarang isu yang boleh menjurus kepada penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

*Pergi berburu sampai sempadan,*

*Dapat kancil badan berjalur,*

*Biar carik baju dibadan,*

*Asalkan hati bersih dan jujur.*

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, sebagai wakil Barisan Nasional dan Pembangkang di Dewan yang mulia ini sudah tentu saya dan rakan-rakan faham bahawa dengan jumlah kerusi yang kami miliki pastinya tidak akan mampu merubah apa jua keputusan yang bakal dibuat oleh Kerajaan Negeri selepas ini. Dalam penggal yang lepas saya berada bersama 9 orang rakan-rakan Pembangkang. Kini tinggal tiga (3) orang sahaja. Walaupun hanya tinggal tiga (3) orang, kami berikrar dan cuba untuk menjadi pembangkang yang konstruktif dan dinamik. Kami akan membawa suara rakyat diperingkat akar umbi serta bertindak *check and balance*...(dengan izin), pada Kerajaan Negeri Pulau Pinang demi kebaikan seluruh rakyat.

Kita perlu menjaga hasrat kita bersama-sama dengan hasrat Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri untuk melihat Dewan ini menjadi tempat yang mulia. Kita ada peraturan DUN. Kita ada mesyuarat, Peraturan Mesyuarat tetapi peraturan ini tiada maknanya jika kita tidak mematuhi. Kita ada Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua. Tapi ia tidak bermakna jika tidak mematuhi arahan Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua Dewan. Setiap Ahli Dewan perlu mengambil bahagian dalam perbincangan dengan berhemah dan menjaga kesopanan dan kesusilaan di samping mengutarakan pandangan yang berkualiti.

Kita menyahut saranan Tuan Yang Terutama Tun untuk menjadikan Dewan ini tempat perbincangan yang baik dan perbezaan pandangan satu perkara yang amat bernilai dan perlu diterima dengan hati yang terbuka. Kerana itu saya melihat beberapa masalah yang berlaku sebelum ini perlu mendapat perhatian khusus daripada Kerajaan Negeri memandangkan ianya melibatkan kepentingan dan kesejahteraan rakyat Pulau Pinang.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, Isu banjir dan banjir kilat. Kerajaan Negeri semasa mengambil alih Pentadbiran Negeri 2008 telah berjanji akan menyelesaikan isu banjir dalam masa satu penggal. Banjir berlaku di seluruh kawasan, di Negeri Pulau Pinang. Setiap kawasan menghadapi banjir ini. Dan setiap Ahli Yang Berhormat terpaksa turun ke padang turun ke kawasan untuk menghulurkan sumbangan untuk mereka yang mengalami banjir kilat. Tidak dinafikan banjir kilat ini berlaku disebabkan oleh hujan yang lebat, fenomena hujan lebat dan juga fenomena air pasang besar tapi ia juga berlaku disebabkan oleh limpahan, kena lihat punca-punca lain. Selain daripada air pasang besar dan hujan lebat. Punca-punca lain adalah limpahan sungai cetek, sungai terlalu cetek dan tebing semakin rendah. Itu satu (1) sebab. Kedua longkang perparitan sungai tersumbat, pembangunan yang keterlaluan yang tidak dikawal di satu tempat. Pembangunan dibuat mungkin saluran saliran air tidak mencukupi menyebabkan banjir berlaku. Penarahan bukit, tanah tinggi mungkin salah satu sebab berlakunya banjir dan tiada sistem saliran yang sempurna. Pada masa lalu pihak Kerajaan Negeri menuding jari mencari salah, cari salah pelbagai pihak, salah Kerajaan Persekutuan tidak bagi peruntukan, salah jabatan dan sebagainya. Sedangkan kesilapan dan kesalahan Kerajaan Negeri tidak lansung dilihat. Banjir ini akan terus berlaku jika isu-isu seperti sungai cetek tadi. Sistem saliran yang tidak sempurna, pembangunan kawasan bukit, penarahan kawasan bukit, pembangunan yang tidak terkawal dan tidak diberi fokus sebaik-baiknya oleh Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan isu banjir.

Kita nak lihat bahawa isu-isu ini dapat diselesaikan bersama selain daripada isu fenomena air pasang dan juga hujan lebat. Saya memohon supaya pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang membentangkan ataupun menyediakan Pelan Tindakan Menyelesaikan Masalah Banjir yang telah dirancang dengan mengambil kira punca-punca yang saya sebutkan tadi. Dan pembentangan ini juga perlu dibentangkan kepada masyarakat. Boleh atau tidak Kerajaan Negeri Pulau Pinang mewujudkan satu pelan, Pelan Induk Pencegahan Banjir Pulau Pinang sepertimana Pelan Induk Pengangkutan yang menelan belanja puluhan billion ringgit.

Saya juga mohon penjelasan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang berkaitan pencapaian dan perbelanjaan RTB tahun 2017. Sebanyak RM220 juta. RM11.6 juta MBPP, RM150 juta JPS, RM9.45 juta MPSP dan RM50 juta PBAPP. Jadi saya hendak kalau boleh diberi penjelasan atau pembentangan pencapaian dari segi perbelanjaan projek yang telah diluluskan dalam tahun 2017. Kita ingin melihat masalah banjir dapat diselesaikan sebelum penggal ini berakhir. Kerana tiada alasan peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan tidak diperolehi dan rakyat berasa lega dan bersyukur jika keadaan ini boleh diselesaikan. Apakah alasan untuk tidak selesaikan masalah banjir di Pulau Pinang dan kenapa Kerajaan

Negeri perlu masih mahu berbelanja puluhan billion untuk bina lebuh raya, tambak laut dan sebagainya sedangkan masalah banjir perlu diberi keutamaan paling utama.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, isu rasuah. Saya menyokong dasar Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membenters rasuah habis-habisan dan kita menyokong Kerajaan Negeri Pulau Pinang tidak menutup mana-mana kes rasuah yang melibatkan mana-mana pemimpin, wakil rakyat dan anggota-anggota mana-mana jabatan yang mana kes mereka telah mula siasatan sebelum PRU ke-14. Saya juga mendesak supaya kes rasuah yang telah dihadapkan ke mahkamah tidak ditutup, ditarik balik atau digugurkan. Mohon diteruskan perbicaraan sehingga selesai. Sejak 1 Jun 2018 sehingga 3 Ogos 2018 terdapat lima (5) kes melibatkan 9 orang pemimpin Pakatan yang telah digugurkan oleh mahkamah atas persetujuan dan arahan Peguam Negara. Seperti yang saya katakan di awal ucapan saya tadi. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri baharu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Mohon penjelasan. Tertarik dengan ucapan Yang Berhormat pembangkang berkenaan kes-kes SPRM Negeri Pulau Pinang. Saya pohon penjelasan penarikan kes-kes ini dibuat oleh Peguam Negara yang merupakan Kuasa Persekutuan. Jadi bagaimana boleh dikaitkan dengan dakwaan kononnya ada campur tangan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Sedangkan kuasa penarik balik pertuduhan itu di Peringkat Persekutuan. Pohon penjelasan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Terima kasih Permatang Pasir. Saya cuma menyebut di sini bahawa Kerajaan Negeri perlu telus atau perlu memberi ruang kepada kes terus berjalan tidak membantah dan sebagainya itu sahaja, bukan Kerajaan Negeri buat keputusan. Saya tahu keputusan ni Peguam Negara. Seperti saya katakan di awal ucapan....(gangguan).

**YAB. Ketua Menteri:**

Penjelasan. Yang digugurkan kebanyakan adalah kes-kes SOSMA dan *sedition*. Setakat ini tidak terlibat apa-apa kes rasuah yang digugurkan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Terima kasih Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. Memang kes yang terlibat tu adalah kes-kes yang berkaitan dengan SOSMA dan juga hasutan. Jadi kes yang berkaitan rasuah belum lagi. Saya takut digugurkan. Bila digugurkan dia menjadikan kita punya *rules of law* tak berapa cantik. Kes tu dah jalan, patutnya terus sampai selesai. Sampai orang tengok kes tu diputuskan tidak bersalah dan sebagainya. Tidak ada masalah..(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Saya percaya mengikut peraturan mesyuarat Dato' Speaker, tidak boleh menyentuh perkara yang spekulatif fakta.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Saya tau.

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Fakta. *But there's no fact at all.* Dato' Speaker.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih kerana memberi amaran kepada Ketua Pembangkang. Sila tutup Pembangkang.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Jadi sebenarnya sekarang ini kes rasuah Ketua Menteri terdahulu sedang didengar di Mahkamah Tinggi dan saya tidak menyentuh apa-apa berkaitan dengan kes tersebut. Cuma saya faham dan saya tidak nafikan bahawa berdasarkan prinsip *innocent until proven guilty*...(dengan izin), bekas Ketua Menteri ini hanya akan disabitkan apabila disabitkan salah apabila beliau terbukti benar-benar bersalah. Jadi sekarang tak terbukti jadi perlu diteruskan. Namun saya juga ingin menekankan satu lagi prinsip undang-undang iaitu keadilan harus dilaksanakan *without fear and favor* iaitu keadilan harus dilaksanakan tanpa takut dan pilih kasih.

So kita mengharapkan supaya kes ini akan diteruskan dan akan diselesaikan sehingga selesai perbicaraan. Supaya nampak kita telus dalam menangani masalah-masalah salah laku dan sebagainya.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pembangunan mampan. Tuan Yang Terutama Tun menyarankan supaya Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat memberi perhatian serius kepada aspek pembangunan mampan *sustainable development*...(dengan izin), dalam apa jua bentuk pembangunan. Pembangunan perlu menitik beratkan kehijauan dan kelestarian alam sekitar, serta memastikan keperluan generasi hari ini dipenuhi tanpa mengorbankan hak generasi akan datang.

Pencerobohan kawasan bukit. Begitu juga dengan isu membabitkan pencerobohan kawasan bukit dan melaksanakan perancangan pembangunan di lereng bukit yang telah pun mendatangkan kecelakaan kepada orang awam atau pekerja yang terlibat dalam sektor pembinaan. Kematian yang berlaku dalam kes tanah runtuh di Tanjung Bunga misalnya telah pun menyebabkan keresahan kepada penduduk termasuk NGO yang selama ini membangkitkan isu tersebut. Saya percaya antara punca berlakunya banjir kilat adalah disebabkan oleh proses meratakan kawasan bukit serta pembinaan projek pembangunan di lereng bukit yang tidak terkawal dan ini dibuktikan dengan kejadian banjir kilat yang berlaku membawa bersama selut dan juga air yang berwarna merah.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Minta penjelasan Dato' Yang di-Pertua. Saya rasa yang dimaksudkan tadi bahawa ini berpunca *directly* daripada yang maksudnya Kerajaan Negeri tidak mengawal ini *hill side development*, yang dibatalkan. Adakah ini yang bermaksud bahawa Kerajaan Negeri tidak mengawal? So saya hendak tanya sekejap, terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Terima kasih Pulau Tikus. Dulu perempuan YB. Pulau Tikus, sekarang macam YB. Shariful, Bertam. (Ahli Dewan ketawa).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Dia tak kenal. YB, tak kenal.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Apa yang saya maksudkan di sini adalah ada projek yang mungkin projek yang dibuat secara *illegal* ataupun projek yang diluluskan tanpa mengikut speks-speks yang ditetapkan. Ia melanggar, bila melanggar ini takutlah ia akan merosakkan alam sekitar, merosakkan kawasan berbukit dan sebagainya.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

*I think* minta penjelasan. Saya rasa ini spekulasi yang tak patut dikatakan macam itu sebab kalau ada bukti, kita bukti tanpa yakin dia tidak dikawal dan ini boleh dibawa, *I mean*, kes-kes macam ini boleh diambil tindakan tapi kalau ada bukti, sila berikan bukti supaya tindakan boleh diambil. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Terima kasih, saya tidak ada bukti yang tepat tapi apa yang saya lihat projek di Tanjung Bunga, yang tanah runtuh yang mati dua tiga orang, ini merupakan projek di kawasan dekat lereng. Dan tanah tu runtuh dan menimpa dua tiga orang. Bila projek *start* tak ingat, tapi di Tanjung Bunga...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Dato' Yang di-Pertua, minta laluan. Saya rasa ini *inquiry* masih dijalankan dan kita patut menunggu *inquiry* yang *finding inquiry*...(dengan izin) itu, oleh itu saya rasa tidak patut dibangkitkan macam inilah. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Dato' Yang di-Pertua, saya cuma hendak bangkitkan isu pencerobohan kawasan bukit sebab banyak kawasan bukit yang diceroboh secara *illegal*, dibuat tanaman pokok-pokok, tanam sayur, ditebang pokok ditanam pokok lain. Dan kadang-kadang ini yang membangkitkan isu atau masalah berkaitan dengan banjir berkaitan dengan alam sekitar dan sebagainya. Itu sahaja. Ini kalau Kerajaan Negeri mengawal benda ini, dalam kawalan, tidak ada masalah. Saya cuma beri teguran dan saya bangkitkan. Kalau tidak berlaku, tidak ada masalah. Kalau berlaku, perlu diselesaikan, perlu diambil tindakan. Ini sebagai peringatan, peringatan kepada semua pihak yang melibatkan isu penarahan bukit, pencerobohan bukit ini sebagai isu yang utama. Kita nak kawasan hijau, nak kawasan bukit, kawasan yang mempunyai pokok-pokok yang boleh pegang air supaya tidak berlaku hakisan dan sebagainya. Ini perlu dilihat sebagai satu keutamaan sebab TYT pun nak pembangunan mampan. Pembangunan mampan ini bermaksud pembangunan yang dibuat pada hari ini mengambilkira generasi akan datang. Depa pun nak tengok juga kawasan bukit, kawasan yang ada kehijauan dan sebagainya, depa nak tengok. Nanti kalau dah buat habis, tak ada apa dah. Depa pun tak dapat nak tengok kawasan alam sekitar yang cantik dan sebagainya.

Seterusnya, soalan saya berkaitan dengan isu pencerobohan. Apakah langkah lanjut yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi menangani isu pencerobohan dan meratakan kawasan bukit? Yang kedua, apakah kajian perubahan iklim dan perlindungan lereng bukit telah dilaksanakan dengan peruntukan RM10 juta pada tahun 2017?

Saya minta penjelasan tentang peruntukan yang telah diberikan dan juga apa yang telah dibuat serta bentuk kajian yang telah dilaksanakan. Projek Lebuh raya PIL 1, Pan Island Link 1. Merujuk kepada Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar oleh Wirana Malaysia Sdn Bhd, amat jelas bahawa PIL 1, bakal menjejaskan kehidupan seharian orang awam. Bunyi bising, getaran, kesesakan lalu lintas, kesulitan semasa tapak pembinaan merupakan isu yang serius. Terdapat isu-isu lain yang ditimbulkan masalah pencemaran yang berlaku. Ini andaian oleh pihak syarikat inilah. Kedua (2), pemandangan yang indah, jalan raya dengan pokok-pokok, mercu tanda akan hilang dan terjejas. Ketiga (3), banjir kilat mungkin berlaku di kawasan tersebut, kawasan yang melibatkan PIL 1. Keempat (4), kesan kesihatan dan kesejahteraan para penduduk, pekerja, pelajar sekolah dan orang ramai di kawasan terdapat bangunan-bangunan kerajaan dan swasta yang akan terkesan dan terjejas akibat projek ini. Iaitu sembilan buah sekolah akan terlibat, 10 buah tempat ibadat, tiga tapak rekreasi, empat (4) tanah perkuburan dan dua (2) hospital swasta.

Jadi saya mohon pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengkaji semula kesan pembinaan kepada alam sekitar, kesan-kesan kesihatan kepada penduduk, banjir kilat yang akan berlaku, pencemaran bunyi, habuk dan lain-lain yang akan berlaku dan keadaan semula jadi yang mungkin akan tercemar sekiranya projek ini terus dilaksanakan. Serta Kerajaan Negeri memikirkan satu kaedah untuk menyelesaikan masalah yang mungkin berlaku. Menggunakan *alternative* lain, cara-cara kita nak selesaikan isu yang kini menghantui penduduk di sekitar kawasan yang terlibat. Di kawasan yang terlibat dengan PIL 1. Banyak penduduk menyuarakan masalah yang mungkin berlaku. Jadi kita kena memberi perhatian kepada masalah yang mungkin berlaku, bila berlakunya projek PIL 1 ini.

Isu terowong dasar laut juga berkait dengan pembangunan mampan. Seluruh rakyat Pulau Pinang mahupun Malaysia sedar tentang projek terowong dasar laut telah mencetuskan pelbagai pandangan serta pendapat sehinggalah membawa kepada perang politik. Bukan sahaja isu tentang kos dibangkitkan, tetapi juga soal alam sekitar apabila projek tambakan laut dilakukan untuk membina terowong-terowong dasar laut.

Sehingga ke hari ini, rakyat masih tertanya-tanya apakah kesinambungan projek terowong dasar laut ini, dan apakah hasil kajian yang dilakukan dan dikatakan memakan kos yang begitu tinggi. Adakah ianya masih diteruskan ataupun terdapat sebarang kajian lain yang sedang dilakukan oleh Kerajaan Negeri atau mana-mana pihak yang statusnya boleh dibentangkan kepada rakyat? Saya membangkitkan perkara ini kerana imej Kerajaan Negeri sebelum ini telah terjejas dengan pelbagai persoalan yang menyentuh kewibawaan pentadbiran Kerajaan Negeri. Justeru itu saya berpendapat, adalah lebih baik isu ini dijelaskan kepada rakyat agar semua pihak faham kedudukan sebenar.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, isu perumahan. Kerajaan Negeri Pulau Pinang sering memperkatakan bahawa Kerajaan Negeri telah menyediakan rumah yang secukupnya kepada rakyat Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PDC dan sektor swasta telah membina 24,227 unit rumah kos rendah dan sederhana rendah dalam tempoh 10 tahun, dari tahun 2008 hingga 2017. Rumah atau tempat tinggal merupakan salah satu keperluan yang penting untuk manusia. Setiap anggota masyarakat yang berkeluarga memerlukan tempat tinggal sebagai tempat berteduh. Mereka sudah semestinya ingin memiliki rumah sendiri dengan kemampuan yang mereka ada. Terdapat lebih kurang, saya tak pasti jumlahnya, 40,000 lebih pemohon yang berdaftar dengan Perumahan Negeri yang memohon untuk memiliki rumah kos rendah atau kos sederhana rendah. Mereka ini adalah terdiri daripada golongan yang berpendapatan rendah, sama ada bekerja di sektor awam, swasta, bekerja kampung, bekerja sendiri ataupun berniaga kecil-kecilan yang tidak mampu membeli rumah mampu milik kategori C. Kategori C ini RM200,000 di Seberang, RM300,000 di Pulau.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang jangan hanya memikirkan pembeli-pembeli yang mampu membeli rumah mampu milik Kategori C ke atas tetapi juga perlu memikirkan pembeli-pembeli yang berpendapatan rendah yang hanya mampu membeli rumah sekitar RM80,000 ke bawah sahaja. Sepertimana yang disebutkan oleh Tuan Yang Terutama Tun dalam ucapan perasmian Sidang DUN berkaitan keperluan rumah untuk golongan B40 dan M40 di Negeri Pulau Pinang. Fikirkan satu pendekatan dan saranan saya untuk pihak Kerajaan Negeri mungkin telah dilaksanakan, jadikan satu tambahan maklumat.

Pertamanya Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu membina lebih banyak rumah kos rendah dan kos sederhana rendah, RMM Kategori A dan B. Kedua (2), Kerajaan Negeri Pulau Pinang perlu membina lebih banyak rumah PPR di atas milik Kerajaan Negeri untuk tujuan penyewaan. Jadi tadi Datok Keramat telah jelaskan memang ada dua (2) lot akan dibina PPR, saya amat berterima kasih dan kalau boleh kita boleh lebihkan, mungkin di Seberang kita tambah dua tiga tempat rumah PPR kerana banyak masyarakat yang perlukan rumah. Tak beli pun dia nak rumah PPR untuk dia duduki. Ketiga (3), Kerajaan Negeri Pulau

Pinang perlu melaksanakan konsep *rent-to-own*...(dengan izin) untuk golongan ini yang sukar mendapat pinjaman dari bank. Ini juga telah dijelaskan tadi. Jadi terima kasih. Maknanya, akan dibuat *rent-to-own* contohnya macam di Taman Seruling di Seberang Perai Selatan. Jadi memang bila kita buat rumah *rent-to-own* banyak masyarakat yang B40 boleh beli. Keempat (4), kuarters-kuarters Rumah Kerajaan ini yang terbengkalai tanpa sewaan, banyak. Kuarters di sebelah Seberang pun banyak seperti kuarters-kuarters guru. Di belakang rumah saya pun rumah ada kuarters guru yang terbengkalai, tak ada orang duduk. Dan banyak tempat lagi. Kalau boleh rumah kuarters-kuartes ini difikirkan satu kaedah untuk kita jadikan kuarters ini rumah untuk disewa ataupun rumah untuk dijual pada mereka yang memerlukan dan yang layak memohon. Banyak rumah kuarters yang terbengkalai, yang terbiar macam tu sahaja. Kuarters-kuarters TUDM pun banyak. Yang sebelah luar daripada base tu, memang terbengkalai.

Okey, seterusnya penglibatan dan peranan pihak swasta. Tuan Yang Terutama Tun dalam ucapan perasmian menyebut dan memohon agar pihak swasta juga perlu tampil untuk membantu Kerajaan Negeri untuk menangani isu seperti penyediaan Rumah Kos Rendah, Kos Sederhana Rendah, menyelesaikan isu pengangkutan awam pada rakyat Negeri Pulau Pinang, penyediaan lorong berbasikal dan lain-lain isu. Dan untuk penglibatan pihak swasta ini, TYT Tuan Yang Terutama Tun mengharapkan dan memberi penekanan agar pihak Kerajaan Negeri dan pihak swasta tidak hanya memikirkan keuntungan semata-mata. Kepentingan sosial, penjagaan alam sekitar dan kebajikan kepada rakyat perlu diberi keutamaan.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, penyampaian bantuan ribut yang tidak efisien. Ribut yang berlaku di kawasan Seberang Perai Pulau Pinang dan Pulau Pinang pada selepas PRU baru ini, telah mengakibatkan kerosakan bumbung rumah, harta benda penduduk dan pokok-pokok banyak yang tumbang. Di kawasan Sungai Dua, terdapat hampir 20 buah rumah yang agak teruk dan terdapat juga rumah-rumah yang mengalami kerosakan kecil. Saya ucapkan ribuan terima kasih kepada agensi, jabatan yang telah membantu, iaitu Pejabat Daerah dan Tanah, Pejabat Penghulu, pegawai-pegawai JKM, pihak ZPP Zakat Pulau Pinang, Bomba, JPAM dan sebagainya. Cuma saya agak terkilan dengan kaedah penyampaian bantuan yang saya rasakan kurang berkesan kepada penduduk yang mengalami kerosakan yang agak banyak. Bagi yang mengalami kerosakan kecil tidak ada masalah. Penduduk-penduduk yang terlibat tidak dibaiki bumbung hingga berhari-hari sampai berminggu-minggu. Jawapan dari pihak yang terlibat, tuan rumah perlu baiki sendiri kerosakan yang dialami dan menghantar tuntutan kepada Pejabat Daerah. Bagi penduduk yang miskin, saya rasa susah untuk menyelesaikan masalah. Jadi saya mohon pihak Pejabat Tanah Daerah dan mungkin pihak Kerajaan Negeri, mencari satu kaedah yang lebih sesuai, dan boleh membantu penduduk terlibat dengan segera.

Seperti contoh yang dibuat tahun lepas, kita gunakan ICU untuk selesaikan masalah. Kita ada 20 buah rumah dalam satu kawasan. Mungkin satu rumah RM3,000, RM4,000 untuk pembaikan bumbung ini. So, kita bagi setiap kontraktor ini laksanakan kerja dulu, lepas tu *claim*. Kita lantik kontraktor, bawah daripada RM20,000 untuk dia buat kerja pembaikan. Dan dia buat cepat sebab bumbung tercabut ini masalahnya bila hujan banyak lagi kerosakan yang akan berlaku dalam rumah. Jadi kita kena cepat. Bagi duit kat dia pun dia tak boleh buat. Di kampung sekarang ni nak dapatkan tukang payah. Nak dapatkan tukang rumah yang boleh baiki bumbung tu susah. Tak ada dah tukang-tukang, semua kena cari tukang Indonesia. Jadi masalah kepada orang kampung nak cari tukang nak baiki. So kena ada kontraktor yang dipilih. Kalau boleh saya sarankan macam tu. Kalau diterima. Untuk dia buat tiga (3) biji rumah, dia baiki lepas tu tuntutan dengan prosedur yang perlu dipatuhi.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pertanian, tanaman, ternakan, ternak air dan IAT. Sektor pertanian tidak diberikan tumpuan yang hebat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Setiap kali saya bangkitkan dalam ucapan perbahasan, saya sentuh isu pertanian. Sebab saya memang bertugas dalam sektor pertanian, dalam Pertubuhan Peladang. Jadi saya melihat di Pulau Pinang dulu kita ada 20,000 hektar tanah sawah. Sekarang tinggal 12,000 hektar. Kawasan yang di bawah sistem pengairan semakin berkurangan. Keluasan semakin berkurangan.

Tapi *Alhamdulillah*, walaupun berkurangan, kita masih boleh mencapai taraf tahap SSL bagi Negeri Pulau Pinang. Kita boleh *supply* beras untuk semua dengan hasil yang diperolehi 5.8 tan seekar, kita boleh *cover*. Peringkat Kebangsaan pun tak boleh *cover* 75% kita kena beli luar, *Import* 25%. Itu yang peranan yang dimainkan oleh pihak BERNAS. Tadi sebut BERNAS monopoli. Kita nampak satu segi, BERNAS dapat AP. Dia monopoli beras. Tapi di bawah BERNAS tu ada syarikat-syarikat banyak. Syarikat JATI, syarikat macam-macam. Semua syarikat tu pembeli-pembeli, pengilang-pengilang beras. Biasa kilang-kilang kaum Tionghua yang banyak. JATI dan sebagainya, di bawah AP BERNAS. Memang AP tu BERNAS satu je yang ada. Monopoli la yang dikatakan. Dan BERNAS ini peranan dia bukan hanya sekadar nak dapatkan AP tu. Nak beli beras kena pakai AP sebab kita kawal beras. BERNAS juga main peranan nak beli hasil-hasil padi orang kampung yang tak berkualiti. Yang potongannya tinggi sampai 20%, 30%. Padinya memang teruk, memang padi yang bermasalah. Tak boleh buat beras pun. Jadi BERNAS memang kena beli. BERNAS diarahkan beli padi-padi yang bermasalah. Kilang-Kilang swasta tak akan beli padi itu. Dia beli ikut kuota cukup kuota dia dia tak akan beli beras-beras yang rosak, yang bercampur macam-macam. Itu yang berlaku. Dan BERNAS juga akan mengawal harga mengeluarkan bantuan apa..(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Yang Berhormat, boleh mencelah?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Boleh, boleh.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat mengetahui. Tapi pada satu ketika dahulu, memang di seluruh Malaysia ada beratus pengilang Melayu, beras Melayu dan hanya hari ini hanya ketinggalan tak sampai 20 di seluruh negara. Kelantan saya dengar tak ada operasi lagi. Ramai yang sudah tika gulung dan di antara alasan yang saya tahu apabila bercakap dan bertemu dengan ramai pengilang dan pesawah padi, mereka selalunya salahkan BERNAS sebab BERNAS ni memang ditubuhkan untuk menjaga kebajikan pengilang-pengilang beras, tetapi hari ini, memang tidak ada lagi dan mereka menyalahkan sebab sekarang ini BERNAS hanya mementingkan keuntungan untuk syarikat tersebut yang dulunya BERNAS ini dia sebahagian besar saham BERNAS dipegang oleh pihak-pihak *stake holders*. MADA saham ada, KADA ada saham, sekarang tak ada lagi. Semuanya dikuasai oleh satu orang, Syed Mokhtar Al-Bukhari.

Jadi dari ramai yang saya berbincang dengan banyak *stake holder*, mereka sangat-sangat meminta supaya BERNAS ini dimansuhkan monopoli dan ditubuhkan balik Lembaga Padi dan Beras Malaysia. Jadi adakah Yang Berhormat tak bersetuju supaya kita membuka, memansuhkan BERNAS ini, monopoli BERNAS dan membukakan persaingan dalam *market* supaya persatuan-persatuan kawasan peladang katanya sebagai contoh mereka boleh dapat sedikit untung dapatlah bagi AP kepada mereka. Adakah YB. tak bersetuju dengan cadangan itu?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Okey, terima kasih Bukit Tengah. Ini orang hebat dengan kilang padi ni. Penasihat kilang padi. Jadi, dulu masa saya bekerja, LPN masih ada (Lembaga Padi Dan Beras Negara). Apabila dibuat bantuan subsidi, subsidi harga padi, bermula daripada itu mula LPN dikurangkan tugasnya. Dia tak jaga kilang. Dia banyak kepada menguruskan bantuan subsidi harga padi dan sebagainya. Lama kelamaan dipisahkan. Terus diberi kepada BERNAS untuk uruskan. Saya cuma maksud, maksud saya tadi, dia tak boleh salahkan BERNAS 100%, dari segi mengapa kilang-kilang padi ditutup? Kilang-kilang kecil ditutup? Kilang kecil ditutup sebab, dulu orang kampung dia tak jual padi semua. Dia simpan untuk dia makan dan simpan untuk benih, itu tahun 80-an, 70-an. Saya pun buat sawah masa tu dengan ayah saya. Kita simpan untuk makan dalam bangunan yang kita panggil jelapang. Ada jelapang padi di kampung. Simpan sebahagian untuk makan dan sebahagian untuk buat benih balik. Benih tu pun kita tak ada benih yang *special* pada waktu itu. Benih yang diusahakan sendiri. Dia tanam padi, dia simpan lepas tu dia gunakan balik untuk buat semai padi. Masa tu benih Mat Candu, Malinja, Padi Bahagia dan sebagainya. Itu yang saya maksudkan.

Cuma bila BERNAS ambil alih, BERNAS ditubuhkan, dia mengawal dari segi tadi. Dari segi harga padi, dari segi beras dan sebagainya. Dan banyak kilang-kilang tutup bukan kerana BERNAS. Bukan 100% kerana BERNAS. Kerana dia dah tak ada padi nak dikisar. Maksudnya bila penduduk petani ini jual habis semua. Dia jual habis padi, dia tak simpan dah. Dia jual habis, makna kilang-kilang kecil, kilang-kilang Melayu yang kecil di kampung terpaksa ditutup kerana tidak ada lagi padi-padi yang nak diproses dan dia tak mampu bersaing dengan kilang-kilang besar, kilang padi ini yang membeli semua padi-padi petani yang ada di sekitar. Dan dia tak boleh beli. Kilang-kilang kecil tak boleh, dia cuma harap upah kisar dan sebagainya. Itu maksud saya.

Balik pada minta pandangan saya dari segi BERNAS tadi, saya nak cakap pun susah. Saya masih berpihak kepada petani dan sebagainya. Jadi kalau boleh dikaji semula peranan BERNAS...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Soalan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Boleh, boleh.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Sebab YB. macam pandai pasal BERNAS.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Macam pandai?

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya pun nak tahu juga sebab saya ada buat satu jawatankuasa tetap untuk Festival Padi untuk selamatkan tanah-tanah padi ini. Jadi, isu yang dikemukakan oleh NGO seperti *Padi Rescue* ialah BERNAS ini menekan pesawah. Jadi sekarang ni dia orang katalah, pesawah hanya mendapat pendapatan RM700 sebulan kalau dari segi *averagenya* dan pada 12hb Ogos ini habis sidang DUN kita akan ada dialog bersama dengan persatuan pesawah seluruh negara di Kampung Terus di mana kita buat Festival Padi. Tapi, saya pun nak tahu juga jawapan kenapa NGO seperti *Padi Rescue* dan Persatuan Pesawah merasakan yang BERNAS ini menekan pesawah dan pendapatan mereka tu kira terlampau sedikit sehingga sekarang apa usaha yang kita tengah buat ialah untuk meningkatkan pendapatan pesawah pagi dan melalui Agro Pelancongan Padi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Terima kasih Yang Berhormat Penanti. Seorang yang amat prihatin tentang pesawah. Dari segi BERNAS menekan pesawah, saya rasa harga yang BERNAS, BERNAS ni sebagai penstabil harga sebenarnya, macam FAMA. FAMA nak elak orang tengah, dia stabil harga. BERNAS ini, harga padi sekarang RM1,200 per tan dan subsidi diberi RM250 per tan. So petani itu akan dapat, kalau hasilnya tinggi, hasilnya mungkin 4 tan kali dengan RM1,200 tambah dengan RM250 lagi subsidi harga padi. Kalau dia buat dengan sempurna, potongan pun tak tinggi, tak sampai 20, 20 ke bawah. Dulu 18 sekarang 20. Kalau 20, saya rasa dia akan dapat untung. Dia akan ada kelebihan tapi dia kena buat bendang yang banyak. Kalau dia buat sekadar 1 ekar, 1 relung, mungkin tak dapat hasil yang tinggi. Dia kena buat satu pengurusan macam yang pihak-pihak kerajaan buat sekarang ni, pihak kementerian buat, pengurusan yang berpusat. Ada SPV dan sebagainya yang menguruskan pengurusan itu sebab petani ni kalau kita tak buat pengurusan berpusat, dia akan buat ikut cara dia. Kita kena buat cara macam tu. Satu kawasan masukkan air yang sama, katakan 15 September padi di kawasan tu ada yang dah okey, dah serak dah, ada yang tak buat kerja tanah lagi. Tengok kawasan selepas sebulan, dua bulan, kawasan tu ada yang dah nak keluar hasil, masak, ada yang masih peringkat awal ini akan menimbulkan masalah kepada penyakit kepada musuh dan sebagainya. Itu sebab kita kena disiplinkan petani-petani kita.

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Yang Berhormat, boleh mencelah sedikit berkenaan isu sama yang dibawa oleh Ahli Kawasan Penanti. Tadi Yang Berhormat ada kata bahawa BERNAS ini dia menjaga kebajikan pesawah padi tapi isunya sebenarnya hakikatnya adalah jauh daripada yang itu Yang Berhormat. Saya sudah tentu Yang Berhormat selalu pernah dengar bahawa dalam berita kebelakangan ini sejak harga siling, harga tetap RM1,200 itu ditetapkan, pemotongan-pemutuan apabila BERNAS membeli padi daripada pesawah padi juga telah pun meningkat. Dulu memang 18% tapi sekarang mereka membuat pemotongan-pemutuan sampai 30% ada setengah-setengah tempat dan perkara ini selalu dibuat aduan-aduan oleh pesawah pagi.

Kedua Yang Berhormat, apabila katakan BERNAS ini menjaga kebajikan kepentingan pesawah pagi, tahu tak Yang Berhormat sebelum ini apabila *Padi Rescue* yang terdiri daripada NGO-NGO padi menghantar satu memorandum kepada bekas Perdana Menteri untuk meluahkan masalah-masalah mereka apa yang BERNAS buat? Keluarkan surat peguam nak saman mereka pula. Kononnya fitnah BERNAS. Adakah ini sesuatu yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa BERNAS ini menjaga kepentingan pesawah padi? Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Terima kasih. Harap soalan terakhir. Tentang potongan, saya bangkitkan isu tadi dalam satu kawasan tanaman padi ada padi yang dah masak, sini belum masak dan kadang-kadang dia terpaksa masuk mesin padi, ini orang yang urus mesin padi dia kata kalau tak masuk sekarang saya tak mau masuk dah. Dia *control* kawasan. So dia kena masuk juga dan kena ambil padi yang tak masak tadi, yang separuh masak, yang belum masak. Bila belum masak masuk sekali yang masak, campur sekali, potongan dia akan jadi tinggi. Potongan ini memang tengok dari segi pelbagai sudut. Dari segi lembapnya, dari segi masaknya, dari segi...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Ini hanya berlaku selepas harga itu ditetapkan.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Macam mana?

**Ahli Kawasan Bukit Tengah (YB. Gooi Hsiao-Leung):**

Kalau pemotongan ini meningkat, hanya berlaku selepas Kerajaan Persekutuan, kerajaan lama tetapkan harga tu, harga RM1,200.

### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Dia dulu minimum 18, kalau buat ladang benih, 14. 18 tu paling kuranglah. Sekarang ni 20. 20 kilo paling kurang. 2 kilo beza dia. Kalau yang bersih elok, cantik elok, 20, dulu 18. Kalau ada pemotongan lain, ada masalah lain, tu yang jadi 30. Itu juga berkaitan dengan masalah petani. Kita kena, Jabatan Pertanian dan sebagainya kena disiplinkan petani. Itu yang kita sekarang tengah buat untuk disiplin petani, tanam serentak, kawal musuh serentak, macam-macam. Tapi kadang-kadang petani kita ni dia ikut suka tak ikut jadual. Kalau pengurusan tak berpusat, ikut suka dia nak buat bendang. Dia nak pergi tengok anak bersalin di Pahang, tinggal bendang tak bubuh baja, tinggal bendang tak bubuh racun. Ini yang berlaku. BERNAS ada peranannya dan mungkin ada kelemahan-kelemahan. Ini yang perlu kita lihat.

Seterusnya tentang peruntukan bagi pertanian. Kalau boleh, saya mohon dapat dipertingkatkan dalam bajet yang akan datang mungkin. Pertingkatkan dari RM7.9 juta setahun kepada Jabatan Pertanian, Veterinar, JPS dan mungkin kali ni disertakan peruntukan dari Pusat, kita boleh pertingkatkan program-program pertanian untuk kita menyediakan makanan kepada masyarakat di Negeri Pulau Pinang termasuk sayur-sayuran dan sebagainya.

Seterusnya penambahan sawah, isu penambahan sawah. Kerja-kerja penambahan sawah dalam kawasan pengairan telah berlaku dengan agak rakus di kawasan Seberang Perai Utara. Terdapat beberapa kawasan sawah yang telah ditambak untuk tujuan pembinaan tanah lot, bina rumah-rumah dan juga tapak perniagaan kini terbiar dan semak dan ini menyebabkan terdapat banyak musuh-musuh tanaman seperti tikus dan lain-lain serangga berkumpul dan membiak di situ. Ianya juga mengganggu sistem pengairan dan saluran air ke sawah. Jadi, saya nampak tidak ada tindakan yang berkesan dan bersepadu oleh pihak berkuasa sama ada oleh pihak Pejabat Tanah, Pentadbir Tanah, Jabatan Pertanian, Jabatan Pengairan dan Saliran, ataupun pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk menyelesaikan masalah ini. Tindakannya sekerat-sekerat. Mula pihak MPSP tahan, lepas tahan minta dihentikan kerja diberi surat amaran dan sebagainya lepas tu ditinggalkan. Ataupun ambil tindakan mahkamah lepas tu ditinggalkan. Pihak pembangunan tanah ni terus melaksanakan kerja di situ. Masuk batu, masuk tanah dan sebagainya untuk tambun lagi. Jadi ini yang perlu dilihat secara serius supaya tidak berlaku tanah tambakan yang terbiar, semak samun dan tindakan mahkamah ni kalau boleh disegerakan, dicepatkan supaya ada tindakan yang sepatutnya diambil. Kalau keputusan mahkamah suruh syarikat buat sawah seperti mana biasa, buat balik lah. Jangan kita biarkan sawah semak samun dan sebagainya. Jadi saya mohon pihak Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui MMK terlibat, mengambil tindakan yang bersepadu dengan semua jabatan dan agensi untuk menyelesaikan masalah.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, pekerja miskin di kalangan rakyat Pulau Pinang. Kebanyakan anak-anak muda dan penduduk-penduduk Pulau Pinang yang baru bekerja menghadapi masalah pendapatan yang rendah dan boleh dikategorikan sebagai miskin dan mudah miskin dengan pendapatan kasar RM3,000 ke bawah. Mereka ini tidak mempunyai kemampuan untuk membeli rumah ataupun perbelanjaan-perbelanjaan yang lain untuk meneruskan kehidupan mereka. Apakah strategi dan langkah yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam membantu menyelesaikan masalah pekerja miskin di Negeri Pulau Pinang dari segi peningkatan pendapatan? Bagaimana Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan membantu mereka yang terlibat dalam mendapatkan rumah yang bersesuaian dengan pendapatan mereka di bawah B30 ini? Sebagaimana yang diucap oleh TYT Tun dalam ucapan berkaitan peranan Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan pihak swasta dalam menyediakan lebih rumah bernilai RM42,000.00 ke bawah.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, memartabatkan agama Islam. Saya mengucapkan tahniah atas pelantikan Yang Berhormat Pinang Tunggal sebagai EXCO Hal Ehwal Agama Islam pada kali ini. Saya harapkan yang Yang Berhormat EXCO akan peka dan menjaga sensitiviti umat Islam di negeri ini berbanding EXCO agama yang lepas yang kita nampak tak berapa nak serius sangat. Dari jeritan nadi rakyat, saya sampaikan hasrat agar agama Islam dimartabatkan. Bukan sekadar retorik dan melangit, akhirnya pembaziran berlaku hilanglah berkat.

TYT Tun dalam ucapan perasmian menyebut Islam sebagai agama rasmi persekutuan seperti dalam Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan. Oleh itu ia harus dimartabatkan dengan memperkasa institusi-institusi berkaitan Islam seperti masjid, surau, Majlis Agama Islam, Zakat Pulau Pinang, Mahad Tahfiz, kelas KAFA dan lain-lain institusi berkaitan.

Majlis Agama Islam Pulau Pinang. Majlis Agama Islam Pulau Pinang dianggap jantung umat Islam. Peranannya untuk menjadikan Islam sebagai cara hidup perlu diperjelaskan, menegakkan keadilan mengikut hukum Islam perlu dipertingkatkan. Mengawal dan membasmi murtad, kemungkar, maksiat dan khurafat perlu dilipat-gandakan. Peri penting peranannya perlu bermula dari Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam sendiri. Rakyat tertanya-tanya siapakah yang mengajukan dan mencalonnya Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam kepada Yang Di-Pertua Agong. Kriteria bagaimana yang menyebabkan dicalonkan dan adakah benar mantan YB. EXCO Agama yang lepas telah mencalonkan namanya sendiri untuk jawatan itu? dan sekarang mendapat jawatan itu. Perlu dilakukan pencerahan agar rakyat tidak tertanya-tanya

kenapa beliau dilantik sedangkan *track record* beliau semasa memegang jawatan EXCO Agama tidak pun menguntungkan umat Islam Pulau Pinang. Sekali lagi saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri yang telah berjaya membawa Masjid At-Taqwa Bertam Indah menjadi Masjid Terbaik di Malaysia. Saya harapkan tempias kejayaan tersebut turut dirasai kepada semua masjid dan surau di Negeri Pulau Pinang ini. Saya berharap agar ideologi yang bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah dapat dihindarkan dari meracuni rakyat. Keterbukaan oleh mantan EXCO agama yang lepas menyebabkan bibit-bibit pecahan umat kita rasai. Kemasukan penceramah dan pendakwah tanpa kawalan kita khuatiri memecahkan keharmonian masjid itu sendiri.

Zakat Pulau Pinang, institusi zakat merupakan nadi kewangan umat Islam Negeri Pulau Pinang. Peranan ini dimainkan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Maaf mencelah. Terima Sungai Dua. Saya telah mendengar daripada awal hujah daripada Sungai Dua berkaitan dengan isu dakwaan bahawa sekiranya tukar kerajaan akan jadi huru-hara yang kita tahu ditujukan kepada Pakatan Harapan. Begitu juga dengan PPR yang telah diperjelaskan oleh Datok Keramat tadi bahawa yang menjadi masalahnya daripada Kerajaan Pusat waktu itu dan sekarang ini pula dakwaan kita nampak tuduhan kepada bekas EXCO yang lama berkaitan dengan syiar Islam dan juga sekarang ini mengatakan tiada kawalan daripada segi penceramah di Negeri Pulau Pinang.

Setuju atau pun tidak Ahli Kawasan Sungai Dua bahawa penceramah-penceramah yang menimbulkan huru-hara di dalam masjid berkaitan dengan ceramah-ceramah itu adalah daripada pembangkang sendiri yang menggunakan ruang dan juga medium masjid itu untuk menyelar Kerajaan Negeri suatu ketika itu. Setuju ataupun tidak?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Saya tak setuju yang itu. Saya tak tau pihak kita tak pernah terlibat dan jarang ceramah di masjid.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Saya maksudkan pembangkang. Macam mana ruang masjid digunakan untuk membuat dakwaan sehinggakan waktu itu Yang Berhormat EXCO Agama nak menyaman baru buat permohonan maaf. Saya tak tuju kepada parti mana, tapi maksud saya kepada pembangkang. Setuju ataupun tidak?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Saya tetap dengan keputusan saya, tak bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Sungai Acheh.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Adakah penceramah yang saya maksudkan itu adalah daripada kerajaan? Sebab memang laporan dakwaan yang ditujukan dalam masjid tersebut adalah penceramah daripada pembangkang dan YB EXCO waktu itu ingin menyaman pihak yang membuat dakwaan terhadap Kerajaan Negeri ketika itu.

**Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah Binti Othman):**

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon kebenaran. Setahu saya kalau penceramah itu tidak semestinya daripada mana-mana pihak, kemungkinan besar ada juga penceramah yang dijemput adalah daripada penceramah bebas. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Yang Berhormat Permatang Berangan, saya rasa mungkin kena fahamlah, kalau penceramah bebas kalau memegang jawatan dalam parti, itu bermakna daripada anggota sesebuah parti dan sebab tu saya kata bersetuju ataupun tidak bahawa dakwaan ataupun fitnah yang ditimbulkan pada Kerajaan Negeri Pulau Pinang waktu tu adalah daripada pembangkang sendiri. Itu saya minta penjelasan bersetuju ataupun tidak.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Dua sudah kata tak setuju lah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Tak setuju sebab saya tak tau siapa yang ceramah ni? Saya tak tau siapa yang ceramah, saya tak tau maksud daripada Sungai Acheh. Kalau dia sebut nama mungkin saya tau siapa dia.

Seterusnya tentang isu zakat merupakan nadi kewangan umat Islam Pulau Pinang kerana ini dimainkan oleh Zakat Pulau Pinang yang merupakan anak syarikat Majlis Agama Islam, dengan kutipan meningkat saban tahun menunjukkan keyakinan umat Islam membayar zakat, membayar di sana. Walau bagaimanapun, saya merasa pelik dan janggal, satu institusi yang cukup besar peranannya sehingga kini

gagal untuk melantik Ketua Pegawai Eksekutif yang baru. Sudah agak lama bagi menggantikan Dato' Hj. Azman Abdul Samat yang telah berhenti. Adakah kita rakyat Pulau Pinang ketandusan orang sehingga sekarang jawatan tersebut sekadar dipangku oleh Pengarah Jabatan Agama Islam. Saya amat percaya pelantikan CEO Zakat Pulau Pinang sewajarnya disegerakan demi masalah umat Islam itu sendiri kerana sejak ketiadaan CEO yang lama, tiada lagi rumah-rumah fakir miskin dibina dan banyak lagi program-program asnaf seolah-olah lesu dan tidak bermaya.

Seterusnya, maahad tahfiz negeri, maahad tahfiz swasta. Tadi Ahli Kawasan Pantai Jerejak ada bangkitkan. Rakyat rindukan maahad tahfiz negeri. Ditubuhkan pada sekitar tahun 1995 dan banyak melahirkan para penghafaz Al-Quran yang berkualiti, profesional dan menjadi kebanggaan negeri. Malangnya sejak ditelan oleh Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) semakin hari semakin lesu. Para pelajar tidak lagi berminat ke sana dan antara faktor adalah nama KITAB itu sendiri. Pengurusan kolej ini gagal bukan sahaja menguruskan tahfiz malah gagal dalam semua jurusan. Buktinya jumlah kemasukan ke kolej ini semakin mengerikan. Banyak jurusan yang tidak mendapat kelulusan MQA dan beban kewangan bergantung kepada peruntukan zakat semata-mata sedangkan peruntukan itu asalnya untuk maahad tahfiz negeri. Oleh yang demikian, saya cadangkan pembubaran kolej ini dan ditubuhkan semula maahad tahfiz negeri yang lebih diperlukan oleh rakyat jelata. Begitu juga perjalanan dan pentadbiran maahad tahfiz persendirian seluruh Negeri Pulau Pinang yang hanya bergerak dan berjalan sendiri. Terdapat 27 buah tahfiz tanpa bantuan yang banyak daripada Kerajaan Negeri. Adalah diharapkan agar pihak Kerajaan Negeri melalui EXCO Agama, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang dan Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang memberi perhatian dalam membantu maahad tahfiz persendirian yang ada di Negeri Pulau Pinang dari segi peruntukan, pembangunan infrastruktur, pendaftaran dan lain-lain demi memartabatkan Islam di Negeri Pulau Pinang.

Kelas KAFA. Kelas KAFA di Pulau Pinang semakin mendapat tempat. Kejayaan Pulau Pinang berada di kedudukan pertama dalam pencapaian UPKK Peringkat Kebangsaan amat membanggakan kita dan ini telah menjadi bahan kempen pihak Pakatan untuk menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk memartabatkan Islam di negeri ini. Atas kejayaan ini, seharusnya pihak Kerajaan Negeri mempertimbangkan tambahan untuk *ex-gracia* RM50 setiap bulan yang diterima oleh para guru-guru ini. Mohon Kerajaan Negeri kalau sungguh nak bantu KAFA ini, naikkan dan tambah bayaran *ex-gracia* kepada guru-guru yang hanya gajinya elannya RM850 ke RM900 sebulan.

Isu fatwa. Mohon penjelasan daripada pihak EXCO Agama berkaitan kedudukan fatwa-fatwa yang telah diputuskan tetapi belum digazetkan sehingga ke hari ini. Mohon dilaporkan apakah masalah yang timbul sehingga menyebabkan timbul masalah yang berkaitan dan senaraikan fatwa-fatwa yang terlibat.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, nasib peniaga jalanan. Saya amat bersimpati kerana golongan-golongan peniaga jalanan ni golongan yang berpendapatan rendah yang meniaga di merata tempat, yang meniaga di tepi-tepi jalan, di kawasan-kawasan *market* dan sebagainya. Mereka ini tidak mempunyai aset-aset dan juga perniagaan yang besar dan kadang-kadang kita merasa kesian melihat mereka ini diambil tindakan oleh pihak PBT meroboh, merampas dan sebagainya. Jadi kalau boleh kita nak golongan ini juga diberi perhatian, diberi ruang, tempat dan pihak Kerajaan Negeri berbincang dengan peniaga kecil dan baru ini saya tau YAB. Ketua Menteri ada berbincang dengan pihak peniaga kecil dan penjaja, jadi cari satu kaedah jalan untuk bantu mereka menyelesaikan masalah. Kalau di *market* Sungai Dua tu, ada peniaga 9 orang, buat satu tempat dekat *parking*, 9 lot, 10 lot untuk mereka meniaga di situ. So tak payah ada masalah, kita kutip bayaran kepada mereka. Jadi kita kena sediakan ruang dan tempat untuk mereka berniaga dan mendapat kemudahan. Bila kita mengambil tindakan meroboh dan sebagainya, ia akan menjadi satu isu. Isu balik kepada Kerajaan Negeri bahawa kita bertindak zalim dan sebagainya. Kadang-kadang peniaga tak bangkitkan kesilapan dia, dia bangkitkan isu kesilapan kat Kerajaan Negeri. Jadi kita kena selesaikan masalah ini untuk membantu semua pihak.

Isu penghapusan tol. Jadi tadi dah dijelaskan tentang tol jambatan dan juga Tol Sungai Nyior. Jadi dalam PRU 14 dulu ada yang menyebut pihak, Air Putih yang menyebut bahawa tol jambatan akan dimansuhkan dan jawapan tadi pun dah diberikan bahawa bergantung kepada keputusan pihak Kerajaan Persekutuan ataupun kos-kos yang perlu ditanggung untuk penyelenggaraan dan sebagainya. Jadi, saya melihat ini merupakan satu perkara yang dituntut, dibangkitkan sama ada oleh pihak kami Pembangkang ni dan juga pihak rakyat. Rakyat pun nak, dah dengar benda ni, nak tengok apa yang perlu dibuat dalam penghapusan, pemansuhan tol jambatan dan juga Tol Sungai Nyior. Jadi kena ada satu inisiatif, satu usaha untuk menyelesaikan janji ini, menyelesaikan masalah ini supaya tol di jambatan boleh dimansuhkan dan juga Tol Sungai Nyior. Ini merupakan satu benda yang memberi kesan yang tidak baik kepada pihak Kerajaan.

#### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Mohon mencelah. Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Ketua Pembangkang ada timbulkan tentang isu tol di Sungai Nyior. Kawasan saya so saya terpaksa mencelah. Ketua Pembangkang menyatakan bahawa imej kerajaan terlibat dalam isu tol ini. Setujukah Ketua Pembangkang bahawa

pengenalatan ataupun pengenalatan tol ini di Sungai Nyior ini pada mulanya diperkenalkan RM0.50, masa itu Menteri Kerja Raya daripada MIC, sekarang dah Tun, Tun Samy Vellu. Selepas itu, walaupun sedari sekarang Ketua Pembangkang mungkin sudah insaf, dia sedar itu satu kesilapan terlibat imej kerajaan, setujukah Ketua Pembangkang, tol itu sendiri adalah satu kesilapan dan menaikkan kadar tol daripada RM0.50, lebih 100%. *I think* RM1.30, RM1.20. Saya tak guna tol tu. RM 1.20 satu kesilapan oleh Kerajaan sebelum ini ataupun Barisan Nasional itu sendiri. Itu adalah kesilapan berpunca daripada Barisan Nasional. Setujukah Ketua Pembangkang dengan pandangan itu?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Dia nak perangkap saya ni. Kita buat tol ni, pembinaan tol zaman Tun Mahathir lah. Zaman PM lah. Waktu BN, waktu BN, zaman Tun...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

*I think* Ketua Pembangkang *misleading*. Pengenalatan tol itu masa Tun Abdullah Badawi jadi PM.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Mahathir...

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Sungai Nyior.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Ooo..saya kata tol semua. Jadi, tol ini dibuat dibina untuk kemudahan dan dia ada konsesi dia. Konsesi untuk tol. Sekian sekian tahun untuk penyelenggaraan dan sebagainya. Jadi, bila saya, soalan tadi saya lupa dah?

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Sekarang Ketua Pembangkang menyatakan pemansuhan tol itu perlu dibuat sebab ia melibatkan imej Kerajaan Negeri seolah-olah tol itu membebankan rakyat. Setujukah Ketua Pembangkang bahawa pengenalatan tol itu sendiri di Sungai Nyior yang pada dulunya RM0.50 selepas itu dinaikkan lebih 100% ke RM1.20 adalah satu kesilapan oleh Barisan Nasional itu sendiri. Itu soalan saya. Setuju tak?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Dia, nak jawab macam mana. Kita buat untuk kemudahan dan kita dah janji nak mansuhkan untuk kemudahan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Ketua Pembangkang, soalan saya senang. Setuju atau tidak setuju? Senang. Setuju atau tidak setuju?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Tidak setuju.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Tetapi mahu dimansuhkan?

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta laluan, sedarkah jambatan daripada Seberang Jaya kepada jalan di Sungai Nyior itu telah dibina siap bina pada tahun 1996. Untuk BORR adalah pada tahun 1995 di mana RFP telah dipanggil. Sudah siap bina tol daripada Seberang Jaya kepada Lunas telah ditetapkan dan telah ambil kira daripada tol yang sekarang ada sampai, sampai NBCT 6 kilometer telah digunakan percuma pada masa itu. Mengapa Kerajaan Negeri pada masa itu Barisan Nasional terus bersetujui bahawa boleh bina satu tol di sana dan membenarkan mereka kutip, kutip apa kutip tol di sana? Betulkah kita digadai RM50 juta untuk kutip 30 tahun. Mereka tidak ada sumber bayaran Kerajaan Negeri pinjam dia RM50 juta supaya dia boleh bayar RM50 juta ini dia kata tol telah digadai apa ni itu gadai telah dibayar, dan dia hutang RM50 juta tu bawah lain tajuk. Betulkah keadaan itu? Bersetujukah bahawanya, bersetujukah bahawa tol di Sungai Nyior tu diletak oleh Barisan Nasional untuk kutip duit daripada orang ramai?

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Okey, Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Saya tak mau jawab.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Tak mau jawab atau tak boleh jawab. Atau mengaku bahawa ini adalah satu kejam oleh Barisan Nasional terhadap orang Negeri Pulau Pinang.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

*You* tak tengok...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya sudah tengok...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

*You* tak tengok apa kemudahan masyarakat dapat...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Apa kemudahan, kemudahan adalah, kemudahan adalah tipiskan di poket mereka. Kemudahan adalah kerana keluar syiling...(gangguan) itulah. Itulah...(gangguan) .

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Tak elok tak cantik tak buat ...(gangguan).

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Puyu duduk....(gangguan). Sungai Puyu dengan Sungai Dua...(gangguan). Sungai Puyu dan Sungai Dua...(gangguan). Dua-dua orang lama di Dewan tunjuk kepada mereka yang di sini yang baharu bahawanya ikut peraturan. Sila Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Seterusnya saya nak habis dah....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Dato' Speaker, saya nak ikut peraturan iaitu kata kalau soalan ditanya soalan-soalan ditanya harus dijawab. Kalau tidak jawab kata saya tak berani jawab atau saya tak berani jawab, atau saya langsung tak tau macam ini sahaja. Jawab mesti mau jawab. Kena bagi satu pendirian bahawanya tol di Sungai Nyior adalah diletak oleh Barisan Nasional kerana nak jaga dia punya oranglah.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Itu tak boleh kata macam itu. Tuduh macam tu.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Dua.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Ini bukan tuduhan. Ini kisah benar, kisah benar. Tengok tol sana tengok orang kena bayar....(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

*You* tuduh Tun Mahathir.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Apa kata Tun Mahathir.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cukup, cukup Sungai Puyu.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Tun Mahathir masa itu UMNO juga.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Puyu cukup ya. Nanti saya bagi keluar hari pertama.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Sekarang *you* ikut dia.

### **Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Sungai Dua berhak tak mau jawab. Tak apa itu *floor* dia.

### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Seterusnya Dato' Yang di-Pertua tentang isu-isu dalam DUN Sungai Dua bila *you* tekan saya, terus saya ke isu nombor dua. Pertama, isu yang berkaitan dengan Pantai Jerejak bangkit tadi Masjid di Batu Maung. Senarai yang panjang pihak ICU tarik balik atau pun tangguh, tangguh kelulusan pembinaan. Masuk dari Sungai Dua ada dua, satu Masjid Permatang Bogak dan satu lagi Sekolah Agama Rakyat Permatang Buluh Sa'adatul Darain. Memanglah dah nak keluar tender dah. Tapi tak sampai lepas pilihan raya habis terpaksa ditangguhkan saya minta dua ni tolong dimasukkan. Minta jasa baik minta dimasukkan semula sebab sekolah agama rakyat ini memang bangunan yang uzur pelajar dia ramai dan enam (6) kampung di situ. Semuanya perlukan satu bangunan baharu. Dan Masjid Al-Mubarak ini telah ditambah bendang untuk dibuat bangunan. Tak dapat peruntukan tambahan bangunan bina masjid memang dah lulus dah tapi ditangguhkan.

Kedua, tanah perkuburan Islam yang makin sempit di kawasan Sungai Dua. Jadi saya minta pihak Majlis Agama, Jabatan Agama bincangkan buat satu perbincangan dengan pihak masjid khususnya di kawasan masjid Sungai Dua Masjid Al-Rashid, memang situ ada banyak taman-taman perumahan yang muncul di situ Taman Desa Murni, Taman Sungai Dua Utama, Taman Merbau Indah dan sebagainya menyebabkan kawasan kubur tu jadi sempit dan dah penuh. Perlu ada alternatif lain untuk dapatkan tanah wakaf dan sebagainya untuk pembinaan kubur dan juga di kawasan lain Sungai Lokan, Permatang Tok Jaya, Nyior Sebatang dan semualah kawasan yang sempit dari segi tanah perkuburan.

Ketiga, tentang laluan Bas Rapid tetapi *Alhamdulillah* jawapan soalan bertulis saya dapat dah. Memang dah ada laluan di situ di kawasan Sungai Dua. Saya dikejutkan pada pagi dua, tiga minggu lepas bas diberhentikan. Budak-budak sekolah tak dapat ke sekolah dan saya *call* Rapid memang dihentikan laluan di situ dan *Alhamdulillah* masuk balik dah. Terima kasih kepada pihak Rapid.

Kelima, tentang kesesakan jalan di Sungai Dua di Pekan Sungai Dua. Saya harap dapat cari jalan penyelesaian khususnya di waktu pagi dan juga petang dan memang kawasan tu agak sesak memang menimbulkan masalah kepada semua pengguna jalan raya yang nak pergi ke tempat kerja dan sebagainya akan timbulkan masalah.

Dan seterusnya tentang perumahan awam di Sungai Dua minta dilihat semula dari segi sistem saliran di situ yang memang menimbulkan masalah banjir di kawasan taman perumahan awam. Penjelasan ke atas jawapan bertulis sikit iya, Dato'. Memandangkan soalan bertulis saya akan tanya soalan tentang UEC dan jawapan daripada Perai yang memang Pakatan Harapan dalam manifesto akan terus mengiktiraf, akan berjanji untuk mengiktiraf Sijil UEC sebagai syarat untuk memasuki IPTA dan IPTS dan syarat pemohon syarat tambahan dia pemohon memiliki kepujian dalam Bahasa Melayu di peringkat SPM. Jadi saya rasa ini jawapan yang diterima dan saya minta jawapan itu perlu dikekalkan kalau nak iktiraf UEC pun kita nak kepujian dalam Bahasa Melayu di peringkat SPM itu tak perlu diadakan. Sebab saya memang membantah UEC ni sebenarnya kerana UEC ialah sijil untuk pelajar-pelajar sekolah persendirian mungkin ramai kawan-kawan saya pun ada UEC cuma kita kena melihat dari segi tujuan UEC tidak diiktiraf tu sebab kerana kita nak satu bentuk Bahasa Malaysia yang semua terlibat dalam satu sistem SPM, STPM dan sebagainya.

So, tidak ada dua percanggahan kerana bila kita ada UEC, UEC ini yang saya faham anak buah saya dia ambil UEC, dia sijil yang dikeluarkan oleh pihak kepada pihak tak silap sayalah kepada pihak Taiwan bukan Malaysia tetapi dalam subjeknya tu tak kebanyakannya dalam Bahasa Mandarin kecuali Bahasa Malaysia adalah Bahasa Malaysia pun ada dalam UEC. Cuma saya takut bila diiktiraf sepenuhnya apa akan jadi dengan Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Cina yang bantuan penuh kerajaan dan sebagainya. Depa ini pun akan mengambil SPM jadi kita nak ada satu penyelarasan kalau macam ini mungkin dia nak juga syarat Bahasa Malaysia tu lulus SPM, lulus Bahasa Malaysia.

Kedua, tentang pertubuhan belia dalam kawasan Tasek Gelugor. Kawasan DUN Sungai Dua saya tengok banyak persatuan belia, pertubuhan belia yang ada yang perlu juga diberi satu didikan dan nafas baru kepada kepimpinan belia ini dalam meneruskan aktiviti mereka di peringkat ini. Saya minta penjelasan seterusnya tentang peruntukan yang disalurkan pada pertubuhan belia untuk tujuan pengurusan, pentadbiran dan pelaksanaan program perlu diberikan juga kepada pertubuhan belia yang berdaftar ini, sekarang ini dah ada Kerajaan Pusat bersama dengan Kerajaan Negeri saya rasa tidak ada masalah untuk menghidupkan pertubuhan belia dan melahirkan pelapis-pelapis kepimpinan.

Tugas Penyelaras KADUN bagi kawasan Sungai Dua. Jadi saya tengok tugas yang diberikan ini memang agak banyaklah termasuk peruntukan juga disediakan. Saya harap Penyelaras KADUN ini akan dapat menjalankan tugas dengan baik sebaik mungkin untuk menyelesaikan masalah dan ini mungkin dapat meringankan beban saya jugalah. Saya tak ada peruntukan. YB. *without* peruntukan tidak ada

peruntukan mungkin dengar kata YAB. Ketua Menteri nak bagi sikit *Alhamdulillah*, terima kasih. Bagi sikit ja YB. untuk peruntukan bagi menjalankan aktiviti jadi saya harap Penyelaras KADUN sepatutnya dapat terus bersama-sama dalam kita menyelesaikan masalah masyarakat di kawasan Sungai Dua.

Jadi lain-lain saya ingat saya dah jelaskan cuma satu lagi Projek Ladang Malakoff tanah tu 1,000 ekar lebih. Jadi saya harap pembangunan ini belum dapat lagi jawapan yang diberikan belum ada lagi Kebenaran Merancang. Jadi saya harap kalau boleh biar dia kelulusan itu...(gangguan).

**YAB. Ketua Menteri:**

Itu masih dalam peringkat perlingkungan zon.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Bila sampai ke peringkat Kebenaran Merancang peringkat Kelulusan Kebenaran Merancang tidak ada kesemua kategori rumah dalam tu ada jangan hanya rumah yang saya dengar cerita kata rumah yang RMM Kategori C sahaja ke atas. Jadi saya tak berapa setuju kalau hanya rumah itu sahaja yang ada. Kalau boleh ada RMM Rumah Mampu Milik Kategori A, B dan seterusnya supaya masyarakat di kawasan sekitar dan juga kawasan-kawasan lain dapat mendiami kawasan yang akan dibangunkan oleh Syarikat SP Setia ini di kawasan Kepala Batas tapi di sempadan kawasan Tasek Gelugor.

Okey, saya ingat itulah beberapa perkara yang saya bangkitkan dalam ucapan ini. Jadi saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada Dato' Yang di-Pertua. Pada semua rakan-rakan Yang Berhormat yang telah mendengar pandangan dan juga buah fikiran daripada saya dalam, dalam isu-isu yang berkaitan dengan pembangunan negeri dan juga di kawasan Sungai Dua.

Semoga kita dapat sama-sama memberi teguran dan juga buah fikiran dan mungkin dapat diterima untuk kita sama-sama membangunkan Negeri Pulau Pinang dan saya ucapkan terima kasih sekali lagi.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Cukup, cukup, cukup?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Ya, cukup.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Tak cukup saya bagi lagi.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd Noor):**

Maaf jika ada salah dan silap dalam ucapan saya tadi dan dengan ini saya mohon menyokong.

**Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih Ketua Pembangkang. Seterusnya kita masih dalam sesi perbahasan. Yang Berhormat Kawasan KOMTAR.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih. Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan YB. KOMTAR.

**Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng):**

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas usul ucapan terima kasih kepada Tuan Yang Terutama Tun Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang, di Dewan yang mulia ini, di bawah Malaysia Baharu ini.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakyat Pulau Pinang yang memberi kemenangan kepada Pakatan Harapan untuk terus mentadbir Negeri Pulau Pinang bagi penggal yang ketiga. Kerajaan Negeri telah berusaha dan melaksanakan dasar-dasar yang berjiwa rakyat untuk memajukan Pulau Pinang pada dua (2) penggal yang lepas. Dengan adanya sokongan yang diberi oleh rakyat, saya percaya Kerajaan Negeri akan terus bertungkus-lumus untuk menepati kesemua janji-janji dalam manifesto Pakatan Harapan PRU-14. Dengan kemenangan rakyat pada 9 haribulan Mei 2018, Negeri Pulau Pinang telah betul-betul melucutkan gelaran Negeri Pembangkang. Pulau Pinang juga telah bersama-sama dengan Kerajaan Pusat sebagai Kerajaan Pakatan Harapan maka dengan ini segala urusan antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan dapat disinergikan. Seperti apa yang disebutkan dalam ucapan Tuan Yang Terutama Tun semasa perasmian.

Sekarang adalah masanya kedua-dua kerajaan bekerjasama untuk melaksanakan projek-projek yang akan memanfaatkan rakyat Pulau Pinang. Projek-projek tebatan banjir yang telah lama ditangguhkan perlulah dilaksanakan secepat mungkin supaya rakyat tidak lagi mengalami banjir kilat. Kerajaan Pusat perlu membina lebih banyak projek PPRT untuk rakyat Pulau Pinang kerana pada 10 tahun yang lepas, tiada PPRT pun dibina oleh Kerajaan Pusat Barisan Nasional.

Bagi projek pengangkutan awam yang dirancang dalam *Penang Transport Master Plan* perlu diluluskan serta merta supaya projek LRT dari KOMTAR ke Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas boleh dimulakan. Dalam persidangan DUN ini. Ketua Pembangkang akan dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira (PAC), untuk menunaikan janji manifesto Pakatan Harapan Pulau Pinang PRU-14. Bagi memainkan peranan semak dan imbang, *check and balance...* (dengan izin) bagi janji jawatan Ketua Menteri dihadkan kepada dua penggal. Kerajaan sedang membuat persiapan untuk pindaan Perlembagaan Negeri Pulau Pinang. Deraf telah dihantar kepada Pejabat Peguam Negara untuk mendapat pandangan jika diluluskan dalam sidang DUN yang akan datang, pindaan ini boleh dijadikan rujukan kepada Kerajaan Pusat yang merancang menghadkan jawatan Perdana Menteri kepada dua (2) penggal.

Jika janji-janji manifesto ini dapat ditunaikan maka ia akan terus memperkasakan lagi pentadbiran Kerajaan Negeri yang Cekap, Akauntabiliti dan Telus (CAT). Federalisme di Malaysia agak kuat, di mana Kerajaan Persekutuan terus memegang lebih banyak kuasa berbanding dengan Kerajaan Negeri. Saya ingin menyeru kepada Kerajaan Persekutuan yang baharu supaya menghidupkan konsep federalisme yang sebenar dengan menurunkan kuasa kepada Kerajaan Negeri. Kuasa negeri-negeri akan diperkukuhkan lagi dengan menurunkan beberapa kuasa yang sesuai kepada negeri. Seperti kuasa untuk pentadbiran pengangkutan awam, pendidikan, keselamatan, perkhidmatan, kebajikan dan sosial. Untuk membiayai kuasa negeri yang dipulangkan ini, sekurang-kurangnya 10% daripada hasil cukai pendapatan dapat dipulangkan kepada negeri-negeri tempat pembayar cukai bermastautin seperti yang terkandung dalam Buku Harapan. Negeri Pulau Pinang merupakan antara negeri yang banyak membayar cukai pendapatan kepada Kerajaan Persekutuan.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, satu lagi perjuangan Pakatan Harapan Negeri Pulau Pinang yang boleh direalisasikan selepas 509, adalah melaksanakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan (*Local Government Election*) untuk perkasakan demokrasi tempatan. Untuk memindahkan balik kuasa kepada rakyat memilih Ahli-ahli Majlis dan seterusnya mempertingkatkan keupayaan pentadbir PBT. Pada bulan Mei 2012, Kerajaan Negeri telah meluluskan Enakmen Pilihanraya Kerajaan Tempatan Pulau Pinang dan Seberang Perai 2012 demi mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan tetapi ia telah gagal dilaksanakan kerana kita tidak dapat sokongan daripada Kerajaan Persekutuan yang lepas. Dan kes ini selepas itu dibawa ke Mahkamah Persekutuan dan didapati bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan. Menurut jawapan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dalam Parlimen baru-baru ini. Banyak akta-akta yang perlu dipinda dan juga perlu mengambil kira kos yang ditanggung untuk melaksanakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan. Justeru, ia akan mengambil masa lebih kurang tiga (3) tahun.

Di sini, saya ingin mencadangkan agar Pilihanraya Kerajaan Tempatan ini, boleh dijadikan sebagai projek perintis di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur yang pernah mengadakan Pilihanraya Kerajaan Tempatan ini sebelum ia diadakan di seluruh negara.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, isu ketidakpuashatian penggunaan terhadap perkhidmatan feri Pulau Pinang bukanlah satu topik yang baharu. Namun keadaan feri sekarang telah mencapai tahap kritikal dan tindakan mengganti feri baru perlu dilaksanakan secara secepat mungkin. Menurut siaran akhbar pada 6haribulan Julai lepas, feri Pulau Payar yang dalam perjalanannya dari bahagian Pulau ke Seberang Perai telah terkandas di laut. Dan memerlukan bantuan kapal tunda untuk menyelamatkan ke semua penumpang di atas feri berkenaan.

Untuk makluman semua, Prasarana telah mengambil alih perkhidmatan feri Pulau Pinang pada 1 Julai 2017 dan secara rasminya pada 30 April 2018. Namun masalah kerosakan feri masih kerap berlaku. Jika kita lihat rekod daripada *Facebook* Rasmi Rapid Ferry, kerosakan feri telah berlaku banyak kali pada tarikh-tarikh ini iaitu pada 23 Mei, 28 Jun, 30 Jun, 2 Julai di mana alasan yang diberi adalah enjin *overheating* yang menyebabkan jadual perjalanan feri yang berkenaan terpaksa dibatalkan. Ini tidak termasuk pembatalan jadual perjalanan yang tanpa memberi alasan pada 11 Julai, 23 Julai dan 24 Julai baru-baru ini. Juga pada *China Press* hari ini, masalah aduan tentang tandas di feri di atas feri dan di dalam feri perlu dipertingkatkan. Ini adalah gambar. So, jangan tunjuk lama sangat. Tak boleh makan nanti. Saya telah meminta pembantu saya untuk mendapatkan cadangan dan pendapat pengguna feri tentang pengubahsuaian perkhidmatan feri. Sejak pengambilan oleh Rapid Ferry, jawapan yang saya terima kebanyakannya tidak positif. Mereka berasa perkhidmatan feri masih tidak memuaskan. Mereka berasa perkhidmatan feri perlu ada penambahbaikan dari segi mutu perkhidmatan. Pengguna feri berasa pihak pengurusan perlu mengambil tindakan bagi meningkatkan pengawasan di terminal dan di atas feri kerana mereka mendapati selalunya ada pengguna yang menyalahgunakan lintang VIP untuk memotong giliran

menaiki feri. Mereka sering juga nampak sesetengah pengguna yang menghisap rokok di luar bilik merokok dan tiada tindakan diambil untuk melarang atau mendenda perokok tersebut.

Selain itu, pengguna feri juga memberi cadangan untuk memperkenalkan sistem kad bagi mempercepatkan proses membuat bayaran seperti kad *touch N go* yang kini digunakan bukan sahaja di plaza tol tetapi juga banyak tempat letak kereta di pusat membeli-belah. Mereka juga merasa bahawa masa menunggu feri terlalu lama dan masalah ini boleh diselesaikan sama ada dengan menggantikan feri sekarang dengan feri yang lebih besar. Ataupun meningkatkan bilangan feri yang beroperasi pada masa puncak. Menurut seorang pengguna pada zaman kegemilangan feri Pulau Pinang, terdapat lapan (8) buah feri yang beroperasi dan pengguna tidak perlu tunggu sehingga setengah jam untuk menaiki feri. Daripada enam (6) buah feri yang masih beroperasi sekarang dua (2) buah sudah beroperasi selama 43 tahun. Dua (2) buah lagi beroperasi selama 37 tahun dan dua (2) yang terbaru pun sudah beroperasi selama 16 tahun. Sudah tiba masanya untuk kita menggantikan feri baru dengan feri yang lama beroperasi demi mengekalkan mutu perkhidmatan feri.

Baru-baru ini Menteri Pengangkutan telah mengumumkan satu berita baik bahawa Prasarana kini akan memperuntukkan RM90 juta bagi menaiktaraf fasiliti perkhidmatan feri Pulau Pinang dan pembelian feri baru. Menerusi Pelan Pembangunan Perkhidmatan feri Pulau Pinang daripada peruntukan ini sebanyak RM21 juta akan digunakan untuk tempoh 2018 dan 2019 bagi pembelian feri baru jenis penumpang. Prasarana juga akan melaksanakan kerja membaikpulih enam (6) buah feri sedia ada dalam tempoh tiga (3) tahun bermula tahun ini dengan anggaran kos RM13.7 juta.

Saya juga ingin mencadangkan semua feri lama ditransformasi menjadi satu *tourism product* yang baru. Membawa pelawat untuk aktiviti *sight seeing* di Selat Pulau Pinang. Perkhidmatan restoran atau gerai-gerai makanan boleh disediakan di atas feri supaya mereka boleh menikmati makanan dan pemandangan yang indah di Pulau dan Seberang Perai terutamanya Jambatan Pulau Pinang.

Pada masa yang sama saya berpendapat bahawa sekarang adalah masa yang sesuai untuk membincang semula *plan water taxi* yang pernah dibangkitkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2009. *Water taxi* boleh dijadikan pengangkutan alternatif kepada rakyat dan pelancong. Jeti kecil perlu dibina di beberapa kawasan tertentu untuk perkhidmatan *water taxi* antaranya Queensbay, The Light Jelutong, Persiaran Karpal Singh, Pengkalan Weld, Persiaran Gurney sehingga ke seberang, Butterworth, Batu Kawan dan Pulau Aman.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, dalam ucapan Tuan Yang Terutama Tun telah menyebut tentang perumahan mampu milik untuk golongan B40 dan M40 perlu diberi perhatian. Polisi perumahan rumah mampu milik Pulau Pinang memang menitik berat semua golongan rakyat yang memerlukan rumah. Membina 30% unit rumah kos rendah yang berharga RM42,000 dan rumah kos sederhana rendah yang berharga RM72,500 adalah syarat kepada pemaju yang ingin memajukan sesuatu projek perumahan. Bagi rumah mampu milik kategori yang lain adalah bermula daripada harga RM150,000 sehingga harga maksimum RM300,000.

Masalah yang dihadapi oleh pembeli, adalah pemaju mengenakan harga tempat letak kereta dan pakej pengubahsuaian yang terlalu tinggi. Saya pernah mendapat aduan bahawa satu tempat letak kereta campur dengan satu pakej pengubahsuaian kosnya. Kedua-dua pakej ini akan mencecah RM98,000. Hasrat Kerajaan Negeri untuk mencapai matlamat 'Satu Keluarga Satu Rumah' adalah baik. Tetapi malangnya akibat sikap sesetengah pemaju yang ingin mencari keuntungan, pembeli dipaksa mengambil pakej pengubahsuaian yang mahal sebagai contoh rumah yang berharga RM300,000 selepas ditambah dengan tempat meletak kereta dan pakej pengubahsuaian telah menjadikan harga rumah tersebut mencecah RM400,000. Rumah mampu milik ini tidak lagi mampu dimiliki oleh pembeli. Kes sebegini sentiasa dijadikan bahan serangan oleh pihak Pembangkang. Nasib baik jawatankuasa pembersihan dan peningkatan mutu proses pemilihan Perumahan Spek telah menetapkan harga siling untuk tempat letak kereta dan pakej pengubahsuaian adalah opsional dan bukanlah wajib kepada semua pembeli. Untuk menyelesaikan masalah kelulusan pinjaman bank yang rendah, saya menyokong dasar Kerajaan Negeri untuk mengadakan skim perumahan sewa beli. Penyewa boleh membayar sewa ansuran unit mereka dan selepas satu tempoh contohnya 20 tahun atau 25 tahun unit itu akan jadi milik mereka. Skim sewa beli juga membantu kerajaan mengurangkan tunggakan sewa.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Pan Island Link 1. PIL 1 merupakan salah satu topik yang paling hangat dibincangkan di kalangan masyarakat Pulau Pinang. Antaranya ada NGO yang telah membangkitkan soalan kenapa Kerajaan Negeri telah membuat keputusan untuk menyidiakan LRT dan pengangkutan awam yang lain tetapi masih memberi tumpuan kepada pembinaan lebuh raya. Kemudahan pengangkutan awam seperti LRT perlu tempoh yang tertentu untuk dilaksanakan. Sementara itu Kerajaan Negeri juga perlukan laluan alternatif untuk menangani masalah kesesakan lalu lintas yang sedia ada bagi menjaga kepentingan semua rakyat.

Kerajaan Negeri melalui inisiatif bas percuma CAT, berhasrat untuk menggalakkan lebih ramai orang untuk menggunakan kenderaan awam di Pulau Pinang. Kita boleh mengurangkan minat rakyat untuk menggunakan kenderaan sendiri dengan memperkenalkan sistem pengangkutan yang lebih lengkap tetapi pada masa yang sama adalah mustahil bagi Kerajaan Negeri untuk mengetepikan masalah kesesakan lalu lintas yang sedang berlaku sekarang. Projek PIL 1 adalah selaras dengan misi kerajaan iaitu model pengkongsian 40% kenderaan awam dan 60% kenderaan persendirian di mana masing-masing memerlukan sistem jalan yang sempurna.

Di bahagian Pulau Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu merupakan satu-satunya lebuhraya utama yang menghubungkan utara dan selatan bahagian pulau di mana bilangan trafiknya telah melebihi kapasiti dan dijangka menyebabkan kesesakan lalu lintas yang teruk. Justeru, pembinaan laluan alternatif utara selatan iaitu PIL 1 adalah penyelesaian yang terbaik untuk memperbaiki keadaan Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu. Dalam projek PIL 1 ini, terowong dan laluan bertingkat juga akan dibina demi mengurangkan impak projek terhadap alam sekitar kepada tahap minimum. Saya tidak menafikan bahawa projek PIL 1 akan membawa impak yang tertentu kepada alam sekitar tetapi di sini saya juga berharap agar kita semua boleh meninjau projek lebuhraya ini dengan mengamalkan sikap terbuka. Cadangan pembinaan Jambatan Pertama Pulau Pinang pada asalnya tidak disokong oleh orang ramai. Walau bagaimanapun, Jambatan Pertama ini telah disiapkan dan diikuti dengan Jambatan Kedua Pulau Pinang dan kini Kerajaan Negeri juga merancang untuk membina laluan atau *link* yang ketiga di Pulau Pinang. Semua ini merupakan sebahagian proses pembangunan bandar. Kerajaan Negeri telah mengambil langkah yang telus terhadap projek lebuhraya PIL 1, bukan sahaja mengadakan dialog dengan pihak terlibat, namun juga mengadakan pameran awam, laporan EIA bagi projek Lebuhraya PIL 1 untuk mendapatkan input rakyat terhadap projek ini. Saya berharap agar semua pihak boleh menyampaikan pendapat mereka kepada Kerajaan Negeri. Semoga selepas mendapat kelulusan daripada semua jabatan, projek ini dapat dimulakan secepat mungkin.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Penyakit tangan, kaki dan mulut (*Hand, Foot and Mouth Disease*) yang merebak adalah amat membimbangkan bukan sahaja di Negeri Pulau Pinang tetapi juga di negeri-negeri lain di seluruh negara. Seorang bayi lelaki yang hanya berusia 17 bulan di Pulau Pinang pada bulan Jun yang lepas telah meninggal dunia disebabkan oleh penyakit HFMD (*Hand, Foot and Mouth Disease*). Sehingga kini terdapat 39,174 kes membabitkan penyakit HFMD direkodkan di seluruh negara sejak Januari. Manakala bagi Pulau Pinang sebanyak 2,894 kes direkodkan yang mana berlaku peningkatan sebanyak 116% berbanding tempoh yang sama pada tahun lepas. Langkah pencegahan yang paling berkesan diumumkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia adalah menjaga kebersihan diri dan persekitaran. Penularan jangkitan HFMD sangat berkait rapat dengan amalan kebersihan diri dan persekitaran di mana ia mudah berlaku di tempat sesak serta mutu kebersihan yang rendah.

HFMD disebarkan dari individu ke individu melalui sentuhan langsung dengan virus berjangkit. Virus ini biasanya disebarkan oleh individu yang mempunyai tangan yang tidak dibasuh serta dicemari virus. Justeru tabiat menjaga kebersihan diri perlu dipupuk di kalangan kanak-kanak pada peringkat awal lagi. Saya ingin mencadangkan agar bahan pencucian tangan, poster langkah-langkah mencuci tangan dan poster membawa info HFMD boleh disediakan dan dipapar di kawasan seperti taska, sekolah, tempat-tempat awam, tempat makan, kompleks membeli belah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai. Inisiatif ini boleh dijalankan melalui kerjasama ADUN Kawasan, Kerajaan Negeri, sektor swasta dan pihak sekolah untuk mengurangkan kes-kes HFMD di Negeri Pulau Pinang. Bahan pencuci tangan sekarang juga ada jenis botol kecil seperti ini yang boleh kita bawa ketika kita pergi mana-mana tempat. Ibu bapa juga digalakkan untuk menyediakan pencuci tangan ini untuk anak-anak mereka. Media promosi seperti risalah boleh disediakan oleh Jabatan Kesihatan Negeri di tempat-tempat awam untuk diedarkan kepada orang ramai. Manakala media promosi jenis audio atau video juga boleh diberi kepada pihak pengurus tempat-tempat tersebut supaya dapat dimainkan di tempat awam ataupun sekolah supaya mereka lebih peka kepada HFMD. Hebahan HFMD juga boleh dilakukan secara *online* melalui *WhatsApp*, *WeChat*, *Facebook*, *Instagram*, *Twitter* dan *social media* yang lain.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Pulau Pinang sedang menuju ke arah bandar hijau dengan adanya pelbagai inisiatif yang mesra alam. Negeri Pulau Pinang merupakan antara negeri terawal yang melancarkan inisiatif Hari Tanpa Beg Plastik Percuma, Kempen "Say No to Polystyrene" untuk mengurangkan sampah yang dihasilkan. Program 3R yang diterajui oleh Kerajaan Negeri juga berjalan dengan lancar. Bukan sahaja persepsi kitar semula di antara rakyat Pulau Pinang telah meningkat, kita juga telah melaksanakan Dasar Pengasingan Sisa di Punca untuk mengurangkan bilangan jumlah sampah harian. Oleh itu, saya menyokong rancangan Kerajaan Negeri yang baru iaitu "Say No to Straw" demi mengurangkan penggunaan straw. Namun saya berharap, Kerajaan boleh melaksanakan polisi ini dalam beberapa fasa dan perlu menjalankan dialog bersama-sama pengkilang straw, peniaga dan wakil penjaja. Beri masa kepada mereka untuk mencari alternatif. Selain straw, penggunaan plastik pakai buang seperti pinggan, cawan serta sudu garfu pakai buang yang telah menyumbang kepada sampah sarap berlebihan dan tidak selaras dengan visi negeri. Oleh itu, saya juga ingin memberi cadangan kepada

Kerajaan Negeri supaya mengurangkan penggunaan plastik pakai buang ini dalam program-program anjuran Kerajaan Negeri. Kerajaan Negeri haruslah menjadi teladan memastikan barang-barang pakai buang ini tidak digunakan dalam semua aktiviti anjuran Kerajaan Negeri. Air minuman botol plastik juga merupakan salah satu penyumbang besar sampah yang biasanya disediakan dalam mesyuarat kerajaan dan aktiviti anjuran negeri. Saya berasa Kerajaan Negeri perlu berhenti menggunakan air minuman botol plastik dan sebaliknya menggunakan cawan atau *container* air untuk menyediakan air kepada para hadirin.

Konsep 3R bermula daripada *reduce*, kemudian *reuse* barulah *recycle*. Untuk mempromosikan amalan 3R kita perlu bermula dari langkah pertama iaitu *reduce*. Menurut sebuah kajian yang dijalankan pada tahun lepas, manusia dalam dunia ini telah membuang sebanyak 1 million botol air plastik setiap minit dan dalam jumlah tersebut hanya kira-kira 7% daripada semua botol air plastik ini berjaya dikumpul untuk dikitar semula dan 93% yang tertinggal, ditimbus di bawah depo sampah atau dibuang ke dalam sungai atau laut. Dalam aktiviti pembersihan harian yang kami usahakan kebanyakan sampah sarap yang dikutip adalah bahan-bahan plastik seperti ini. Ini kerja-kerja harian pembersihan daripada Majlis atau semasa program gotong royong. Pembuangan plastik di merata-rata tempat, pengurusan sisa pepejal yang tidak cekap dan penggunaan plastik yang melampau telah menyebabkan pencemaran plastik bertambah kritikal. Pencemaran plastik telah memberikan kesan secara terus kepada populasi hidupan liar seperti ikan paus, ikan lumba-lumba, burung laut dan penyu. Ini adalah gambar straw masuk dalam hidung penyu, dikeluarkan, semasa dikeluarkan berdarah. Jika dia tahu cakap sama Timbalan Yang di-Pertua, dia akan cakap "sakit, sakit, sakit" itulah...(ketawa). Ini dalam mayat, saya ingat burung, dalam dia semua plastik-plastik. So ini adalah apa yang disebabkan oleh pencemaran plastik. Saya percaya banyak akhbar serta platform media sosial telah pernah menceritakan tentang kesan pencemaran plastik dalam laut terhadap hidupan liar. Beberapa francais antarabangsa seperti McD dan KFC kini sudah mengambil inisiatif untuk mengurangkan penggunaan straw plastik dengan hanya akan memberi straw kepada pelanggan jika diminta. Inisiatif ini adalah berhubung dengan *trend* hentikan penggunaan straw plastik yang dijalankan di serata dunia sekarang.

Jika Kerajaan Negeri ingin meneruskan rancangan ini saya berpendapat bahawa Kerajaan Negeri patut memberi tempoh selama satu (1) tahun untuk proaktifkan rancangan ini supaya pembekal dan penjaja mempunyai masa yang secukupnya untuk berhenti menggunakan straw plastik ataupun mencari alternatif kepada straw plastik seperti straw kertas atau straw besi yang kian menjadi popular. Tempoh ini juga diperlukan untuk orang ramai membiasakan diri dan tidak bergantung kepada straw.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, ini bukan pertama kali saya membangkitkan isu burung gagak dalam Dewan yang mulia ini. Burung gagak merupakan haiwan perosak yang sering mendatangkan masalah di seluruh Pulau Pinang. Pada bulan yang lepas terdapat tiga (3) laporan akhbar yang melaporkan bahawa terdapat kejadian burung gagak menyerang pejalan kaki di Jalan Burma, Merak Jaya dan Taman Bukit Panchor. Pihak Kerajaan Negeri memang ada menjalankan tindakan menembak burung gagak setiap akhir tahun untuk mengawal populasi burung tersebut. Namun ianya tidak dapat menyelesaikan masalah infestasi burung gagak di kawasan tertentu. Selain daripada menembak, saya berpendapat bahawa adalah masanya pihak MBPP dan MPSP mencari kaedah yang baru untuk menangani masalah burung gagak ini kerana setahu saya program menembak burung gagak hanya dilakukan dari bulan Julai ke bulan Disember. Kita memerlukan satu pelan tindakan yang boleh dijalankan sepanjang tahun untuk mengawal masalah burung gagak dengan menyeluruh. Salah satu cara penyelesaian jangka pendek yang berkesan untuk menghalau burung gagak adalah dengan menggunakan bunyi kuat atau bunyi tertentu yang boleh mengejut burung gagak dan menghalau mereka daripada berkumpul di suatu tempat. Kaedah ini terbukti berkesan dan telah digunakan di kebanyakan negara barat dan juga disorkan oleh NGO penyayang haiwan di sana.

Walaupun cara ini tidak akan mengurangkan bilangan burung gagak, tetapi ianya boleh menghalaukan burung gagak dengan cepat dan memastikan burung-burung itu tidak kembali ke sarang asal mereka. Burung gagak merupakan burung omnivor yang boleh membantu mengawal serangga perosak di luar bandar. Namun mereka sering berhijrah ke kawasan bandar kerana terdapat lebih banyak punca makanan yang lebih senang dijumpai dari serangga dan buah yang terdiri daripada diet semula jadinya. Mereka akan berkumpul dimana-mana tempat yang mempunyai sisa makanan banyak. Oleh itu untuk menyelesaikan masalah burung gagak ini secara menyeluruh Kerajaan Negeri perlu berusaha meningkatkan tanggungjawab sivik di antara rakyat Pulau Pinang. Burung-burung ini ditarik oleh sisa-sisa makanan manusia yang sering dibuang merata-rata mahupun di sekitar rumah ataupun di restoran. Orang ramai perlu dipertingkatkan kesedaran untuk tidak membuang sampah merata-rata dan juga diberitahu bahawa tabiat mereka untuk membuang sampah sarap merata-rata adalah punca burung gagak berkumpul di suatu tempat tertentu.

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Pusat Transformasi Bandar atau dengan izinnya *Urban Transformation Centre* (UTC) adalah inisiatif kerajaan di mana rakyat dapat menikmati pelbagai perkhidmatan kerajaan dan sektor swasta dalam satu bangunan atau satu pusat sehenti. KOMTAR adalah antara bangunan yang sesuai untuk dijadikan sebagai Pusat Transformasi Bandar memandangkan terdapatnya pusat pentadbiran Kerajaan Negeri, pejabat MBPP, Perbadanan Bekalan Air, Pejabat Pos,

pondok Polis, Maybank dan kita boleh menggunakan unit-unit yang kosong untuk memasukkan perkhidmatan daripada jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan dan sektor swasta. Hal ini dapat mengatasi masalah unit-unit kosong dan juga menarik minat orang ramai untuk berkunjung ke KOMTAR.

Sebagai contoh penduduk di bahagian Pulau yang ingin memohon lesen *banner* MBPP juga perlu mendapatkan pengesahan penggunaan bahasa yang betul daripada Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Wilayah Utara yang berada di Bandar Perda. Tetapi jika kedua-dua perkhidmatan ini boleh disediakan di dalam bangunan yang sama iaitu KOMTAR, maka ia akan mempercepatkan lagi permohonan berkenaan. UTC yang sedia ada di negeri-negeri lain telah menyediakan 10 jenis perkhidmatan merangkumi; satu, perkhidmatan kebajikan dan pembangunan masyarakat. Yang kedua, perkhidmatan pendidikan, latihan dan pekerjaan. Yang ketiga, perkhidmatan pembangunan perniagaan dan keusahawanan. Yang keempat, perkhidmatan kesihatan. Kelima, perkhidmatan kewangan. Keenam, perkhidmatan kerajaan. Yang ketujuh, perkhidmatan pembangunan belia. Yang kelapan, perkhidmatan NGO. Yang kesembilan, perkhidmatan utiliti. Yang kesepuluh, perkhidmatan keselamatan.

Ini bermakna bila kita masuk ke KOMTAR nanti, kita boleh menikmati perkhidmatan yang berjenis-jenis termasuk jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Lembaga Hasil Dalam Negeri, ePerolehan, Imigresen, klinik kerajaan, kiosk PDRM, Jabatan Tenaga Kerja, bank, PTPTN, MARA, Tekun, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), TNB, TM, pusat belia dan lain-lain lagi. UTC ini juga beroperasi tujuh (7) hari seminggu dari pukul 8.00 pagi hingga 10.00 malam. Ini bermaksud golongan yang bekerja pada waktu siang juga boleh berurusan di UTC pada waktu lepas kerja. Kerajaan kita menyediakan pelbagai jenis perkhidmatan tetapi yang paling penting itu bukan sahaja kuantiti jenis perkhidmatan yang ada tetapi keberkesanan penyampaian perkhidmatan tersebut kepada rakyat. Saya berharap agar Kerajaan Negeri boleh mempertimbangkan cadangan ini dan seterusnya memohon untuk menjadikan KOMTAR sebagai UTC pertama di Negeri Pulau Pinang.

Sebelum mengakhiri perbahasan saya, sekali lagi saya percaya bahawa dengan adanya sokongan daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dapat memberi tumpuan sepenuhnya dalam pembangunan Negeri Pulau Pinang agar lebih pesat dan lebih kompetitif. Saya juga ingin merayu kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini untuk terus menyokong dasar-dasar Kerajaan Negeri yang dilaksanakan demi meningkatkan standard kehidupan rakyat di negeri kami cintai ini. Dengan ini, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

#### **Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri:**

Terima kasih YB. KOMTAR. Dipersilakan YB. Machang Bubuk.

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih kepada YB. Timbalan Yang di-Pertua. Salam Sejahtera, Salam Harapan, Salam Malaysia Baru. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk membahaskan dalam usul terima kasih kepada ucapan perasmian TYT Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakyat di Machang Bubuk dan Pulau Pinang yang telah memberi sokongan kepada Pakatan Harapan dan seterusnya mengangkat Pakatan Harapan sebagai Kerajaan Negeri Pulau Pinang serta Kerajaan Persekutuan di Putrajaya. Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada semua wakil rakyat yang terpilih, kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Padang Kota dan juga barisan EXCO yang telah dilantik sebagai EXCO. Tanggungjawab sebagai wakil rakyat amatlah berat kerana rakyat telah menaruh harapan yang tinggi untuk kepada Pakatan Harapan dan ingin melihat perubahan yang sedang dan bakal akan dilaksanakan. Janji-janji Pakatan Harapan perlu dilaksanakan agar agenda reformasi dapat direalisasikan. Rakyat ingin tengok, rasa kehidupan mereka akan menjadi lebih selesa dan berkualiti. Dalam era Malaysia Baru ini, pelbagai kemungkinan dan perubahan yang positif akan berlaku di bawah Kerajaan Persekutuan yang baru. Satunya antaranya adalah Kerajaan Negeri juga tidak ada alasan bahawa kita tidak dapat peruntukan atau sokongan daripada Kerajaan Pusat. Kita juga tidak ada alasan bahawa kita dianaktirikan lagi seperti yang sering kali dibangkitkan sebelum PRU 14. Maka pelbagai projek tebatan banjir, kenaikan infrastruktur seperti jalan raya persekutuan perlu dilaksanakan dengan kadar yang secepat mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin bangkitkan tentang isu reformasi DUN. Sistem Demokrasi Berparlimen perlu dimartabatkan demi membawa suara rakyat ke dalam DUN dan saya memang amat berbangga kerana DUN Pulau Pinang ini memang memberi ruang yang secukupnya kepada wakil rakyat untuk membawa isu-isu dan kita juga tahu bahawa DUN yang mulia ini adalah satu badan penggubal undang-undang. ADUN-ADUN selain daripada barisan EXCO sebenarnya tidak ada banyak kerja-kerja perundangan (*legislative work*). Kita diberi perbahasan tetapi kita tidak ada pengaruh yang secara terus atau ada kesan ke atas penggubalan sesuatu undang-undang yang baru di dalam Sidang DUN ini. Kita di *backbenchers* atau barisan penyokong kerajaan, kita hanya diberi Rang Undang-undang tersebut apabila ia telah disiapkan oleh Penasihat Undang-Undang atau Jabatan Perundangan. Saya mencadangkan agar

untuk melibatkan lebih ramai lagi ADUN *backbenchers* dalam proses *legislative work* ini (dengan izin) ini perlulah apabila kerajaan ada apa-apa rang undang-undang baru yang nak dikemukakan perlulah melibatkan ADUN-ADUN atau wakil rakyat dalam proses penggubalan tersebut khasnya dalam komen-komen dan ulasan daripada wakil rakyat supaya rang undang-undang itu dapat benar-benar mewakili dan juga memberi manfaat yang paling baik kepada rakyat. Dan satunya jawatankuasa tetap yang ada di DUN ini, yang aktif adalah Jawatankuasa Kira-Kira Kerajaan (PAC) yang kali ini saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri yang melantik, yang ingin mencadangkan Ketua Pembangkang untuk menjadi Pengerusi PAC. Inilah adalah salah satu keberanian dan keyakinan Kerajaan Negeri dalam segi memberi ruang yang secukupnya kepada pihak Pembangkang untuk memainkan peranan *check and balance* ini. Maka ini adalah satu perkembangan yang sihat dan saya rasa dengan sokongan yang begitu padu daripada rakyat kepada Kerajaan Pakatan Harapan, maka reformasi DUN ini perlu diperkembangkan di mana penglibatan Ahli-Ahli DUN Kawasan khasnya *backbenchers* perlu diangkat dan bukan sekadar sebagai *rubber stamps* sahaja.

YB. Timbalan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil membincang tentang isu pembangunan di Seberang Perai. Seberang Perai telah menjadi masa depan untuk Pulau Pinang dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri semasa memegang jawatan EXCO pada penggal yang lepas juga menyebutkan bahawa Seberang Perai *is the future of Penang*. Batu Kawan juga merupakan tumpuan pembangunan yang sedang pesat dilaksanakan.

Maka saya cadangkan perlu ada satu pelan pembangunan yang *holistic* untuk memastikan kesejahteraan dan kebahagiaan rakyat tidak tergadai dalam proses pembangunan tersebut. Semasa manusia berlumba-lumba mengejar pembangunan materialistik, adalah tanggungjawab kerajaan untuk memastikan kesedaran dan kualiti rakyat dapat dipertingkatkan. Kesedaran sivik di kalangan rakyat juga perlu diberi penekanan. Saya menyentuh tentang pembangunan di Seberang Perai ini, kerana ia juga melibatkan masalah nilai pasaran tanah yang tinggi. Saya tahu nilai tanah itu tanah adalah salah satu sumber utama pendapatan Kerajaan Negeri dan salah satu cara untuk menambahkan pendapatan Kerajaan Negeri adalah memperbanyakkan tanah. Seperti apa yang kita maklum, salah satu cara untuk membiayai projek *Penang Transport Master Plan* ini, *the funding* model untuk membiayai projek LRT dan juga Pan Island Link ini adalah melalui projek tambakan laut yang akan bakal dilaksanakan di selatan Pulau. Dan ini telah menunjukkan sekiranya tanah itu tidak nilai tanah itu tidak tinggi, maka tambakan itu tidak dapat menyediakan nilai peruntukan-peruntukan yang mencukupi untuk membiayai projek tersebut.

Oleh itu, dia akan memberi kesan juga kepada tanah-tanah yang di sekeliling Pulau Pinang ini. Sekarang kita telah disebabkan oleh peningkatan nilai tanah yang begitu tinggi di Pulau Pinang, kerana Pulau Pinang kita mempunyai tanah yang begitu terhad, maka semua nilai hartanah, rumah-rumah yang dibina di atas tanah itu, kilang, kedai, semua sektor perniagaan perlu dibina diatas tanah dan kos tanah itu yang meningkat itu, telah menyebabkan nilai hartanah itu meningkat.

Oleh itu, kita akan berdepan dengan masalah termasuk kerajaan juga sama. Kita akan kita memerlukan peruntukan yang tinggi untuk mengambil balik tanah untuk menjalankan projek-projek kerajaan seperti buat jalan, longkang, kolam takungan, semua ini juga akan dibiayai oleh perbelanjaan atau peruntukan yang tinggi disebabkan oleh nilai tanah yang tinggi ini. Oleh itu...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

Minta pencerahan.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Okey.

**Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):**

Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Untuk makluman YB. Machang Bubuk, pada 1 Oktober tahun 2013, *density* Seberang Perai telah diturunkan daripada 60 unit perekar kepada 6, 11 dan 30. Bagi kawasan Machang Bubuk Jalan Kulim, hanya 6 unit seekar saja dan untuk nisbah *plot* telah diturunkan daripada *one to five to...*(dengan izin) kepada *one to two* dan sesetengah tempat hanya dibenarkan *one to one*. Oleh itu dengan ini, tanah yang boleh dibenarkan untuk pembangunan telah diturunkan densitinya dan pembangunan yang boleh dibuat hanya untuk *landed property* dan ini menyebabkan harga rumah, harga *property*, harga komersial juga meningkat.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Bukit Tambun. Ya, yang membangkitkan tentang nisbah *plot density*. Cuma ia itu yang disebutkan oleh Bukit Tambun tadi, adalah tentang pembangunan yang akan yang sedang dilakukan untuk mengawal pembangunan di kawasan Seberang Perai. Ya. Cuma saya nak bangkitkan tentang perkara ini, kerana masalah nilai tanah yang terlalu tinggi ini. Ya, dia walaupun dalam satu (1) tangan, kita boleh dapat peruntukan dapat pendapatan yang tinggi untuk kerajaan. Tapi dalam sebelah tangan yang lain, kita juga

perlu menanggung akibat daripada kenaikan nilai tanah yang tinggi.

Maka saya juga ingin mencadangkan, walaupun saya rasa cadangan ini pun banyak kali telah disebutkan. Ya, kerana kita perlu mengubah, pembangunan atau menumpukan pembangunan-pembangunan industri ke seberang dan bukannya menumpukan pembangunan industri di kawasan Pulau dan tambakan laut yang bakal dilaksanakan, saya berharap supaya ia dapat dikaji semula kerana perkara ini berkaitan dengan *time changed* yang berlaku sekarang, dimana ia adalah tanggungjawab...(gangguan).

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Dato', boleh saya celah sekejap.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Okey.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

Dato' Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Machang Bubuk haa. Tadi dia cakap tadi tambakan laut yang semua ini. So, semua tadi kamu Yang Berhormat telah minta untuk dikaji semula. *Okay, so* apakah *timeline* Yang Berhormat yang, yang, yang fikir kita patut kaji semula. Kerana kita sedang mengkaji semua ini sejak lebih daripada lima (5) tahun, enam (6) tahun *almost the entire time we are here....(dengan izin), we have been studying this so*, kalau kita sudah menjanji kepada rakyat Pulau Pinang, dalam Manifesto kita dalam pilihan raya yang lalu, adakah anda cakap kita nak mengkaji lagi sampai pilihan raya yang akan datang yang ke 15.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Ya, terima kasih Pulau Tikus. Saya rasa saya nak mungkin nak buat satu perbandingan. Ya, mungkin perkara ini juga jarang disebutkan. Tapi kita juga tahu macam sekiranya ada penerokaan hutan-hutan. Sepatutnya macam di kawasan bukan di Pulau Pinang, tapi di kawasan jiran kita Kedah. Sekiranya kita tau negeri-negeri yang bergantung macam Kelantan dan Kedah. Ada yang banyak bergantung kepada penebangan hutan-hutan, dan salah satu usaha yang telah diberikan oleh Kerajaan Persekutuan, di mana jika Kerajaan Negeri itu tidak menebang hutan, maka satu hektar mereka akan diberi peruntukan untuk memastikan mereka akan melindungi, menjaga, memastikan hutan simpanan itu tidak disentuh, tidak ditebang.

Untuk tambakan laut, saya, saya tak ada satu *timeline*. Tapi saya rasa dia perlu dikaji semula atas beberapa sebab. Kerana kita tengok, kita Pulau Pinang bukan satu bukan sampai tidak ada tanah untuk dibangunkan. Kita masih ada tanah yang banyak di Seberang Perai, kenapa kita tidak berusaha untuk membangunkan kawasan Seberang Perai, itu satu. Kedua, jika kita benar-benar nak mendapatkan peruntukan untuk pendapatan untuk membiayai PTMP (*Penang Transport Master Plan*), ya, sekarang dulu kita memang tidak ada. Kita hanya bergantung kepada tanah.

Maka sekiranya, bolehkah jika kita katakan di tambakan laut di bahagian selatan itu, ada 1,000 ekar lebih. Itu 1,000 ekar, berapa Kerajaan Persekutuan jika kita tidak membuat tambakan laut? Adakah Kerajaan Persekutuan boleh memberi, menampung kos itu? Kerana ini adalah tanggungjawab bukan sekadar Kerajaan Negeri, *time changed* itu adalah tanggungjawab semua. *Let me finished first....(gangguan)*.

**Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):**

*Can I. Can I.*

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

*I will give you the floor. Let me finish first. Okay*, itu adalah satu cadangan supaya ya, kita boleh mempertimbangkan macam mana dia dapat dicapai dengan melalui kerjasama daripada Kerajaan Persekutuan juga, asalkan kita boleh mencari jalan lain. Sekiranya kita yang saya nak katakan *high light* di sini sekiranya kita nak tambakan laut adalah untuk mendapat pendapatan membiayai *Penang Transport Master Plan*, maka ada cara lain lagi yang saya rasa boleh kita usahakan dan sekiranya kita sudah buat tambakan laut, maka ia sudah tidak dapat di, dibaikpulih semula.

**YAB. Ketua Menteri:**

Tuan Yang di-Pertua, saya minta peluang untuk memberi penjelasan. Isu ini bukan isu baru, khususnya bagi Ahli Dewan yang masuk penggal yang kedua. Sebab isu ini memang dibahaskan dengan panjang lebar dalam sidang Dewan yang lepas, sehingga ada pelbagai isu, usul diketengahkan untuk kita bincang dan putus. Ada pula yang undi sokong, ada yang tak sokong, pun ada.

Saya cuma nak betulkan bahawa, sepatutnya Yang Berhormat Machang Bubuk pun sedar tujuan untuk tambakan laut. Ya, untuk membiayai projek-projek infrastruktur, tetapi Yang Berhormat mungkin tak ingat atau sengaja tak mau ingat, bahawa sebenarnya apabila Kerajaan Negeri menyatakan kita perlu tambakan laut, iya satu bahagian dia betul untuk membiayai dari tanah itu, menjanakan hasil untuk membayar kos projek infrastruktur.

Tetapi matlamat yang seterusnya yang juga tidak kurang penting, adalah tanah untuk pembangunan seterusnya. Iaitu sebahagian tanah mungkin boleh digunakan sebagai Lapangan Terbang Antarabangsa, sebahagiannya untuk perluasan *free trade zone* di Bayan Lepas dan Bayan Baru yang sudahpun mempunyai satu ekosistem yang cukup baik, dan perlu diperluaskan dengan kaitan dan rangkaian logistik dengan ekosistem yang sudah sedia ada diperkukuhkan supaya pembangunan industri kita dapat menjana hasil yang sepatutnya. Itu matlamat yang juga penting, tetapi sengaja tidak, tidak mahu ditekankan oleh NGO ka, oleh Ahli-ahli Dewan ini yang cuma melihat bahawa kalau tak ada tambakan, kalau ada sumber lain kita tak perlu tambakan.

Itu bermaksud bahawa ia kalau ada biayaan yang alternatif, untuk menampung kos infrastruktur, kita terima kasih. Kita pun banyak kali kata kalau Kerajaan Persekutuan mau membiayainya, kita pun mengalu-alukan. Tetapi, itu pun bermaksud bahawa tanah-tanah untuk pembangunan masa depan, sudah tak ada. Tanah di Pulau Pinang memang ada, di mana-mana negara pun ada tambakan laut. Mereka pun ada banyak tanah.

#### **Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Brazil.

#### **YAB. Ketua Menteri:**

Di Brazil, di Dubai, Doha, tanah luas. Tetapi mengapa mereka tambakan laut. Sebab nilai tanah, kedudukan tanah itulah penting. Dan tanah di PSR itu dengan dekatnya dengan ekosistem lapangan terbang, *free trade zone* akan menjana nilai yang penting bukan sekadar untuk menampung kos infrastruktur tetapi untuk digunakan untuk pembangunan masa depan. Kalau kita sediakan jangan anggap bahawa Kerajaan Negeri ada banyak tanah di Seberang Perai pun. Di Seberang Perai memang ada tanah, tetapi bukan milik Kerajaan Negeri. Semua milik bersendirian. Kalau kita mau, kita perlu bayar melalui pengambilan tanah. Kalau Yang Berhormat sangka di Seberang Perai memang luas tanah yang ada, khususnya di Sungai Bakap. Tetapi semua ada milik, bukan milik, bukan tanah kerajaan kalau kita nak gunakan untuk pembangunan industri di Batu Kawan pun kita perlu melalui pengambilan bukan tanah kerajaan pada mulanya. Sekian.

#### **Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri dan saya setuju terima kasihlah kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri yang telah memberi penjelasan tersebut dan saya rasa ini perlu diperjelaskan kepada orang ramai kerana kos tanah yang semakin tinggi itu yang memang menyebabkan kenaikan harga bukan sekadar hartanah tapi dari segi Kerajaan sendiri juga perlu menanggung beban tersebut sekiranya kita hendak membangun sesuatu kawasan.

So saya rasa saya teruskan kepada topik yang lain di mana saya juga ingin mengambil perhatian dari Dewan ini untuk membangkitkan satu isu di mana Kilang Kitar Semula Plastik yang telah merupakan fenomena dan juga kejadian yang semakin banyak di seluruh negara kita dan saya difahamkan di Negeri Pulau Pinang kita juga ada banyak kilang-kilang seperti ini yang mengimport bahan-bahan plastik daripada negara luar yang khasnya yang tidak diterima oleh Negara China sekarang mereka telah menghantar ke kawasan-kawasan di *South East Asia*, Asia Tenggara.

Oleh itu saya ingin minta supaya Kerajaan Negeri khasnya EXCO Alam Sekitar untuk memantau dan memastikan bahawa kilang-kilang tersebut tidak dapat beroperasi kerana saya juga menerima aduan daripada kawasan saya daripada penduduk kawasan saya di mana ada beberapa lokasi yang di Bukit Teh di Kampung Manggis, mereka telah ada kilang-kilang seperti ini yang disyaki bahawa mereka telah menjalankan kilang-kilang kitar semula ini dan saya harap perkara ini dapat dikawal dan dikuatkuasa supaya mereka tidak dapat menjalankan perkara-perkara tersebut dan YB. Timbalan Yang di-Pertua seterusnya saya juga...(gangguan).

#### **Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):**

Minta penjelasan, YB. Machang Bubuk tadi sentuh tentang kilang kitar semula plastikkan? Yang menurut, menurut berita saya lihat Menteri Tenaga Teknologi Sains Perubahan Iklim Dan Alam Sekitar, Yeo Bee Yin dalam satu sidang Dewan Rakyat menegaskan bahawa Malaysia tidak akan menjadi tong sampah sisa-sisa plastik dari negara maju dan saya rasa ini yang yang arahan ini sudah dikeluarkan daripada Menteri jadi tidak akan jadi isu seperti yang dibentangkan oleh YB. Machang Bubuk.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Berapit di atas penjelasan tersebut dan saya mengalu-alukan keputusan daripada Menteri di mana Malaysia tidak akan menjadi tong sampah maka saya pun harap Pulau Pinang tidak akan jadi tong sampah adalah lebih baik jika langsung tidak ada kilang-kilang seperti ini wujud di tanah yang kita cintai Pulau Pinang ini.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta penjelasan, memang Kerajaan Negeri juga memantau keadaan ini dan kami telah senarai kilang-kilang kami juga telah siasat dan kita juga berhubung dengan Kerajaan Pusat yang mana ada AP yang mana tiada AP untuk dikawalkan keadaan kami juga telah mencadangkan semua AP dibatalkan sementara waktu dan untuk tiga bulan ini tidak ada AP tidak boleh masuk sebab kita akan bersihkan kawasan. Memang ada banyak kilang-kilang tanpa izin, saya tak mahu gunakan haram tetapi tanpa izin tidak ada berlesen pihak MPSP dan juga daripada DOE telah senaraikan mereka dan tindakan akan diambil dengan segera, hal ini memang dibagi jaminan.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih Sungai Puyu yang memberi penjelasan. So saya harap tindakan yang tegas akan diambil ke atas mereka yang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya akan jemput Ahli Yang Berhormat bersama saya bila saya turun untuk membuat penguatkuasaan tetapi mesti tau bahawa sebagai seorang *lawmaker you cannot be a law enforcer* you boleh ikut saya tetapi tidak boleh bagi apa-apa kenyataan-kenyataan semasa kami buat operasi kerana ini menjejaskan tindakan *you a lawmaker you cannot be a law enforcer, so you can just watch without giving any comment or statement during the raiding and all these things, I will invite you. Thank you.*

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Okay terima kasih Sungai Puyu, seterusnya saya juga ingin mencadangkan agar Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan PBT kita untuk memperuntukan sejumlah wang untuk penglibatan rakyat dalam proses pembentukan belanjawan dan saya tahu kerana sekarang adalah dalam proses pembentukan belanjawan untuk tahun 2019 dan saya juga mengharapkan supaya ADUN dan juga Ahli Parlimen juga perlu diberi ruang untuk mengambil bahagian dalam menyampaikan pandangan dan cadangan bagi membangunkan memperbaiki sesuatu kawasan semacam program seperti dialog bajet yang lebih meluaskan lagi supaya wakil-wakil rakyat kita dapat mengambil bahagian secara terus dalam pembentukan belanjawan Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Tempatan.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyatakan di sini iaitu aduan rakyat itu bukan aduan atau perkara-perkara yang kecil atau remeh. Kita sebagai Wakil Rakyat, kita seringkali menerima aduan daripada rakyat dan kita seolah-olah seperti *fire fighting* ada isu dibangkitkan kita pergi selesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat itu dan saya di sini saya juga mencadangkan supaya kita perlu tau tentang punca-punca aduan tersebut dan juga mengenalpasti bahawa apakah jalan penyelesaian yang lebih baik dan maka saya harap jabatan-jabatan dan juga agensi-agensi kerajaan yang perlu menangani isu-isu rakyat itu perlu lebih proaktif dan mengeluarkan cara yang lebih mesra pelanggan itu dapat dilaksanakan.

Saya ingin mengambil satu contoh yang telah diambil oleh MPSP di mana baru-baru ini mereka telah mengadakan satu *hack fest* yang di mana menjemput orang awam atau *university student* atau apa-apa pakar profesional datang untuk membincangkan membincangkan macam mana merealisasikan satu kaunter aduan yang boleh menyelesaikan isu-isu yang dihadapi oleh rakyat. Itu satu percubaan yang bagus yang saya harap ia dapat diteruskan supaya ia dapat melibatkan lebih ramai lagi yang boleh menyumbang kepada macam mana menangani isu-isu masalah yang telah dihadapi oleh rakyat ini.

Tuan Timbalan Yang di-Pertua, isu tebatan banjir. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana telah meluluskan Projek Kolam Takungan Alma yang akan sedang diproses reka bentuk. Saya ingin membangkitkan satu contoh yang telah digunapakai oleh Bandaraya Bangkok yang mereka telah menggunakan satu tapak hijau yang dikenali sebagai *Chulalongkorn University Centenary Park* atau CU Park untuk menguruskan kuantiti air hujan, taburan hujan sehingga satu juta gelen apabila taburan hujan luar biasa yang sekarang di Kolam Takungan Alma ini saya juga ingin berharap kepada EXCO Tanjung Bunga supaya boleh kita sama-sama mengkaji kerana tanah itu yang seluas lima (5) ekar lebih itu boleh dijadikan bukan sekadar kolam takungan tapi ianya boleh dijadikan tempat rekreasi dan juga mempunyai kapasiti yang lebih tinggi seperti 50AR air.

Yang seterusnya Tuan Timbalan Yang di-Pertua, tentang isu pekerja asing. Saya sering kali, dalam Perkhidmatan Bas Percuma ada orang ramai yang membangkitkan bahawa bas percuma itu sebenarnya kita kena menghalang tak boleh membiarkan pekerja asing untuk naik bas percuma, Hostel pekerja asing

itu tidak patut dibina kerana menimbulkan gangguan kepada orang-orang tempatan. Maka saya nampak ada satu fenomena di mana kita cenderung kepada masyarakat awam kita, cenderung untuk ada satu diskriminasi terhadap pekerja asing.

Saya rasa isu ini perlu ditangani dengan berhati-hati kerana kita tidak boleh menafikan bahawa sumbangan pekerja asing itu kepada pembangunan ekonomi negara kita, mereka telah bekerja di bidang-bidang kerja yang selalu dikatakan 3D itu, *difficult, dirty, dangerous*, kerja-kerja yang tidak ingin diambil oleh pekerja-pekerja tempatan. Masalahnya bukannya pekerja-pekerja tempatan tidak mahu bekerja di sektor tersebut tetapi adalah gaji yang terlalu rendah, gaji terlalu rendah orang tempatan tidak mahu bekerja di sektor tersebut.

Maka kita perlu memasukkan sebab banyak majikan-majikan perlu menjalankan dia punya operasi jika tidak industri tidak boleh berjalan. So macam mana nak menghentikan atau mengurangkan pekerja asing itu. Ia perlu ada satu pendekatan yang holistik ia bukan sekadar kata okey kita tidak mahu pekerja asing tapi kita mahu pekerja asing tapi kita tidak menyediakan penempatan yang sesuai. Kita tidak layan mereka seperti manusia, itu tidak betul itu pun tidak patut. Maka kita perlu ada satu penyelesaian atau menangani isu ini dengan rasional dan bukan dengan sikap *Sinophobia*. Orang-orang asing ini bukan orang asing semua, orang asing putih tidak ada masalah malahan mungkin diangkat lagi tinggi lagi tapi orang asing yang saya maksudkan yang mungkin kulit dia lebih hitam atau dia bukan dari, bukan saya terus terang sini ya mereka telah didiskriminasikan. So saya rasa perkara ini perlu kita tangani dengan baik sebab kita selalu berdepan dengan isu pekerja hostel pekerja asing yang akan dibina di kawasan Permatang Tinggi juga di kawasan saya. Ada orang kata kita perlu berdepan kenapa kita nak bagi mereka tinggal di tempat-tempat hostel begini lagi. So ini adalah satu lagi isu yang saya rasa kita perlu tangani dengan lebih sensitif lagi. Dipersilakan Bagan Dalam.

#### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Terima Kasih Yang Berhormat Machang Bubok. Okey, berkenaan dengan cadangan Machang Bubok saya bersetuju. Pendekatan yang lebih holistik dan kita tidak patut diskriminasi mana-mana manusia atas kewarganegaraannya ataupun bidang pekerjaan yang dipilih. Tetapi *in the same look...* (dengan izin), saya ingin menyatakan di sini, pekerja asing dia datang di sini kerja mengikut undang-undang mengikut peraturan negara tidak ada masalah. Kita pun tidak patut diskriminasikan mereka, menidakkan hak mereka untuk tinggal di kawasan perumahan dan sebagainya. Tetapi kini ada peniaga-peniaga asing yang mereka tidak bayar apa-apa cukai, tidak bayar lesen kepada MPSP, mereka datang mereka memulakan perniagaan dan ada daripada mereka yang tidak (PATI) pendatang asing tanpa izin ataupun mereka *over stay*, mereka memulakan perniagaan dan mereka mengambil-alih peluang yang ada pada orang tempatan. Dan kalau kita pergi ke Pekan Bukit Mertajam.

Masa saya jadi Ahli Majlis dahulu, pernah nyatakan Pekan Bukit Mertajam sudah menjadi macam pekan Bangladesh. Semua mereka yang berniaga. Mereka sepatutnya warga asing yang datang ke negara ini mereka ada pengkhususan yang mereka boleh bekerja di sektor mana. Tetapi nampaknya penguatkuasaan di pihak Imigresen lemah, mereka tidak menguatkuasakan undang-undang dengan betul. Dan mereka dibenarkan untuk berniaga, walaupun dan orang Malaysia juga bersekongkol memberikan, membenarkan mereka menggunakan lesen tempatan. Dalam kes-kes begini penjaja tepi jalan pun mereka sedang mengambil-alih. Dalam kes-kes sebegini saya merasakan walaupun kita menghadapinya dengan *you know taking into consideration human right and everything*. Kadangkala penguatkuasaan oleh PBT haruslah diberi penekanan juga seperti di kawasan saya, Flat Seri Bagan hari Jumaat minggu lepas. Saya pergi tengok hampir tujuh (7), lapan (8) kedai makanan dibuka oleh mereka dan ada kedai makanan orang Malaysia terpaksa ditutup kerana tidak ada lagi *customers* yang datang beli barang. So ini adalah kita perlu ambil kira aspek tersebut juga. Dan satu lagi adalah tentang, saya bersetuju dengan pandangan daripada Machang Bubok katakan. Warga asing kalau kulit dia putih, orang putih dia *over stay* tidak ada apa tindakan. Katakan kalau dia Bangladesh, Nepal ataupun lain-lain kita ada *discrimination*.

Dan lagi satu kad UNCHR. Itupun jadi satu isu. Memang saya ingin *put in record*. Ada *that its...* (dengan izin), *abuse in issuance of the UNCHR card because not when we check not all this people* yang bukan semuanya yang datang kononnya sebagai pelarian bukan pelarian, ada yang mereka mencari nafkah hidup di Malaysia ini tidak patutlah. So, kita harap pihak Kerajaan Persekutuan juga ambil perhatian perkara ini dan menyelaraskan dengan UNCHR untuk *issuance of the new identity card*. Sekian terima kasih.

#### **Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Pooh):**

Minta laluan. Ya, memang sehingga kini warga asing yang sah untuk bekerja di Negeri Pulau Pinang adalah 93,142 *foreign worker are registered legal*. Yang tak *legal* punya belum dapat lagi. Memang seperti daripada Bagan Dalam, memang Kerajaan Negeri telah ambil bahagian bahawa warga asing sepatutnya mereka tidak boleh buat berniaga kecil-kecilan atau restoran kebanyakan ada di Jalan Gurdwara, *Penang Road*, Nagasari dan Bukit Mertajam. Ini semua telah dikenal pasti. Laporan-laporan telah dibagi oleh Pihak

Berkuasa Tempatan dan dalam semakan dan dalam tindakan. *We have now have the list of those operating* dan ada banyak juga anak tempatan yang ambil lesen dan berniaga diusahakan oleh warga asing. Ini juga dalam perhatian. So saya di sini saya boleh bagi jaminan bahawa tindakan-tindakan akan diambil. *We are looking at this.*

Untuk pelarian memang ada satu masalah teknikal dia kata *concept on non-interference in ASEAN*. Saya juga ada beberapa perbincangan dengan UNCHR dengan kad-kad ini orang khususnya Rohingya's. Di sini juga usaha mencadangkan kepada mereka kena buat semula pendaftaran menggunakan *sim card* dan ini juga telah dijalankan dan juga pihak-pihak berkuasa tempatan akan di bagi ruang dan peluang untuk membaca. So, sehingga tak payah macam Ahli Yang Berhormat Bagan Dalam telefon saya atau teks saya minta turun pergi semakan. Semua penguatkuasa-penguatkuasa akan ada peralatan untuk *check* terus di sana sah atau tidak sah. Jadi ini sedang diuruskan.

#### **Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Minta penjelasan Machang Bubuk. Sebenarnya jangan pulak disalah tafsir saya bukan menentang pemberian status pelarian kepada mereka yang Rohingya ataupun negara-negara lain. Yang saya katakan status pelarian itu disalahgunakan. Ada yang membeli kad UNCHR. Dan ini perlu diselaraskan dengan UNCHR bagaimana mereka memberikan... (gangguan). Ada yang tuduhan sebegini. Dan saya nampak haritu ada yang bukan Rohingya datang dari Bangladesh dia ada kad UNCHR, bila saya tanya *he has saying that...*(gangguan).

#### **Timbalan Ketua Menteri II:**

Pembetulan. Perbincangan saya dengan Pengarah UNCHR ini sekarang pemberian kad UNCHR begitu ketat sekali, *its electronically featured*. Kalau wujud pembelian mungkin dia beli daripada mereka yang pegang kad. Tapi UNCHR begitu ketat dan ini memang jadi satu pertanyaan saya kepada Richard Tower bahawa kenapa *you* tak bagi kad ini kepada mereka yang dianggap sebagai pelarian. Memang dia rasa mereka pun dalam dilema. Sebab kawalan Polis mereka terhadap UNCHR pun begitu ketat juga. Walaupun mereka tidak ada satu perjanjian, walaupun mereka diterima sebagai satu Agensi UN, tapi tidak ada satu pengiktirafan daripada Kerajaan Malaysia.

Baru-baru ini mereka wujudkan satu *task-force*, *task-force* pun tidak dijalankan. So jadi saya rasa saya pun memang buat aduan kenapa beberapa orang yang datang jumpa sama saya dia tidak ada pegang kad UNCHR dan kalau *you* tidak pegang kad UNCHR mungkin *you* boleh ditahan oleh Polis, kalau tidak ada apa-apa dokumen. So jadi, dokumen UNCHR ini saya rasa mau tak mau inilah begitu ketat *its electronically featured*. *You* tidak boleh, *you* tidak boleh memalsukan kad itu. Asalkan pihak bertanggungjawab pihak Polis ini tahulah bahawa kad itu. Tapi kalau betul mungkin mereka dapat kad-kad daripada mereka yang dapat kad. Jadi proses pemberian kad kepada pelarian ini begitu ketat sekali jadi merupakan satu aduan yang besar terhadap UNCHR di Malaysia.

Jadi balik pada isu ini pekerja asing. Saya rasa pekerja di Malaysia adalah lebih kurang 16 juta. Separuh kependudukan di Malaysia adalah pekerja dan sehingga 30% kalau tak silap adalah pekerja asing. Pekerja asing ini adalah yang ada dokumen dan yang tidak ada dokumen. Dan saya rasa tidak ada dokumen banyak juga. Tapi sampai hari ini tidak ada satu dasar mengenai pekerja asing. Tidak ada satu dasar. Jadi semasa Barisan, jangan marah. Barisan ini pengambilan pekerja asing dari Bangladesh, Nepal semua ini dilanda dengan skandal-skandal yang besar. Dan sekarang Kerajaan Nepal pun tak bekalkan pekerja daripada Nepal, agensi-agensi keselamatan dan sebagainya. Jadi ada juga pihak di Kementerian pun sudah buat sedikit *U-turn* tentang pekerja asing. Suatu masa ketika dia kata pekerja asing ini kita mahu keluarkan, hantar balik. Sekarang dia kata kita perlu pekerja asing. Saya tidak marahkan pekerja asing. Saya setuju dengan Macang Bubuk, kita mesti ada satu dasar *humanitarians* kepada pekerja asing. Dan apabila Bagan Dalam katakan bahawa mereka ini bertungkus-lumus dalam *business*. Itu memang kehandalan mereka, itu *survival of the circle*, dia *press*. Dia boleh buat macam-macam. Bukan kita orang Malaysia ini lebih senang, dia buat dalam situasi terdesak dia boleh buat *business*. Mungkin adalah undang-undang dan sebagainya.

Jadi kita perlu ada satu dasar jangka panjang bagaimana kita akan kurangkan pekerja asing di samping itu kita perlu juga ada satu dasar bagaimana kita menghadapi masalah sekarang di mana beberapa restoran, kedai cuci kereta semua kena tutup, tiada tempat pekerja tempatan. Bukan tak ada, dia tidak mahu kerja oleh kerana beberapa faktor. Satu adalah mungkin gaji ini tak ada, mungkin hak bekerja pun tak ada dan sebagainya. Jadi sekarang ini, masa kini adalah macam mana kita ini tangani masalah. *That is reality now* tentang pekerja asing. Banyak firma-firma *security* tidak ada pekerja daripada Nepal dan sebagainya. Jadi saya minta bahawa Kerajaan Pusat mesti melihat ini secara lebih menyeluruh. Buat satu kajian yang lebih menyeluruh supaya fenomena pekerja asing bukan satu fenomena yang saya rasa remeh-temeh. Satu fenomena yang besar sebab ini adalah implikasi dan memandangkan kenapa kita tidak boleh mengurangkan satu masalah, kita negara kita kemahiran pekerja 30% sahaja. Pulau Pinang mungkin 31%, 32%. So kita tidak ada, kita tidak boleh mengeluarkan pekerja asing yang mahir. *We don't have...*(dengan

izin), *skills work force*. So apabila *we don't have a work force* jadi kita terpaksa bergantung kepada pekerja yang murah, pekerja yang patuh dan sebagainya. Dan inilah yang saya rasa suatu masalah yang kita mau lihat jangka panjang kita mesti mau ada dasar bukan satu, semua sektor. Ada sektor peladangan, sektor industri, ada sektor perkilangan dan sebagainya. Kita lihat keseluruhannya, bagaimana kita boleh kurangkan pekerja asing di samping itu juga, tidak buat apa-apa dasar serta merta, *you* tidak boleh tutup apa yang kita katakan, oh! kita hantar balik mereka atau sebagainya.

Jadi saya rasa kalau kita tidak apa ini memikirkan panjang dan isu ini saya rasa kita akan menghadapi pada masa kini. So inilah masa kini kita hadapi *problem*. Banyak restoran, banyak kedai-kedai terpaksa tutup. Tetapi kita boleh duduk bincang secara akademik, ini kebaikan, ini tak betul dan sebagainya. Tapi macam mana kita mahu tangani masalah yang sekarang. Saya rasa ada banyak aduan yang saya dapat. Jadi itulah saya rasa, kalau kita pekerja asing ini, mereka manusia. Mereka akan pergi mana-mana di dunia supaya dapat apa ni, gaji, kehidupan dan sebagainya. Kita tak salahkan mereka.

Jadi apa yang kita mahu sarankan adalah di mana agensi-agensi kerajaan, pihak-pihak yang salah gunakan yang kumpul wang secara berganda-ganda supaya mereka boleh rekrut dan kemudian mereka bekalkan duit kepada majikan masing-masing. So jadi rasuah ini mesti dihentikan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Timbalan Yang di-Pertua, kami bukan...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Sungai Puyu, masih pekerja asing.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Ya, kami bukan lihat daripada pekerja sahaja. Kami juga lihat daripada segi keluarga mereka kerana pelarian di Negeri Pulau Pinang mengikut maklumat-maklumat yang saya dapat, untuk Rohingya sahaja melebihi 40,000 lebih dan mereka *scattered out all of Penang*, anak-anak mereka tidak dapat ke sekolah dan lain-lain. *We are built up a new generation of illiterate. This is a social problem that have caught with the handle so that's the reason why* walaupun kami senyap-senyap, kami berusaha dengan NSCR supaya macam mana untuk berhubung, nak bincang dengan Kerajaan Pusat macam mana *you have some legal status* atau satu *understanding* supaya kami boleh jaga anak-anak mereka juga. *Because they are also human being*.

**Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):**

Terima kasih kepada, macam saya hendak menggulung pula. Saya yang membuat penggulungan. Terima kasih kepada Ahli Kawasan Perai, Sungai Puyu yang telah memberi penjelasan dan saya amat setuju dengan Ahli Kawasan Perai kerana perlu isu ini perlu ditangani dengan satu dasar yang lebih menyeluruh lagi dan bukan sekadar kita hanya memberi kenyataan-kenyataan yang diskriminasi terhadap orang asing dan tidak *really*, tidak menghargai dan juga sumbangan mereka dan itulah yang saya rasa Kerajaan Pulau Pinang yang *always leading, always leads* kita perlu dari segi menjaga, menjamin hak asasi manusia ini perlu mengambil berat tentang perkara ini.

Akhir sekali, Timbalan Yang di-Pertua, saya ingin membawa isu tentang Balai Polis di kawasan Alma. Bilangan penduduk yang telah meningkat di kawasan Alma telah menjadi ada satu keperluan untuk kawasan Alma ditambah satu Balai Polis kerana kita sering mendengar bahawa kekurangan anggota Polis di kawasan Machang Bubuk ini dan kita juga berdepan dengan kes-kes jenayah yang walaupun terkawal tetapi masih perlu ditangani dengan lebih baik lagi. So saya difahamkan Kerajaan Negeri kita juga telah membuat permohonan kepada Kementerian Dalam Negeri pada 2013 tetapi ia tidak diluluskan. Maka saya sekali lagi mencadangkan bahawa Kerajaan Negeri boleh membawa permohonan ini sekali lagi kepada Kementerian Dalam Negeri supaya mempertimbangkan membina satu Balai Polis di kawasan Alma.

Oleh itu, dengan ini saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua rakyat di Machang Bubuk. Sokongan mereka adalah permulaan ujian untuk kita semua. Tanggungjawab kita lebih berat lagi. So kita perlu menjalankan kerja kita dan juga merealisasikan agenda reformasi ini.

Sekian, terima kasih. Saya memohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih YB. Machang Bubuk. Dipersilakan Yang Berhormat Ahli Kawasan Penanti.

## Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):

*Bismillahi rahmanir rahim. Allahumsalialamuhammad waala alimuhammad. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua yang telah membenarkan saya untuk berbahas ke atas usul ucapan terima kasih kepada TYT Yang di-Pertua Negeri.

Pertamanya saya nak ucapkan berbanyak terima kasih kepada pengundi-pengundi di Penanti yang kerana telah memberi mandat dan kepercayaan kepada saya untuk meneruskan perkhidmatan dan perjuangan untuk mencuba dan berusaha untuk menunaikan segala apa yang permintaan-permintaan yang diminta oleh penduduk di Penanti.

Setelah PRU 14 hari itu, setelah kemenangan kita, disebabkan oleh *Alhamdulillah* kita dah menang perjuangan 20 tahun, dah menang untuk mendapat tampuk pemerintahan di Kerajaan Pusat dan di Kerajaan Negeri. Tahap permintaan oleh penduduk adalah sangat tinggi kerana dulu kita boleh cakap yang, *you know* Kerajaan Negeri di bawah pemerintahan kiranya Pembangkang dan sekarang kita tidak ada alasan begitu. Disebabkan itu, saya berhadapan dengan empat (4), lima (5) dialog penduduk sehari sebab penduduk dia terlampau kita rasa "*euphoria*" apabila kita dah menang sebab mereka di Permatang Pauh dah tunggu lama untuk mendapat merasai hasil dari kemenangan ini. Jadi apa yang saya bentang, minta dalam Sidang DUN, saya harap pihak *executive*, pihak barisan EXCO dan YAB. Ketua Menteri melihat ini sebagai satu, saya saja hanya adalah *messenger* kepada aduan dan permintaan daripada pengundi dan penduduk di Penanti. So saya harap seperti di Sidang DUN yang lepas, saya akan cuba mengengahkan perkara-perkara yang mungkin tidak begitu selesa tetapi saya terpaksa.

Lagi satu, isu penting yang perlu, mungkin Ahli-ahli Dewan tak perasan, kawasan Penanti berada di kawasan Permatang Pauh. Jadi kesedaran politik masyarakat di situ adalah sangat tinggi dan tekanan juga agak tinggi untuk melihat hasil daripada 20 tahun perjuangan mereka. Di Penanti pula, 86% penduduk adalah dari orang-orang Melayu dan kalau kita tengok pada PRU 14, kalau tengok data *statistic survey* yang kita tengok, sokongan orang-orang Melayu masa PRU 14 di tahap 23% macam tu untuk seluruh Malaysia, tetapi di Permatang Pauh dan Penanti saya rasa sangat tinggi, lebih tinggi dari had, daripada purata 23% tu. Tetapi masih ada kawasan-kawasan yang dulu kita kalah, kita masih kalah hanya kurang dia punya peratusan kalah tu. Tetapi *pointnya* saya hendak cakap di sini, kalau kita nak mengekalkan kemenangan untuk PRU 15 mungkin masa PRU 14 ni, kita menang disebabkan seluruh rakyat dan pengundi di Malaysia nak keluarkan Dato' Seri Najib. Jadi kita semua orang berganding bahu untuk keluarkan Dato' Seri Najib.

Tapi untuk PRU 15, saya rasa kita perlu menunjukkan yang *euphoria* kepada kemenangan PRU 14 tu tak jadi apa yang berlaku semasa peralihan dari dulu Tun Mahathir kepada Tun Abdullah Badawi sebab masa 2004, Tun Abdullah menang dengan kemenangan yang sangat besar. Tetapi 2008, Barisan Nasional kalah lima (5) negeri dan sekarang 2018 kita Pakatan Harapan telah memenangi Kerajaan Persekutuan. Kita punya *dream* yang kita selama ini berkorban di Permatang Pauh, *Alhamdulillah* sekarang kita berjaya, dapat tengok Dato' Seri Dr. Wan Azizah, Kak Wan kita yang telah jadi Ahli Parlimen yang lebih dari 10 tahun sekarang jadi Timbalan Perdana Menteri. So itu mukadimahnya yang saya hendak ceritakan apa yang saya melalui setelah kemenangan PRU 14 di mana penduduk semua memberi tekanan yang agak kuat.

Sebelum saya pergi ke isu tanah-tanah bendang dan tanah-tanah kampung Melayu, saya nak sentuh kepada soalan, jawapan pada soalan bertulis nombor 2. Dalam jawapan itu, saya merujuk kepada jawapan Ketua Menteri pada Sidang DUN 2016 dan 2017 yang menyatakan peruntukan RM400,000 untuk naik taraf Padang Homestay Mengkuang Titi untuk jadi mini stadium dan RM800,000 peruntukan untuk bina dewan baru. Ini adalah jawapan Sidang DUN. Dalam Sidang November, saya tanya lagi soalan tersebut. Bilakah projek-projek ini akan dilaksanakan? Adakah ia akan dimasukkan di dalam Bajet 2018, masa tu November. Jawapannya, bila saya tengok perbentangan bajet dan jawapan Sidang DUN kali ini pada Ogos maknanya projek ini walaupun disebut dalam jawapan Ketua Menteri tidak dimasukkan di dalam Bajet. Saya nak sebut perkara ini sebab kita bila penduduk tengok jawapan Sidang DUN, dia nampak jawapan itu macam seperti janji. Terutamanya bila ada angka-angka di situ. Jadi saya nak mohon sebab lagi satu ialah ketekunan penduduk di situ untuk membangunkan pelancongan homestay dan juga yang apa yang saya buat, klinik bola percuma kepada anak-anak kampung di mana 200 lebih daripada 250 anak-anak kampung yang berdaftar yang mendapat latihan percuma daripada jurulatih-jurulatih NSPD iaitu Pembangunan Sukan. Maknanya ini adalah jurulatih-jurulatih Pulau Pinang yang datang bagi latihan percuma setiap Ahad pagi kepada anak-anak kampung. Dan mereka seperti yang saya dah sebut mereka menjaga padang, merekalah yang bagi latihan setiap minggu *without fail* kecuali bulan Ramadan dan raya. Jadi dah bertahun-tahun kita mula dari 2016 ni, kita dah menang banyak kejuaraan tiga (3) kali. Baru ini kita menang lagi di Sungai Petani oleh syarikat insurans yang besar, kita menang lagi U8 dan sekolah dari Taiwan bila kita buat Festival Padi ini, dia orang tulis surat pada saya, nak lawan dengan DNA Penanti kelab kita, kelab DNA Penanti.

Jadi, dengan usaha yang kita telah buat dan juga itu bukan setakat padang bola, ia juga adalah padang *homestay* sebab kawasan itu diwartakan sebagai kawasan Agro-Pelancongan dan sebarang pembangunan lain tidak boleh diadakan di kawasan tempat padang *homestay* dan di Mengkuang Titi. Di situ, setiap bulan ada *Homes group-group* dari pelancong asing yang datang. Kadang *group-group* 30 orang, berapa puluh orang yang kadang-kadang duduk sampai sebulan ini ada membantu menambah pendapatan bagi penduduk-penduduk kampung. Jadi saya amat berharap agar orang-orang kampung tidak rasa yang mereka di, apa yang mereka mohon jawapan sidang DUN telah dibagi sejak 2016 sekarang dah 2018 jadi saya nak mohon untuk *Budget* 2019 saya nak mohon pada Yang Amat Berhormat Padang Kota dan DO ke, Pegawai Kewangan Negeri saya harap ia boleh ditunaikan.

Lagi satu bila sebelum ini ada sidang media dilakukan oleh Ketua Menteri, mantan untuk umumkan mini stadium dan padang sintetik di Seberang Jaya, ramai penduduk macam tanya saya kami mahu minta juga di kampung kita tak ada apa-apa. Prasarana di kampung adalah sangat, kami orang-orang kampung bagi mereka lebih memerlukan berbanding dengan kawasan *semi urban* yang sudah ada macam-macam infrastruktur macam-macam kemudahan. Dan *even* di Taman Guar Perahu iaitu taman yang dibina sejak 1990 mereka tidak ada padang bola walaupun di situ ada 1,200 rumah dan lebih daripada 4,000 penduduk, dan mereka minta boleh dan jawapan sidang DUN juga dapat saya dapat jawapan yang kos kos untuk menaik taraf padang bola di atas tanah Kerajaan 4.4 ekar itu, kos ia ialah RM750. Itu jawapan bertulis. Tapi saya nak memohon jika ada cara yang lebih murah asalkan padang itu boleh digunakan oleh anak-anak muda dan belia dan boleh digunakan seperti padang bola yang dijaga oleh penduduk sendiri di Mengkuang Titi saya mengharapkan agar Ketua Menteri boleh memasukkan dalam bajet padang bola dinaik taraf di Taman Guar Perahu.

Isu kedua saya *move on* kepada JKKK. Di kawasan bandar mungkin JKKK tak penting. Tapi di kawasan kampung JKKK adalah sangat penting.

**Ahli-ahli Dewan:**

Penting.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Tak, sebab di kawasan bandar atau kawasan perumahan dah ada MPSP, dah ada PBT untuk jaga tapi kawasan-kawasan kampung tidak termasuk dalam khidmat PBT sebab PBT dia letak tong sampah *communal* tapi segala pembersihan awam, kena dibuat oleh kita kena buat sendiri. Dan selalunya kerja-kerja ini dibuat oleh JKKK dan sebab itu saya ada mohon *especially* di perkampungan Sungai Lembu. Ini adalah perkampungan Cina dan mereka telah banyak kali mohon, buat surat macam-macam dah terima surat kata pembersihan awam tidak termasuk dalam kerja MPSP. Tetapi dalam mesyuarat ada dikatakan yang kontraktor MARRIS akan datang. Tapi sejak akhir-akhir ini kontraktor MARRIS tak datang ataupun kerja-kerja itu tak dilakukan. Mungkin disebabkan oleh masalah yang dihadapi oleh kontraktor MARRIS apabila mereka mendapat potongan 15%...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Mohon penjelasan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Ya?

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Maksud tadi, Adakah pihak MPSP tidak menyediakan tong sampah di kawasan Sungai Lembu ini?

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Bukan di kawasan kampung MPSP hanya letak tong sampah *Communer* maknanya pembersihan awam seperti yang dilakukan di taman-taman perumahan, di kawasan-kawasan bandar tidak dilakukan. Jadi hanya di kawasan seperti perkampungan Sungai Lembu tu, kalau mengikut akta, memang memang dia patut dibersihkan ada pembersihan awam. Hanya macam saya kata la, saya ada tanya soalan berkenaan dengan kontraktor MARRIS dan saya ada tanya jawapannya ialah mereka mendapat potongan 15% disebabkan oleh aduan yang tak bersih *so far*. Tapi masalahnya apabila potongan sebanyak 15% ini dibuat ataupun lebih, kontraktor-kontraktor tu terjejas, so mereka tidak ada pekerja yang cukup untuk membuat pembersihan awam. Maknanya keadaan kebersihan di perkampungan Sungai Lembu itu saya selalu dapat aduan dan mereka marah la dia orang kata kali ini dia orang menang betul-betul bagi kemenangan kepada saya tapi lagi teruk kan. Jadi dia orang marah. Jadi dia orang kata macam ni, boleh tak buat macam Projek GRB yang PWDC buat. Maknanya bagi kontrak pembersihan kepada JKKK. Tapi jawapan yang saya terima tak boleh, benda itu kena masuk dalam tender. Saya hanya nak merayu kalau JKKK sebab perkampungan Sungai Lembu, dia tak macam perkampungan-perkampungan lain sebab dia adalah sebuah kampung tersusun. Maknanya ada jalan tar, ada parit hanya perlu diselenggarakan dan

dipotong rumput secara baik. Jadi mereka kata kalau mereka pun boleh potong rumput, *just* benarkan mereka untuk membuat pembersihan. Jadi, saya tengok apa yang telah dibuat oleh Padang Lalang, kawasan ADUN Padang Lalang di mana ada beberapa projek GRB ataupun *General Responsive Budget Project*. Di mana kontrak pembersihan diberi kepada penduduk dan tahap kebersihan itu lebih baik sebab mereka yang kena bersihkan sendiri. Jadi saya nak mohon jika di perkampungan Sungai Lembu di...infrastruktur kampung itu adalah baik, saya mohon dipertimbangkan semula sebab kalau dari jawapan ini memang tak dapatlah. Jadi saya harap dipertimbangkan semula, sebab untuk mengurangkan rasa marahnya penduduk kampung...(gangguan).

**Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):**

Untuk melaksanakn GRB, dia mesti ada bajet juga yang dia dijalankan GRB di seumpunya di Sungai Pinang, dia bajet itu datang dari MBPP dan PWDC. Sekiranya ada bajet kita boleh buat. Tapi nampaknya sekarang ialah tak ada bajet, tak ada mana pihak yang bertanggungjawab ke atas *maintenance* betul tak? Kalau saya, *if I get you right*. Jadi di sini kalau sekiranya ada bajet, siapalah yang bertanggungjawab ke atas rumah perkhidmatan itu? Potong rumput ataupun jalan raya, kita mesti kena pastikan pihak mana yang bertanggungjawab ke atas itu. Dan sekiranya ada bajet, barulah kita boleh melaksanakan GRB itu. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Terima kasih. Saya faham projek GRB itu datang duitnya daripada MPSP dan PWDC hanya permohonan dia saya hanya bagi contoh mengikut sebab pengalaman dari projek GRB yang dibuat di Sungai Pinang adalah sangat berjaya. Sebelum itu flat itu memang keadaannya tak bersih. Tetapi sejak penduduk ambil alih kontrak pembersihan, sebab mereka yang tinggal di situ, flat itu jadi cantik dan bersih. Dia ada rasa *ownership*. Jadi mengambil iktibar yang baik dari projek GRBP di Sungai Pinang, sebab itu saya nak memohon jika kontrak MARRIS itu, boleh dilonggarkan agar kerja-kerja pembersihan boleh dibuatkan oleh penduduk sendiri. Maknanya mereka akan ada wang untuk membuat pembersihan, dibuat oleh JKKK sendiri. Itu yang mereka minta. Macam saya katakan tadi, Penanti kita 72 lebih daripada 72% daripada penduduk tinggal di kampung. Di mana, kita mempunyai masalah pembersihan awam. Tidak sebab kita kena buat sendiri, jadi untuk PRU 14 ini, *since* kita dah pegang Kerajaan Pusat, saya harap yang peruntukan infrastruktur dan peruntukan pembersihan awam dan peruntukan kemudahan awam untuk penyelenggaraan dewan-dewan, infrastruktur asas seperti pili Bomba, seperti parit, seperti lampu dapat diadakan semula sebab kita dah pegang Kerajaan. Kita tidak ada alasan lagi untuk beritahu orang kampung yang Kerajaan Pusat tak bagi. Saya mohon dulu daripada MOF saya mohon juga daripada ICU tak dapat sebab ICU kata dia kena bagi pada ADUN BN. Tapi sekarang kita dah tak ada ADUN BN kan.

**Ahli-ahli Dewan:**

Ada...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

*Oh, sorry! Oh*, Bukan maksud saya macam itu bukan ADUN, bukan ADUN. Salah. Pemerintahan BN dah tak ada di Pusat. Jadi, alasan kenapa kita tidak boleh bagi secukupnya peruntukan, infrastruktur asas, peruntukan infrastruktur awam seperti dewan, tempat sukan, riadah, padang bola dan juga kerja pembersihan awam di kampung-kampung. Saya rasa seperti tidak ada alasan lagi. Kita... (gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Baru nampak.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Terima kasih Penanti. Cuma saya nak jelaskan di sini, saya rasa tidak ada masalah dari segi kerja-kerja parit kampung, longkang dan sebagainya. Kita ada pihak Majlis, kita ada pihak Kerajaan Negeri. Mungkin boleh salurkan melalui Pejabat Daerah, peruntukan kecil ADUN-ADUN dan sebagainya. Kita dulu dapat daripada ICU. ICU ini terus daripada Kerajaan Pusat masa itu. Kerajaan Pusat bagi pada ADUN untuk bina untuk longkang-longkang kampung dan sebagainya. Saya rasa ini boleh diwujudkan di peringkat negeri, tak ada masalah. Sekarang dah ada Kerajaan Pusat dan pelbagai jabatan, kita minta buat macam tu lah.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya nak cerita ada masalah sebab dulu, dulu, kalau nak cerita benda...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Jangan bagi ada masalah, buat bagi selesai...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya nak cerita benda yang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Nak bantu rakyat kena selesai.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Ariffin):**

Saya nak cerita perkara fakta. Mungkin Sungai Dua dulu bawah pemerintahan BN tak ada masalah, tapi kita selama ni kita dapat duit, kita gunakan duit daripada Tabung Perparitan, Tabung Perparitan itu memang saya di Penanti saya banyak mohon parit-parit kampung, betul. Caruman perparitan tetapi sekarang kita dah pegang Kerajaan Pusat kan? Yang tu *specific*, macam pembersihan awam sebagai contohnya adalah sesuatu yang bukan projek, dia adalah sesuatu yang sepatutnya biasalah berjadual dilakukan dan jika peruntukan infrastruktur ni asas semua dikembalikan balik maka dan diurus oleh Pejabat Daerah dan tak ada masalah sebab sekarang ni masa PRU 13 kita memang kena mohon dan itu pun bergantung kepada berapa duit caruman yang tinggal. Duit caruman pun tinggal sikit je macam nak negatif kan? Jadi memang susah sangat nak dapat dan duit projek *high impact* pun memakan masa yang lama untuk dijalankan.

Jadi saya nak mohon agar Ketua Menteri dapat berbincang dengan mantan Ketua Menteri kita untuk dapatkan wang peruntukan untuk pembersihan awam di kampung. Tapi yang macam di Sungai Lembu tu dari segi akta sebuah kampung baru memang dari segi akta perlu dapat pembersihan awam hanya masalah yang dihadapi sekarang ialah kontraktor MARRIS. So kontraktor MARRIS dia berhadapan dengan masalah so dia tak boleh nak buat pembersihan, dia tak cukup pekerja, dia dapat potongan dan sebagainya...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):**

Ahli Kawasan Penanti, mohon mencelah. Saya nak kongsi sikit pengalaman sebagai Ahli Majlis kerana di Majlis Perbandaran Seberang Perai. Sebenarnya kerja-kerja pembersihan di kampung sebelum ini tidak ada. Dimulakan apabila YAB. Ketua Menteri jadi EXCO Kerajaan Tempatan, idea ini telah dibawa kepada perhatian YAB. Ketua Menteri EXCO pada ketika itu dan MPSP dapat juga cari jalan untuk memperkenalkan projek pembersihan melalui MARRIS di kampung-kampung. Itu yang diperkenalkan sekarang.. boleh saya habiskan dulu? *Last year* baru di.. *if I'm not mistaken, last year or this year* dimulakan tapi sekarang Ahli Kawasan Penanti kata kesian dekat kontraktor sebab dia kena potong peruntukannya.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya kesian juga dekat dia tapi macam ni, saya sebut saya bangkitkan isu ini, ini ialah isu *underground* yang dihadapi oleh penduduk yang marah.

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

Penanti, saya boleh habiskan? Saya habiskan, saya ada jawapan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

*Actually this is my floor.*

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees A/L Muniandy):**

*I know*, sila benarkan. So, kalau memang kalau kontraktor tak buat kerja elok, MPSP terpaksa potong dan Penanti ada cadangan yang baik untuk berikan terus kepada penduduk kampung mereka, JKKK dan mereka boleh jaga lebih elok. *Why not...*(dengan izin) Penanti cadangkan kepada JKKK tersebut untuk tubuhkan koperasi, dapatkan lesen yang berkaitan....(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Nak suruh JKKK tubuhkan koperasi. Mai nak cerita pasal koperasi. Mak saya adalah *founder* kepada Koperasi Ibu Tunggal dan Wanita SPT, betapa susahnyanya. Kenapa kita nak menyusahkan JKKK nak kena tubuhkan koperasi dulu lepas tu baru nak, *just because* dia nak kampung dia bersih? *That's the issue* nak kampung dia bersih itu je *somebody* buat pembersihan awam. Kalau nak suruh koperasi tu yang perkampungan Sungai Lembu buat koperasi *just because*...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):**

*I think* Ahli Kawasan Penanti tak faham, kerja pembersihan itu diberikan melalui tender. Takkan JKKK terus boleh *apply*. Kena faham la.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya faham benda tu. Sebab itu saya bagi contoh pengalaman GRB projek di PPR Sungai Pinang. *That I understand...*(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Ahli Kawasan Penanti, *please address to me, thank you.*

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Saya cuba untuk selesaikan dengan baik *this term*. Nak cakap dengan lemah lembutnya. Saya hanya nak sebut di sini mengambil pengalaman di Sungai Pinang dan saya hanya sebut, saya tak minta buat di kampung-kampung lain. Saya hanya minta di Sungai Lembu sahaja sebab infrastruktur kampung tu dia memang kampung baru yang tersusun. Itu pun sebab JKKK dan mohon banyak kali. Itu saja...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Ahli Kawasan Penanti, boleh saya celah. Sebab disebutkan banyak kali PPR Jalan Sungai, saya juga ingin nak memberitahu bahawa di PPR Jalan Sungai memang ia sangat berjaya di bawah program GRPB. Di mana, penduduk di PPR Jalan Sungai menubuhkan persatuan. Ada satu persatuan, kena *register* di bawah satu pertubuhan penduduk PPR. Pertubuhan Penduduk PPR Jalan Sungai. Lepas tu, mereka dapatkan kontrak itu, di mana kontrak itu lebih murah daripada kontrak luaran. Jadi, mereka dapat kontrak itu dan mereka menjalankan tugas kebersihan di PPR Jalan Sungai. Disebabkan *ownership*, ia sangat berjaya dan menjadi satu model di Malaysia bahkan di Asia, saya rasa. Terima kasih. Dunia, model di dunia. Ya betul.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Oleh pengiktirafan daripada badan dunia seperti United Nation terhadap program yang sangat berjaya di PPR Sungai Pinang dan juga projek GRPB lain, sebab tu saya mohon untuk satu kampung ni saja. Perkampungan Sungai Lembu sahaja.

**Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Mohon penjelasan. Saya amat bersimpati dengan Penanti. (Dewan ketawa). Jadi saya harap pihak YAB. Ketua Menteri tolong pertimbangkan, pertimbangkan selesaikan masalah Sungai Lembu. Tidak esok Penanti susah. Saya amat menyokong supaya pertimbangan diberikan kepada Ahli Kawasan Penanti.

**YAB. Ketua Menteri:**

Sehingga Setiausaha JKKK pun lari ke Kedah. (Ahli Dewan ketawa)

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Betul, Setiausaha JKKK Sungai Lembu sekarang adalah ADUN Kulim. Ya, betul. Ya, saya harap dipertimbangkan ya. Ini satu lagi masalah yang dah dapat jawapan dan saya sangat *happy*, saya sangat gembira dengan jawapan ini. Masalah yang saya hadapi, mungkin ADUN-ADUN lain juga menghadapi. Kadang-kadang kita di kawasan kita ada ramai pengundi kita duduk di luar kawasan. Lepas tu masalah yang dihadapi ialah kadang-kadang dia sakit, sesuatu bencana musibah berlaku, ada juga dipulau pun ada. Satgi saya dapat *call* daripada Pusat Khidmat ADUN, "Dr. Norlela, pengundi anda ada di sini, tolong ambil dia". Dia dipulau. Dia tinggal di tempat lain. Jadi, sebab tu banyak sangat kes-kes di mana pengundi-pengundi Penanti yang tinggal di luar kawasan yang disebut oleh yang dibagi sempadan tu oleh Pegawai Daerah. Pejabat Daerah apa yang mereka buat ialah dia buat satu bengkel, panggil semua JKKK dan bagi peta mana sempadan kawasan masing-masing supaya JKKK tu tahu sempadan dia mana, ni ADUN lain ke JKKK dia.

Tapi masalahnya, kita sering berhadapan di mana pengundi-pengundi Penanti yang tinggal di luar yang disuruh datang ke Pusat Khidmat untuk mendapat perkhidmatan. Jadi jawapan yang saya terima, sebab saya pun nak tau secara polisi Kerajaan Negeri. Adakah kita memberi khidmat kepada pengundi ataupun kita bagi khidmat kepada penduduk yang tinggal di kawasan sempadan KADUN kita. Dan jawapan yang saya terima ialah pemberian pendudukan adalah berdasarkan tempat tinggal penerima bantuan. Itu mengikut pekeliling 2010-2011 dan peruntukan P16 P03 juga projek-projek di luar KADUN adalah tidak dibenarkan kecuali bagi anggota pentadbiran iaitu yang YAB. Ketua Menteri, YB. Timbalan Ketua Menteri dan YB. Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang boleh mencadangkan pelaksanaan projek-projek khas di luar KADUN masing-masing terhad kepada maksimum RM50,000. Jadi, maknanya akaun khas *outright grant* pun tidak boleh diberikan kepada orang yang tinggal di luar kawasan.

So saya harap lepas ni rakan-rakan ADUN di Pulau Pinang ini dengan jawapan ini, tidak akan merasa yang saya tak jaga pengundi saya di luar. Bukan saya tak nak jaga, tapi *even* dalam Mesyuarat di Jawatankuasa Tindakan Daerah, DO memang cakap kalau hantar kepada Pejabat Daerah pun

permohonan P16, Pejabat Daerah akan tak luluskan sebab berada di luar kawasan. So saya harap dengan ini tidak ada salah faham dan tidak kita mengguris hati sesiapa sebab saya pun tak berniat nak mengguris hati sesiapa. Saya hanya nak ikut garis panduan kewangan Kerajaan Pulau Pinang.

Isu seterusnya ialah berkenaan dengan Penang Science Café di Taman Guar Perahu. *Alhamdulillah* dah hampir siap dan bulan Ogos ni dah boleh digunakan. Ia adalah satu usaha untuk menggalakkan pembelajaran *Science Technology Engineering Dan Mathematics* ataupun STEM bagi anak-anak kampung dan anak-anak yang tercicir di Penanti dan Permatang Pauh. Dewan ini hampir siap, saya hanya bila tengok jawapan daripada jawapan yang saya terima di Sidang DUN hari ini saya sangat sedih sebab bila saya tanya, okey Penang Science Café di Taman Guar Perahu ni hampir siap, bolehkah Kerajaan Negeri membantu menampung sebahagian kos operasi sebab yang tu yang saya dapat jawapan bertulis ialah Kerajaan Negeri telah memperuntukan RM1.225 juta kepada *science science café* yang lain sebab kalau kita nak buka Pusat *Science Technology Engineering dan Mathematics*, kita dulu buka di Dewan JKKK sejak 2014. Tapi lepas tu dewan tu telah diambil alih oleh pihak masjid disebabkan tanah itu adalah tanah kubur so dia orang tak benarkan kita buat kelas kat situ. Jadi, sekarang ini kita akan sambungkan pada kelas-kelas ini. Jadi masa kita buat itu kita ada kos-kos yang kita kena bayar kepada PSC atau Penang Science Cluster bila mereka datang latih dan macam-macam, seperti klinik bola saya juga lah. Klinik bola yang saya buat setiap minggu Ahad tu memang ada *cost*. Saya keluarkan duit saya sendiri. Mulanya saya *spent* RM3,000 lebih setiap bulan, sekarang saya kurangkan sedikit RM2,000 lebih untuk menjaga padang supaya padang tu cantik, baik, bagi elaun sedikit kepada pelatih-pelatih dan jurulatih-jurulatihnya adalah yang terbaik di Pulau Pinang.

Jadi saya harap Kerajaan Negeri boleh menimbang semula jawapan yang saya terima ini supaya usaha yang kita buat di Penanti dan di Permatang Pauh ini mendapat juga sokongan daripada Kerajaan Negeri dengan membantu kami untuk mengurangkan kos operasi. Saya telah berjumpa dengan beberapa syarikat untuk kita panggil *socialpreneur*, syarikat-syarikat *socialpreneur* seperti Dream Catcher, seperti Plexus dan lain-lain untuk mereka *donate* apa-apa peralatan lama yang mereka tak mahu bagi kepada kami dan saya harap juga Kerajaan Negeri sebagaimana yang kerajaan bagi peruntukan RM1.225 juta kepada Penang Science Café yang lain, saya harap Kerajaan Negeri juga akan membantu kami bagi sokongan, *a little bit of man*, sedikit duit macam klinik bola tu pun tak apa, asalkan ada sikit..(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Penjelasan YB. Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih, Timbalan Speaker dan juga YB Penanti. Saya mengikut rapat perbahasan YB. dan saya mendapati projek yang YB. laksanakan di Penanti. Namun terdapat kekangan yang saya teliti tadi iaitu kekangan kewangan yang mana YB. Penanti banyak menimbulkan tentang permohonan untuk mendapatkan sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan saya memohon penjelasan daripada YB. Penanti sama ada peruntukan di bawah P.16 kepada ADUN-ADUN ni mencukupi atau tidak? Sekiranya tidak mencukupi apa cadangan YB. Penanti memandangkan YAB. CM pun ada pada petang ini. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Mungkin kawasan lain tidak ada masalah sangat. Sebab saya ....(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Bila dengar rintihan dari Penanti, kami dah rasa takut.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Kita kena faham sebab macam saya sebut tadi, di Penanti kita sebahagian besar daripada penduduk duduk di kampung. Dan kita tidak ada MPSP ke, siapa yang membuat pembersihan awam ke, semua kita kena buat sendiri, lampu jalan, pili Bomba, baru ni saya letak 11 pili Bomba, sebab bila terbakar Bomba datang tidak ada air, air tak cukup rumah semua terbakar, memang di kawasan kampung kita tidak ada infrastruktur pili Bomba, lampu jalan, lampu jalan pun ADUN kena bayar...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Peruntukan tu cukup ke tidak?

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Mai saya cerita pasal *out right grant*. *Out right grant* saya tinggal sikit untuk *last* sampai bulan 10 sebagai contohnya sebab berlaku pada Jun 17, ribut yang melanda 25 rumah dan bila ribut melanda 25 rumah, habis bumbung terkeluar, bila you masuk-masuk bumbung dia tidak ada, memang di kawasan kampung kita mesti tolong. Duit yang sepuluh peratus tu, memang tidak cukup yang dia dapat duit bencana TYT. Jadi semua orang tengok pada siapa, ADUN. Saya memang kena tolong mereka ataupun saya kena guna duit P.16 bagi gotong royong baiki rumah penduduk tu.

Pada bulan Mei kita menghadapi banjir sampai beratus orang, tiga empat ratus orang kita kena banjir dan bulan November dulu kan banjir kita kena 1,503 rumah, kena 5,000 lebih orang dan kita nak dapat duit RM700 tu lambat, Penduduk kena tunggu, duit RM400 pun lambat dan memang ADUN kena keluarkan, kita tidak boleh pi tengok orang tengah sengsara tu tak bagi apa-apa, dan kita tidak boleh biarkan bumbung-bumbung rumah tu berlopong dengan anak-anak kecil dalam rumah dan orang-orang tua jadi kita memang kena bagi dan duit dan juga pembersihan. Buat paritlah, Padang Kota dah beri buat parit tapi penyelenggaraan parit tu mesti buat tu semua guna duit dan saya buat klinik bola, saya guna duit saya. Festival Padi ni pun, Festival Padi *Alhamdulillah* Padang Kota bagi RM10,000, EXCO Pelancongan bagi RM10,000 dan Dato' Halim, dia kawasan apa tah, ADUN Batu Maung bagi RM5,000, itu RM35,000 untuk *event* untuk dua hari dan taraf antarabangsa dan saya nak sebut di sini dan saya bayar kepada orang-orang kampung buat the *art work*, padi besar-besar yang macam Dato' Speaker nak buat macam kat Taiwan dan Jepun tu, *art work* tu saja sudah RM17,000....(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

Penjelasan. Minta maaf YB. Tuan Speaker, saya pohon penjelasan tadi banyak kekangan kewangan yang dihadapi oleh Penanti dan saya harap nanti kekangan yang sama juga akan dihadapi oleh kami. Jadi soalan dan penjelasan sama ada peruntukan P.16 itu mencukupi atau tidak? Jika tidak apa cadangan YB. Penanti memandangkan YB. CM ada pada petang ini.

**YAB. Ketua Menteri :**

Kenapa YB. Permatang Pasir tidak berani nak tanya sendiri.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Sebab itulah saya rasa jika kita ada peruntukan infrastruktur dan kemudahan awam diwujudkan kembali dan pembersihan awam di kampung-kampung diperuntukkan, peruntukan itu diwujudkan kembali dan diberi kepada Pejabat Daerah oleh Kerajaan Pusat dan maknanya tekanan kepada ADUN dan peruntukan yang nak kena guna P.16, nak kena guna kita punya *out right grant* itu adalah kurang sebab maknanya peruntukan untuk pasang pili Bomba, lampu jalan, parit semua tu dan pembersihan awam *you know* semua itu boleh potong pokok pun boleh, pokok kelapa semua tu RM7,000 satu pokok, pokok ... (gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

YB. Penanti minta tolong gulungkan perbahasan.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Okey, Okey. Tapi cadangan saya tu supaya peruntukan itu boleh diadakan semula itu akan ini memang betul. Kadang-kadang bila dekat dengan rumah orang, dia kena ada dua *back hole*, pokok kelapa, pokok kekabu, memang mahal. Sebelum saya dihalau, *sorry, sorry* saya nak sebut pasal kampung tadi kalau boleh EXCO di sini tidak ada, boleh buat pertandingan keindahan kampung di Pulau Pinang sebab kita nak tingkatkan tahap ekonomi tempatan di kampung. Jika kita nak penduduk kampung semua tidak buang sampah, tak bakar sampah, tak merosakkan sungai, kalau kita ada pertandingan keindahan kampung, semua kampung-kampung akan berlawan-lawan untuk jadi kampung yang tercantik. Saya cadangkan hadiah wang tunai RM20,000 dan halaman dan kediaman cantik dapat duit tapi *the price* boleh digunakan oleh mereka untuk buat sesuatu yang baik untuk kampung mereka.

Yang penting juga ialah berkenaan dengan melindungi tanah-tanah sawah. Kawasan Kampung Terus dan Guar Jering adalah penempatan tanaman padi yang paling awal sekali di Pulau Pinang tapi di Seberang Perai memang dan kita ada 396 hektar padi dan kalau tengok daripada statistik 102.1 hektar daripada 200.3 hektar telah dijadikan perumahan. Dan sebab tu orang-orang kampung marah. Mereka nak kekalkan tanah-tanah kampung. Sebab mereka kata mereka tidak mau jadi macam di Pulau. Mereka nak tanah-tanah kampung terutamanya di Kampung Terus sebab dia ada faktor warisan. Itulah tempat pertama Sultan Kedah hantar adik dia Sultan Sulaiman dengan 45,000 pesawah terbaik di Kedah untuk tanam padi di situ tetapi masalahnya bila sebuah *solar farm* adalah projek okey, bila dibina di atas hutan darat dia menjadi satu industri, pendapatan daripada *solar farm* daripada 2.5 hektar adalah satu juta setahun. Orang kampung semua nak jual tanah-tanah ni dan berpuluh-puluh ekar tanah telah dijual.

Jadi disebabkan itu, penduduk kampung marah. Buat sepanduk semua cat merah kepada saya, suruh saya buat sesuatu dan kita telah buat dialog bersama penduduk dan pada 12 Ogos ini ada seluruh persatuan pesawah dari Malaysia akan turun ke Kampung Terus bersama dengan *Padi Rescue* untuk berdialog dengan saya dan YB. Nurul Izzah bagaimana nak selamatkan tanah-tanah sawah padi sebagai warisan tanah tanaman padi di Pulau Pinang dan juga untuk jaminan makanan di Pulau Pinang dan boleh dibangunkan sebagai satu sektor pelancongan yang baru, pelancongan padi seperti di Sekincan. Sekincan di Selangor sudah menjadi tempat yang hip. Semua orang *week end* akan pergi ke Sekincan untuk makan-makan di *hipster café* tapi di Kampung Terus kita akan kekalkan warisan sebagai sebuah tempat warisan

Melayu yang hendak dikekalkan.

Jadi pada 12 Ogos dan 11 haribulan, penduduk kampung sampai tidur dua tiga malam untuk siapkan semua jerami-jerami padi ni, *art work* ini sebagai tarikan pelancong. Maknanya penduduk kampung itu berusaha keras walaupun saya hanya beri idea saja kepada dia, saya bagi idea, idea tu datang daripada ADUN Paya Terubong, EXCO Pelancongan kita, YB. Danny dan juga Dato' Speaker, tapi yang melaksanakan yang merealisasikan idea itu ialah penduduk kampung dan saya telah tanya pada IADA boleh dibenarkan penduduk-penduduk kampung untuk tanam padi-padi yang *colourful*. Supaya bila orang datang ke Pulau Pinang ke Kampung Terus dengan ada sungai dan Bukit Mertajam sebagai *background* dia nampak padi-padi itu jadi *art work, colourful* dan kalau kita tengok padi-padi yang *colourful* ini dia punya beras berharga RM30.00 sekilo. Ini adalah pendapatan, bukan seluruh Pulau Pinang kita nak tanam padi-padi *colourful* tapi sekurang-kurangnya di tempat warisan yang kita nak penduduk kampung rasa tanah sawah sendiri ada *value*, ada nilai.

So bila orang datang tempat ni unik. Sekincan tidak ada ni, dia ada laut dan dia moden. Kedah pun tidak ada, dia ada padi tapi kita dekat, tak payah orang dari George Town pergi ke Kedah, datang ke Pulau Pinang kita bangunkan sebagai satu agro pelancongan padi yang baru dan saya harap Jabatan Pertanian dan IADA akan membenarkan orang-orang kampung untuk tanam benih-benih padi yang *colourful* supaya ia jadi *art work*.

#### **Ahli Kawasan Sungai Acheh (YB. Zulkifli Bin Ibrahim):**

Minta laluan. Terima kasih YB. Penanti, saya memahami kebimbangan dan kekusaran Penanti berkaitan dengan isu sawah padi. Adakah YB. Penanti bersetuju sebab kalau kita tengok walaupun di sebut Negeri Kedah tadi setahu saya di Negeri Kedah tidak seperti di Pulau Pinang bahagian Pulau Pinang, tanah-tanah sawah bendang ini kita wujudkan Warta Taliair di mana kita mengawal pembangunan-pembangunan untuk menjaga hasil padi ni. Ataupun YB. Penanti nampak Warta Taliair ni dia macam *lope hole* ataupun boleh diperketatkan lagi supaya pembangunan di kawasan tanah padi ni boleh dikawal.

#### **Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Sebab itulah seperti yang saya sebut, saya ada bincang dengan Pendakwa Raya juga sebab kita macam saya kata tadi 102.18 hektar tanah padi dan pertanian telah ditukar jadi perumahan, ini sudah berlaku sekarang ini kita sudah ada 396 hektar di Kampung Terus dan Guar Jering. Kita nak cuba kekalkan apa yang masih ada. So saya harap kita ada akta-akta yang untuk melindungi tanah sawah padi tapi seperti yang dikatakan walaupun hukuman ini berat tapi setakat ini bila saya bincang dengan MPSP dan juga bincang dengan Pendakwa Raya, setakat ini tak ada kes yang boleh dikenakan hukuman berat kalau ikut undang-undang mereka boleh masuk penjara dan dipenjarakan dan *fine* dia sangat besar beratus ribu tapi tidak ada kes-kes *so far* dalam PAC. Dalam PAC kita dah tengok semua kes-kes tanah-tanah sawah yang ditukar kepada industri ataupun kepada perumahan dan sebagainya semua dia punya saman yang di bawa ke mahkamah 7,000 semua sebab Pendakwa Raya kata Mahkamah Rendah hanya boleh *fine* RM10,000, so mungkin boleh bawa ke majisteret atau apa tetapi setakat ini dari data-data yang kita tengok dalam PAC tidak ada. Tidak ada hukuman yang berat siapa-siapa masuk *jail*, jika ada pemilik tanah yang masuk *jail* enam bulan ke setahun ke yang kena *fine* beratus ribu ke, mungkin itu akan menakutkan dan mencegah pemilik tanah untuk tukar.

#### **Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Muhamad Yusoff Bin Mohd. Noor):**

Saya tertarik isu yang dibangkitkan oleh Penanti, isu tambakan tanah sawah dan juga penjualan tanah. Tanah kebanyakan di kawasan kita ini tanah, *first grade* jadi dia menjadi rebutan. Cuma kita terikat dengan Warta Tali Air, Warta Tali Air seperti yang disebut oleh Sungai Acheh. Apa salahnya kita kuat kuasakan Warta Tali Air. Sebab kita gunakan konsep yang ada sekarang MPSP tahan dan lepas itu *stop* pembangunan tambun tanah, pemaju tambun tanah ini hari cuti, hari Sabtu, Ahad. Dia akan tambun masukkan tanah dulu. Kita tahan pun esok hari Isnin dah masuk tanah dah, bendang dah rosak dah. Seterusnya di pihak MPSP tahan lepas tu masuk mahkamah. Bila masuk mahkamah, dia ada tempoh masa yang agak panjang untuk buat keputusan sama ada korek balik ke, denda yang tinggi dan sebagainya, dalam tempoh masa tu pihak pemaju terus masuk tambun buat jalan, lot dan sebagainya. Ini jadi masalah dan saya ingat perkara ini perlu beri perhatian yang serius oleh pihak berkuasa, PBT dan sebagainya buat satu penyelarasan, penyeragaman tentang tanah sawah. Dia tak ada satu penyeragaman, bila tanya pihak JPS dia kata rujuk kepada pihak MPSP dan sebagainya, jadi tidak ada keputusan yang kemas yang konkrit yang tidak ada menyebabkan pemaju-pemaju ini berani tambun dan merosakkan tanah sawah. Jadi saya minta pandangan daripada pihak YB. Penanti dan pihak PBT.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

Ya, saya harap pihak Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri boleh memikirkan sebab Pendakwa Raya beritahu saya perlu ada pembaikan dari segi undang-undang supaya penguatkuasaan boleh dilakukan di Mahkamah Rendah mengikut peruntukan yang ditetapkan dalam akta. Sebab sekarang ni kalau sepuluh ribu tak jadi apa, dan masuk *court* macam tiga tahun itu tidak ada ciri-ciri pencegahan.

Saya nak *move on* pada topik yang lagi satu iaitu masalah di kampung juga. Masalah di kampung ni di Penanti ada banyak pondok-pondok, di kampung-kampung yang saya sangat sedih ialah ramai warga emas, orang tua-tua yang sakit kadang-kadang dia orang meninggal macam tu sahaja, kadang dia tinggal seorang walau pun dia ada anak, anak-anak dia kerja atau tinggal di tempat lain dan mereka tak nak keluar daripada rumah dia dan dia tak mau tinggal di rumah orang tua-tua. Masyarakat Melayu, masyarakat kampung memang stigma nak pergi. Jadi saya telah mencadangkan, YB. Nurul Izzah juga, saya nak mencadangkan kepada Majlis Agama Islam, kalau boleh bantu pondok-pondok yang besar seperti An-Nahdhoh di bawah Ustaz Muthalib, yang ni pondok yang memang dah ada orang-orang kampung kalau dia tinggal di pondok dia pindah tak apa, kalau dia tua-tua dia nak pindah duduk di pondok sebab dia nak sembahyang, dia nak mengaji tapi bila dia sakit, dia tak boleh uruskan diri dia, dia tak boleh pakai *pampers*, tak orang nak masak untuk dia, tidak ada siapa jaga dia walaupun dia duduk di pondok.

Jadi saya nak memohon pada Majlis Agama Islam supaya boleh buat pengambilan tanah ke berdekatan dengan Pusat An-Nahdhoh yang besar tu setiap hari Sabtu, 3,000 orang datang mengaji di situ supaya dapat dinaikkan taraf dan satu pusat komuniti warga emas dan untuk penjagaan peliatif, sebab kadang-kadang bukan orang tua-tua saja yang sakit, orang-orang muda pun boleh jadi sakit dan dia tak boleh jaga diri dia. Di kampung-kampung ramai yang tak mampu nak jaga mereka ini dan mereka terbiar kadang-kadang mati macam tu sahaja dan keadaannya sangat dan saya banyak kali jumpa makcik-makcik ini pindah, nak bawa pi duduk kat lain, dia tak mau nak duduk kat rumah dia juga tapi kalau pergi ke pondok itu dia nak.

Jadi saya harap Majlis Agama Islam boleh membantu supaya pondok-pondok yang ada yang elok boleh dinaik tarafkan supaya warga-warga emas, orang-orang yang pindah ke pondok tu boleh mendapat penjagaan, kesihatan, *medical care* untuk orang bagi dia makan, tukar *pampers* dia kerana kita kena ada...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

YB. Penanti, *you* dok ulang...(gangguan).

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

*So I won't repeat that so* nak cakap ni, saya nak sarankan seperti di *Singapore* apa dia buat, dia buat komuniti pusat jagaan komuniti untuk budak-budak kecil yang mungkin keluarga-keluarga yang susah, mungkin di flat-flat mereka tidak ada tempat macam-macam mungkin pusat komuniti ini boleh juga, anak-anak kampung yang rumah dia sempit boleh duduk di situ, dan juga sebagai transit ataupun kalau tak memang tinggal di situ dan juga bagi ibu-ibu yang menyara anak-anak mereka yang tak dapat kerja ni, mungkin ibu-ibu boleh pindah situ biar anak dia cari kerja...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Terima kasih.

**Ahli Kawasan Penanti (YB. Dr. Hajah Norlela Binti Ariffin):**

*Last one, last one this one is important...*(gangguan), *just five minutes*, lagi satu yang amat penting yang saya nak sebut di sini ialah berkenaan mengambil ikhtibar daripada projek Mengkuang Dam. Projek Mengkuang Dam ini kos dia ialah RM1.232 bilion dan saya nak menyeru satu ajalah supaya projek-projek besar seperti ini dia ada Rumah Pam Mat Sulong iaitu RM76 juta dan juga Mengkuang Dam tu. Projek ini mengalami kelewatan untuk diambil alih oleh pihak Kerajaan Negeri. Jadi saya nak cadangkan jika ada projek-projek begini, satu buat *user requirement quote unquote...*(dengan izin) di antara *user* iaitu PBA dan pemilik projek iaitu KETTHA dan kontraktor iaitu *China Water*. Sebab mula-mula projek ini memang pinjaman tapi *diconvert* RM1 bilion tu dijadikan geran sebab projek ini dibiayai oleh Kerajaan China. Tapi projek ini mengambil kelewatan, pam dia sudah siap, Mengkuang Dam dah siap sejak tahun lepas bulan empat, dan rumah pam siap sejak Oktober bulan lepas tapi tidak dapat di,...ada dua-dua *side* tak setuju. Jadi saya nak sarankan untuk projek sebesar ini buat *user requirement* dari awal. Buat *early design*, yang *stage design* tu yang sama-sama setuju dan bila *testing*, kedua-dua pihak kementerian dan kontraktor dan *user* PBA tu sama-sama buat *testing*.

Patutnya buat dari dulu dari Oktober kalau dari dulu semua air-air banjir yang kena 1,053 rumah, 5,000 penduduk di Penanti sampai tujuh hari tu dah boleh dimasukkan ke Mengkuang Dam air-air yang banyak tu tapi benda tu tak dapat dilakukan disebabkan kedua-dua pihak bertelagah. Lagi satu yang penting saya nak minta Kerajaan Negeri minta daripada KETTHA supaya *claim defect liability* dari *China Water*

untuk letak sistem penahan cerun sebab cerun-cerun dalam Mengkuang Dam yang saya dah masuk lebih daripada 45 darjah semua mengalami tanah runtuh, 23 tanah runtuh masih ada dan jalan-jalan dalam Mengkuang Dam tu terlampau sempit dan bahaya.

So kita tak boleh buat *Mengkuang Dam Run* pun sebab merbahaya. Jadi saya nak mohon minta buat *defect liability claim* daripada *China Water* sebab masih ada *period* sampai 2019. Suruh *China Water* letak sistem penahan cerun dan sebab dia buat sikit saja *the big part* yang sembilan kilometer tu dia tak buat. Itu saja yang *last* sekali saya mohon menyokong. Terima kasih.

#### **Timbalan Yang Di-Pertua Dewan:**

Terima kasih Penanti. Jadi dipersilakan YB. Sungai Pinang.

#### **Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri ini. Terima kasih Timbalan Dato' Speaker kerana memberi peluang kepada saya turut serta sesi perbahasan dalam Dewan yang mulia ini. Saya nak bermula dengan satu pantun iaitu:

Kapal layar berlayar sudah,

Tertulis dalam lipatan sejarah,

Pakatan Harapan menang sudah,

Kini masanya melakar sejarah.

Timbalan Speaker yang dihormati, pertamanya saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Tun Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang di atas kesihatan yang baik serta saranan cukup baik dalam ucapan perasmian baru-baru ini. Sesungguhnya di atas kesungguhan Tun Yang Terutama dalam memastikan keharmonian negeri ini bersama-sama pimpinan Kerajaan Negeri iaitu mantan Ketua Menteri dari Air Putih tidak dapat dinafikan. Kini sekali lagi Tun Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang menjadi regu kepada Ketua Menteri tetapi kali ini bersama-sama Padang Kota yang sememangnya tidak asing lagi dengan Tuan Yang Terutama. Semoga kedua-duanya diberikan kesihatan untuk memimpin negeri ini dalam keadaan makmur sejahtera.

Sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri dalam Dewan yang mulia ini, saya mengambil pendekatan untuk membahar sedikit perihal ucapan Tun Yang Terutama Yang di-Pertua, diantaranya saranan Tun tentang menyediakan perumahan kepada rakyat. Memang isu perumahan untuk rakyat sangat panas. Semua tahu bahawa Rumah Mampu Milik masih tidak mencukupi di seluruh Pulau Pinang. Sememangnya rumah adalah satu keperluan kepada setiap keluarga. Perlu diingatkan. Sememangnya Kerajaan Negeri begitu komited dalam penyediaan rumah kepada rakyat tetapi semua sedia maklum ketika itu banyak kekangan yang perlu dihadapi oleh Kerajaan Negeri untuk merealisasikan impian ini.

Walau bagaimanapun, seperti rangkap pantun saya sebentar tadi, kini kita sudah mampu untuk menolak kekangan-kekangan yang dihadapi dahulu untuk melaksanakan agenda rakyat. Kini sudah tiba masanya kita melakar sejarah membawa aspirasi rakyat. Kita kini bukan lagi pembangkang tetapi pemerintah yang seharusnya lebih ke hadapan dalam melaksanakan apa yang sebelum ini tersekat.

Agenda perumahan untuk rakyat perlu dijadualkan semula bersesuaian dengan keadaan. Golongan muda yang belum berkahwin tetapi berpendapatan tinggi atau layak memiliki rumah perlu diberi peluang. Kenapa saya tidak bermula dengan selalunya orang kata, golongan yang berkeluarga, golongan miskin, golongan ibu tunggal, golongan ibu tunggal. Tetapi saya juga terima banyak aduan daripada golongan muda. Golongan muda yang belum berkahwin tetapi mereka berpendapatan tinggi atau layak. Bukan sangat tinggi lah. Mereka adalah dalam tengah-tengah. Seperti *burger*. Atas ada orang tua yang kena jaga. Yang ini belum kahwin. *Sorry, sorry*, yang mereka dah lupa. Ada ibubapa. Mereka ada ibubapa yang perlu dijaga. Jadi, golongan muda yang belum kahwin tetapi mereka *ok* la berpendapatan tinggi atau layak memiliki rumah perlu diberi peluang. Mereka ini siang malam bekerja. Dulu kita juga, bila tak kahwin kita pun siang malam kita kerja untuk mendapatkan pendapatan. Mereka bekerja membanting tulang, membina ekonomi negara.

Ideologi Gen Y kini dalam membina kehidupan sebelum berumahtangga adalah membina keperluan seperti memiliki jaminan kewangan yang kukuh dan mendirikan rumah dahulu sebelum berumah tangga. Saya rasa kita perlu galakkan kalau seseorang dia berniat ingin berumahtangga. Adalah lebih baik kalau dia memiliki rumah sebelum dia berumahtangga.

Golongan muda ini tidak perlu dikesampingkan tetapi tidak semestinya sudah berumahtangga perlu diutamakan sahaja. Semua pihak perlu mendapat hak sebagai rakyat Malaysia dan pembayar cukai. Rumah adalah untuk semua rakyat. Rumah bukan untuk golongan tertentu sahaja. Justeru, kerajaan perlu memikirkan dan bertindak dengan sewajarnya.

Selain rumah untuk dibeli, perlu juga diperluaskan skim lain yang mampu memenuhi hasrat rakyat. Sebagai contoh, skim sewa beli rumah yang diperkenalkan oleh Kerajaan Negeri perlu ditambah. Unit-unit rumah baru RMM B iaitu Kos Sederhana Rendah dan RMM A, Kos Rendah perlu dibina di kawasan-kawasan yang strategik. Kuota rumah skim sewa beli perlu diwujudkan di setiap projek perumahan Kos Sederhana Rendah dan Kos Rendah, selain kuota untuk pinjaman bank. Saya mohon perkara ini mendapat perhatian Kerajaan Negeri atas sikap kepedulian kita untuk memastikan semua lapisan rakyat dapat memiliki rumah.

Bukan semua rakyat mampu dapat pinjaman bank. Kerajaan Negeri juga sedar akan perkara ini dan saya percaya inisiatif ini mampu dipertimbangkan dengan sewajarnya. Sepertimana jawapan EXCO Perumahan sesi pagi tadi, telah dinyatakan bahawa Kerajaan Negeri akan memperluaskan pembinaan Rumah Kos Rendah di Bagan Dalam. Saya ingin bertanya, adakah ada cadangan untuk mendirikan lebih banyak rumah Kos Rendah dan Rumah Kos Sederhana Rendah di dalam Daerah Timur Laut terutamanya di DUN Sungai Pinang. Memang, kami telah adakan satu lawatan tapak di kawasan DUN Sungai Pinang di dekat Kota Giam. Saya harap impian ini akan direalisasikan secepat mungkin.

Projek Perumahan Rakyat (PPR) perlu dibina kerana unit sedia ada tidak mampu menampung berikutan penambahan miskin bandar yang semakin bertambah. Miskin bandar bukan perkara baru tetapi golongan ini kurang menonjol. Mereka ini kalau dilihat sememangnya tidak menampakkan kemiskinan yang dimilikinya tetapi itulah realiti kehidupan di bandar. Walaupun berpendapatan hampir RM2,500.00 sebulan, RM2,500.00 sebulan tetapi dengan bilangan anak, perbelanjaan tetap utiliti, kenderaan dan pendidikan anak-anak mereka ini umpama indah khabar dari rupa. Saya ingin mengambil satu contoh di mana kalau di PPR sebab di PPR Sungai Pinang adalah di kawasan saya. Di mana dia adalah cuma untuk pendapatan golongan di bawah RM2,500.00 sekeluarga, pendapatan sekeluarga. Dan kebelakangan ini ada satu kes di mana, ada kebakaran di kawasan saya dan mereka ditempatkan di unit kecemasan untuk kebakaran tetapi pendapatannya RM2,530.00 maka tidak boleh. Maka tidak boleh. Dia diberi notis untuk keluar. Jadi, saya rasa memandangkan kos hidup yang begitu tinggi sekarang. Saya rasa kalau dia memang ada beberapa anak. Isterinya seorang surirumah tangga yang kena mendidik anak. Jadi, kalau RM2,500.00 untuk pembayaran sewa untuk lagi untuk perbelanjaan ibubapa lagi. Saya rasa memang bukan senang. Tapi saya faham polisi Kerajaan Negeri kita juga perlu diikuti. Tetapi adakah kita perlu kaji semula bahawa, kita kena buat sedikit *adjust* ke, penyesuaian supaya golongan ini dapat diutamakan juga kehidupan mereka. Golongan ini saya maksudkan, golongan yang perlu diteliti melalui kajian demografi masyarakat masa kini. Perlu dasar-dasar baru bagi melindungi mereka daripada disisihkan dalam pelaksanaan dasar membabitkan bantuan sara hidup atau bantuan pendidikan anak-anak.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Minta penjelasan.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Okey. Silakan.

**Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):**

Ya, terima kasih Yang Berhormat Sungai Pinang. Cuma saya ingin dapatkan pandangan Yang Berhormat Sungai Pinang. Baru-baru ini Kerajaan Negeri menghadapi kes di mana diantaranya penghuni khususnya di dalam unit-unit PPR yang telah banyak tunggakan yang telah dihutangkan kepada Kerajaan Negeri. Dan baru-baru ini juga pihak Kerajaan Negeri telah mengambil tindakan untuk penguatkuasaan untuk mengeluarkan penghuni-penghuni yang berhutang agak melampau, lebih kurang dekat-dekat dengan RM10,000.00.

Jadi, boleh saya dapatkan pandangan Yang Berhormat Sungai Pinang. Adakah Yang Berhormat Sungai Pinang bersetuju sama ada kita patut mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap penghuni-penghuni yang bertunggakan tinggi ini untuk mengosongkan unit-unit tersebut untuk diberikan kepada golongan-golongan yang memerlukannya. Memandangkan, terdapat parti politik juga yang mengambil peranan ataupun mengambil pendirian untuk mempertahankan penghuni-penghuni PPR ini yang bertunggakan tinggi. Minta padangan.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih Pengkalan Kota. Memang tunggakan ini kita tidak boleh dinafikan ia adalah satu masalah di semua PPR. Tapi saya rasa kita kena pertimbangkan kenapa. Kenapa ada tunggakan? Adakah dia mampu bayar tetapi enggan bayar atau dia memang tidak mampu? Yang ini pengalaman saya di PPR Jalan Sungai. Memang bila saya jadi ahli kawasan, jadi Wakil Rakyat di Kawasan Sungai Pinang. Di mana ada PPR Jalan Sungai dan PPR di Jalan Jetty. Saya dapat satu *list*. Sendiri saya minta daripada Kerajaan Tempatan supaya satu senarai diberikan kepada saya dan kami buat siasatan oleh JKKK bersama dengan JKKK dengan penduduk setempat. Kenapa mereka tidak, enggan bayar. Kenapa ada tunggakan begitu tinggi? Ada yang memang mereka bukan tidak mampu bayar. Datang jumpa saya. Bila terima notis dia kata,

“YB saya tak boleh bayar, janganlah, nak halau saya keluar”. Tapi saya faham. “Saya tahu kamu menjalankan perniagaan dan saya tahu kamu memang mampu untuk bayar dan kita dah teliti dengan pendapatan kamu dan saya rasa kamu tidak layak lagi untuk tinggal lagi dalam PPR ini”. Maka, dia serta merta langsaikan semua tunggakan. Ini berlaku di PPR Jalan Sungai.

Bukan kita tidak berperikemanusiaan, bukan kita tidak nak membantu mereka. Memang ada yang satu (1) suami mempunyai 10 anak. Ada yang OKU, dengan gaji, *I think* dia kerja dengan JKR. Gaji selepas potongan tak sampai RM2,000.00. RM1,000.00 lebih sahaja. Macam mana dia nak *survive*, jadi dia ada tunggakan tapi kitalah kena cari satu penyelesaian. Kita minta zakat. Kita pohonkan, memohon zakat, Tsu Chi dan lain-lain pertubuhan untuk membantu mereka. Maka ini dia ada dua-dua. *You* kena tengok ada asas kenapa tunggakan ini. Tunggakan ini begitu banyak. Memang sebelum kita memerintah pada tahun 2008. Saya difahamkan juga bahawa tunggakan ini adalah sebelum bertahun-bertahun sebelum itu. Jadi dia menjadi satu tunggakan yang begitu banyak. Satu bulan RM102.00 sahaja, kalau dia ada tunggakan sebanyak RM15,000.00 pun ada. Berapa tahun dia tinggal dalam unit ini dan enggan bayar. Jadi kita patutlah buat satu kajian lagi dan satu penyelesaian untuk membantu semua rakyat jelata. Bukan sahaja mereka yang layak sebab banyak lagi yang dalam senarai menunggu. Adakah adil kalau dia boleh bayar, dia tak mau bayar. Tetapi yang layak tinggal masih menunggu. Jadi itu lah saranan kami juga untuk membina lebih banyak PPR. Memang tak cukup tampung.

Sekarang untuk makluman semua. PPR bukan mereka boleh tinggal selama-lamanya. *Every three (3) years*, dua (2) atau tiga (3) tahun kena ada buat kajian untuk selidik, kaji selidik sama ada pendapatannya telah melangkau permintaan permohonan itu. Jadi, sekarang di PPR Jalan Sungai, kita terima banyak surat bahawa notis mereka terima, mereka kena keluar dari PPR. Masalah sekarang pulang kepada saya juga. Adakah nak terus membiarkan mereka tinggal di sana atau mereka kena keluar. Ini masalah sosial yang kita hadapi sekarang. Memang itu adalah miskin bandar yang kita mesti hadapi dan inilah realiti. Terima kasih Pengkalan Kota.

Di mana pula. Okey, umum mengetahui golongan lelaki bujang. Tadi saya sudah katakan, sudah...(gangguan). Sudah kahwin...(gangguan).

**Ahli Kawasan Bagan Jermal (YB. Soon Lip Chee):**

Sudah kahwin. Anak pun dah 10...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Tak ada. Tadi adalah muda. Bukan tadi adalah golongan muda. Ini golongan muda. Sekarang golongan lelaki bujang adalah antara yang bertungkus lumus bekerja dalam semua sektor. Mereka, Oh ya, tadi saya kata mereka ini kadang umpama sebuah mesin yang bekerja 24 jam. Nasib mereka perlu kita sebagai pemimpin dan pemerintah kerajaan ini menyediakan suasana hidup yang lebih kondusif, kemampuan dan cita rasa mereka perlu kita selami. Antaranya peluang pekerjaan yang lebih selesa, peluang melanjutkan pelajaran atau penambahan *skill*, penambahan kemahiran dalam bidang yang diceburi. Bantuan perniagaan, bantuan khidmat nasihat dan ruang untuk mereka meluahkan perasaan. Tempat-tempat riadah untuk golongan ini perlu disediakan sebaik mungkin mengikut cita rasa mereka kini.

Kenapa saya kata golongan lelaki bujang. Dia juga tersekat, ada yang lebih 35 tahun mereka nak buat permohonan, banyak permohonan tidak dapat diluluskan, sebab dia bujang lagi, dia tak berkeluarga, dia tak ada beban jadi ini lah semua yang yang saya luahkan, luahkan perasaan oleh kawan-kawan lelaki bujang saya. Betul, memang ada juga pegawai-pegawai yang meluahkan perasaan mereka kepada saya...(gangguan). Pulau Tikus, okey.

Golongan muda ini kalau kita tidak mampu menyelami kehendak dan kemahuan mereka adalah amat rugi jika mereka-mereka ini terjebak dengan aktiviti-aktiviti yang tidak baik. Sukan adalah medium terbaik untuk diisi dalam ruang-ruang tersebut. Sukan rakyat perlu dihidupkan semula. Banyak anak muda kini yang telah lupa akan sukan rakyat. Penanggan gajet cukup dahsyat, gajet semua tengok, sedang tengok / tahu, meskipun kita tidak menolak teknologi tetapi budaya jati diri bangsa Malaysia perlu diasah kembali setuju tak? Air Itam.... (gangguan). Okey, memperdayakan semula budaya bangsa adalah perlu dilaksanakan. Kita perlu mewariskannya agar generasi akan datang tidak hilang identiti.

Begitu juga golongan wanita muda, mereka ini ibarat tingkap-tingkap yang menghiasi rumah, yang membenarkan cahaya masuk ke dalam rumah, yang membiarkan angin masuk ke dalam rumah. Mereka juga yang mampu menghalang hujan, ribut dan nyamuk memasuki rumah. Tahu tak begitu pentingnya wanita.

Tetapi diskriminasi wanita muda dalam menceburi bidang-bidang tertentu dihapuskan. Alasan kurang berpengalaman, muda, kurang pengalaman dan tidak sesuai adalah alasan yang sering kali diberikan. Wanita muda banyak yang telah menceburi bidang, seperti bidang teknikal dan mekanikal. Inilah lonjakan paradigma wanita alaf baru. Kerajaan perlu memastikan pihak swasta tidak kesampingan wanita muda masuk dalam sektor industri berat.

Sebagai langkah pertama untuk menjaga kepentingan warga wanita di negara ini, adalah munasabah dan logik, kaedah penyediaan rumah mampu milik kepada golongan wanita mestilah teratur dan merangkumi mereka yang berada dalam kategori yang perlu, miskin, tertindas, mahupun kurang berkemampuan.

Begitu juga faktor yang tidak boleh diabaikan seperti kaedah penyenaaran penyenaaran pendek nama-nama yang layak dalam permohonan rumah, perlu sedikit kelonggaran seperti status kewangan isi rumah bukannya pendapatan pemohon semata-mata. Pendapatan seseorang tidak sepatutnya menjadi faktor utama pertimbangan dalam memperolehi kelayakan memiliki seunit rumah mampu milik. Pendapatan seseorang ataupun penilaian dari segi ringgit dan sen yang dicari oleh seseorang setiap bulan harus dijadikan asas pertimbangan.

Timbalan Speaker yang dihormati, keluarga merupakan unit sosial yang paling penting dalam mana-mana masyarakat. Tanggungjawab menjaga keluarga tidak sepatutnya menjadi beban isteri atau kaum wanita sahaja. Tetapi seharusnya dipikul bersama-sama dengan bapa dan kaum lelaki dalam keluarga. Saya rasa semua kaum lelaki dan bapa di dalam Dewan ini memang setuju kan, ada sokongkah? Sokong dengan sedikit tepukan haaa, terima kasih.

Sebagai kerajaan, jika kami dapat memastikan kesejahteraan keluarga, maka kami boleh mengurangkan isu sosial dan secara langsung dapat menjimatkan kos perbelanjaan yang perlu dibelanjakan untuk mengatasi isu sosial. Dengan ini, kami bukan sahaja dapat menjaga kesejahteraan masyarakat malah boleh menggunakan wang telah dijamin untuk melaksanakan program pembangunan negara yang lain.

Sebagai wakil rakyat di Sungai Pinang, sebagai seorang wakil rakyat wanita. Saya rasa ini bukan sahaja untuk kaum wanita kalau kamu adalah lelaki atau wanita kamu juga akan menyahut seruan Timbalan Perdana Menteri iaitu Menteri oohhh...(gangguan).

**Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz Bin Fadzil):**

*Can, still got time.* Okey, saya biasa mendengar tentang diskriminasi terhadap wanita. Satu isu yang menarik yang menjadi salah satu *concern* dalam falsafah hidup saya dan juga dalam prinsip hukum Islam. Kita dibenarkan untuk berpoligami walaupun saya belum bersedia dan berani. Namun adalah, aspek kebajikan di Pulau Pinang ini dan kita menyebut tentang rumah mampu milik kalau melibatkan wanita yang dipoligamkan. Isteri kedua, ketiga mereka tidak layak untuk menerima bantuan. Jadikah, adakah ini satu *one sort of the discrimination against women, any explanation.* Thank you, terima kasih Timbalan Yang di-Pertua.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Terima kasih Permatang Pasir, saya rasa semua...(gangguan).

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Sungai Puyu saya, Sungai Pinang, minta maaf, minta maaf, minta maaf. Sungai Pinang saya hanya membenarkan beliau celah dalam ucapan kamu perbahasan dan kamu kena teruskan dengan tanpa...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Esok Boleh? Teruskan esok, boleh?

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Tak boleh.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Okey, jadi saya rasa isu diskriminasi ini saya rasa itu terpulanglah kan ia subjektiflah. Tapi saya, untuk saya bukan sahaja untuk wanita yang dipoligami juga kalau kita katakan ibu yang, ibu yang tidak berkahwin. Ibu yang tidak berkahwin ia juga akan terpinggir juga dan akan terkeluar daripada kumpulan yang layak untuk memiliki rumah mampu milik. Saya tak tahu adakah ini yang kita kena buat satu kajian juga. Tetapi dia sudah jadi satu realiti, realiti bahawa dia adalah isteri yang dipoligamkan, diabaikan atau memang ada juga isu ibu belum, ibu tidak berkahwin, *unmarried mothers*. Jadi adakah kerajaan masyarakat juga akan meneliti isu dan masalah yang dihadapi mereka?

Saya menyahut seruan Timbalan Perdana Menteri dan juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat untuk menubuhkan taska di semua agensi kerajaan mulai 1 Januari tahun depan. Pada pendapat saya usaha yang baik ini tidak harus dilaksanakan di agensi-agensi kerajaan sahaja. Kita juga berharap agar pihak swasta akan mengikut jejak pihak kerajaan pada masa yang sama.

Program pemutihan taska, kerajaan perlu menubuhkan *one stop centre* bagi memudahkan pengusaha-pengusaha tadika, taska, PJKK dan rumah orang tua untuk mengemukakan permohonan mereka. *One stop centre* ini mestilah menyediakan maklumat yang diperlukan agar permohonan mereka dapat dipercepat dan berjalan lancar.

Berbanding dengan keadaan sekarang, pengusaha perlu hadir ke setiap agensi yang berlainan dan hal ini memakan masa dan tidak produktif. Dan kami difahamkan bahawa tempoh pemutihan untuk taska dan tadika akan sampai pada September 15 tahun ini. Jadi mereka ada masa yang sangat singkat. Walaupun kita dah bagi setahun lebih tapi kita masih tahu bahawa daripada keratan surat khabar Dato' Bandar MBPP masih memberitahu bahawa masih ada 100 lebih, lebih 100 taska yang belum, belum ada lesen. Masih dalam belum buat permohonan. Penubuhan taska bukan sekadar demi kepentingan ibu-ibu yang dianggap sepatutnya berperanan menjaga anak-anak bahkan demi kebaikan bapa-bapa.

Hal ini demikian kerana sesetengah bapa juga berhasrat untuk melibatkan diri dalam perkembangan anak mereka. Perwatakan kaum bapa juga sangat penting dalam fasa awal perkembangan diri anak-anak mereka. Kaum bapa juga perlu diberi pendedahan terhadap perkara ini.

Kelas-kelas bimbingan atau kaunseling perlu diwujudkan untuk membantu kaum bapa memahami tanggungjawab bersama membesarkan anak-anak fasa awal perkembangan anak-anak mereka.

Kajian telah menunjukkan bahawa tiga (3) daripada sepuluh orang yang bekerja terpaksa mengundur diri daripada sektor pekerjaan demi menjaga anak-anak mereka. Hal ini merupakan kerugian yang besar kepada ekonomi kita kerana profil pekerja wanita Malaysia menunjukkan bahawa bilangan pekerja wanita menyusut selepas mencapai umur 30 tahun. Kadar penyertaan tenaga kerja wanita hanya 54.7% berbanding dengan lelaki iaitu 80.1%. Keadaan ini adalah tidak setanding dengan negara yang maju seperti Jepun dan Korea. Ibu-ibu di negara kembali semula ke sektor pekerjaan setelah anak-anak mereka mencapai umur yang matang. Oleh sebab itu, kerajaan perlu mencuba sedaya upaya untuk mengekalkan penglibatan kaum wanita dalam sektor pekerjaan.

Timbalan Speaker, sebaik sahaja, sebaik mana sesebuah kerajaan...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan A/L Aramugam):**

Minta, minta laluan.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Ya, Tak ada masa...(gangguan).

**Ahli Kawasan Batu Uban (YB. Kumaresan a/l Aramugam):**

Sikit saja. Terima kasih Sungai Pinang. Saya tertarik dengan perbincangan Sungai Pinang mengenai dengan taska dan, saya pun terkejut apabila dimaklumkan bahawa lebih 100 taska yang tidak mempunyai lesen dan sebagainya. Dan ketika ini kita lihat bagaimana kes-kes penderaan dan juga ada juga melibatkan kes kematian bayi dan sebagainya. Saya nak minta apakah pendapat Yang Berhormat Sungai Pinang mengenai taska-taska yang tidak mempunyai lesen di Pulau Pinang ini. Adakah kita akan membenarkan mereka beroperasi ataupun kita minta mereka untuk mendapatkan lesen dan juga mematuhi semua prosedur yang ditetapkan. Terima kasih.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Ya, memang bukan mereka tidak nak melesenkan premis mereka atau berlesen sebab ada beberapa kekangan teknikal isu. Kamu juga adalah Ahli Majlis kan? Isu daripada Kerajaan Tempatan tentang *conversion* semua ini. Walaupun ada usaha daripada EXCO, EXCO Pembangunan Wanita dan beberapa EXCO untuk mempercepatkan, menyenangkan proses itu. Tetapi semua masih *observe*, bahawa adakah boleh lebih senang untuk mereka mendapatkan lesen. Masalah masih ada sebab tentang sumbangan, sumbangan *conversion*. Semua ini memang adalah satu masalah yang besar. Jadi ini adalah satu masalah yang mana kita mesti tangani dengan secepat mungkin. Dan saya berharaplah satu *one stop centre* dan pengusaha-pengusaha tampil ke depan, kita sedia membantu. Sebab pentingnya taska dan juga kita senang *monitor*, kalau mereka berlesen, kita senang monitor...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Minta penjelasan sikit...(gangguan).

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Tak cukup masa boleh saya. Saya nak minta supaya saya di benarkan.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Sambung esok lah.

**Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):**

Sambung esoklah haaa... boleh haaa.

**Ahli Kawasan Sungai Puyu (YB. Phee Boon Poh):**

Saya bagi penjelasan. Timbalan Dato' Speaker, memang ke Jabatan Kebajikan telah dijalankan program di mana seragamnya adalah beberapa operasi bersepadu di mana kami sampai apa lagi penjelasan bagi penyertaan macam mana buat juga ada di taklimat-taklimat juga ada di ada beberapa tempat. Panjang punya cerita pendek kata, kami telah menggunakan apa-apa cara yang boleh supaya memberi mereka taklimat dan juga kesedaran bahawa ada ni keistimewaan beri kepada mereka. So saya berharaplah bahawa taska-taska / tadika-tadika yang belum memohon tampil ke hadapan tampil ke hadapan untuk memohon lesen di mana ada apa-apa masalah kita rela bantu penat mereka.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):**

Sungai Pinang mohon mencelah.

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Minta maaf.

**Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir Bin Aziz):**

*Last-last.*

**Timbalan Yang di-Pertua Dewan:**

Cukup masa dah...(gangguan) dari mula kita tamat pukul 7.00 sekarang sudah 7.15. Kita akan tangguhkan ke hari esok. So saya minta maaf sekali lagi dan Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan dan akan bersidang semula pada hari Selasa 7 Ogos 2018 jam 9.30 pagi. Dan juga semua ahli-ahli di jemput ke dewan makan. Makan malam disediakan. Sekian, terima kasih.

***Dewan ditangguhkan pada jam 7.15 malam.***